

29 JULAI 2019 (ISNIN)



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2019

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KEDUA

SHAH ALAM, 29 JULAI 2019 (ISNIN)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari (Sungai Tua)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.
(Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhurulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

29 JULAI 2019 (ISNIN)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Masri bin Mohd Daud, D.S.A.P., P.C.M.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

29 JULAI 2019 (ISNIN)

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Bentara

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad
Mashudi
Puan Nur Syahira Shazrin binti Mat Rohani
Pelapor Perbahasan

\

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN : Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas pada 29 Julai 2019 dimulakan dengan bacaan doa dan proklamasi.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN :

- i. Bacaan Doa
- ii. Proklamasi

OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), DARJAH KERABAT (JOHOR), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara (70) Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam Warta memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), DARJAH KERABAT (JOHOR), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara (70) Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 29 Julai 2019, 31 Julai hingga 2 Ogos 2019 dan 5 Ogos hingga 9 Ogos 2019 dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Keempat Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 25 hari bulan Jun 2019.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER : Salam sejahtera dan selamat datang kepada Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri, Pegawai Kerajaan dan para pemerhati sekalian. Bertemu lagi dalam mesyuarat kedua dewan yang mulia bagi Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Ke Empat Belas. Sebelum saya teruskan aturan mesyuarat saya ingin mengingatkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga para pemerhati sila padamkan telefon bimbit anda ataupun berada dalam silent mode semasa perjalanan persidangan jangan ada gangguan dengan bunyi yang tiada kaitan. Sekarang saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat pada pagi ini.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Membentangkan kertas-kertas mesyuarat.

- i. Kertas Mesyuarat Bil. 7 Tahun 2019.
Laporan Ketua Audit Negara mengenai pengurusan aktiviti Jabatan, Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor bagi Tahun 2017 Siri 2 dan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Selangor Tahun 2017.
- ii. Kertas Mesyuarat Bil. 8 Tahun 2019.
Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan No. 1 2019.
- iii. Kertas Mesyuarat Bil. 9 Tahun 2019.
Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Pertama 2019 dan memorandum Perbendaharaan mengenai Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Pertama 2019 Kerajaan Negeri Selangor.
- iv. Kertas Mesyuarat Bil. 10 Tahun 2019.
Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam bagi Dewan Negeri Selangor Berkaitan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 Pengurusan Aktiviti Kewangan Jabatan Agensi dan Pengurusan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor terhadap Communication Corporation Sdn. Bhd., Pengurusan Aktiviti dan Tadbir Urus.
- v. Kertas Mesyuarat Bil. 11 Tahun 2019.
Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam bagi Dewan Negeri Selangor berkaitan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 Pengurusan Aktiviti Kewangan Jabatan, Agensi dan Pengurusan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Terhadap Majlis Agama Islam Selangor Pengurusan Hartanah.
- vi. Kertas Mesyuarat Bil.12 Tahun 2019.
Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah bagi Dewan Negeri Selangor mengenai Prestasi Kutipan Hasil Cukai Tanah dan Premium.
- vii. Kertas Mesyuarat Bil. 13 Tahun 2019.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah bagi Dewan Negeri Selangor mengenai Isu Kadar Cukai Petak Bagi Pangsapuri Perkhidmatan.

- viii. Kertas Mesyuarat Bil. 14 Tahun 2019.
Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Isu Sistem Pantauan Kawasan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- ix. Kertas Mesyuarat Bil. 15 Tahun 2019.
Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan Kebertanggungjawaban dan Ketelusan bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Projek Taman Air Manis Panchang Badena Sabak Bernam.
- x. Kertas Mesyuarat Bil. 16 Tahun 2019.
Maklum balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Jejambat di Bandar Saujana Putera.
- xi. Kertas Mesyuarat Bil. 17 Tahun 2019.
Maklum balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Pekerja Ladang.

Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-Pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Saya mempersilakan Yang Berhormat Bukit Lanjan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Selamat Pagi Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, silakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya berdiri di atas Peraturan Mesyuarat 24(ii) untuk mengambil soalan pertama ini sebagai soalan saya dan saya bertanya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Mohon izin.

TUAN SPEAKER : Baik Banting, saya benarkan. Sila Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : PRESTASI KEWANGAN NEGERI SELANGOR

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

29 JULAI 2019 (ISNIN)

- a) Sila nyatakan prestasi kewangan terkini Negeri Selangor dari segi jumlah dalam Akaun Bersatu (Consolidated Fund) dan dalam simpanan.

- b) Sila senaraikan tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan prestasi Kewangan Negeri.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Speaker saya mohon izin untuk menjawab soalan pertama ini bersama-sama dengan soalan no. 180 iaitu dari Yang Berhormat Sijangkang dan soalan no. 251 Yang Berhormat Rawang kerana soalnya lebih kurang kepada topik dan persoalan yang sama. Pertama, Yang Berhormat Bukit Lanjan bertanyakan tentang prestasi kewangan terkini Akaun Disatukan atau pun Consolidated Fund yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan Consolidated Fund yang ditakrifkan sebagai Akaun Bersatu sebab Akaun Bersatu kena tanya Yang Berhormat Selat Kelang. Yang pertama, Kumpulan Wang Disatukan dan Simpanan atau Rizab Kerajaan Negeri. Rizab adalah terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Jumlah terkini Rizab Kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2019 adalah sebanyak RM2,381.63 juta atau RM2.3 bilion yang terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM721.19 juta dan Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM1,660.44 juta atau RM1.6 bilion. Manakala baki rizab terakhir yang dikira pada 31 Disember 2018 yang lalu adalah berjumlah RM2,135.38 juta. Jadi kalau dilihat perkembangannya pada Disember berbanding dengan Jun kita telah mengalami atau mendapat sedikit lebihan daripada sudut rizab Kerajaan Negeri daripada RM2.1 bilion ke RM2.3 bilion. Sehingga Disember 2019 Kerajaan Negeri telah membuat unjuran atau anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan yang berjumlah RM2.56 bilion ataupun RM2,560 juta. Manakala sasaran hasil kita adalah sebanyak RM2.2 bilion yang mana defisit tersebut akan dibiayai dengan menggunakan Akaun Hasil Disatukan ataupun rizab yang ada pada Kerajaan Negeri.

Oleh yang demikian, jika berdasarkan unjuran keseluruhan perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan iaitu sebanyak RM2.56 bilion berbanding unjuran hasil RM2.2 bilion, maka Kerajaan Negeri perlu mengambil langkah-langkah yang proaktif di dalam mengawal dan melaksanakan perbelanjaan Kerajaan Negeri.

Ahli Yang Berhormat sekalian, menjawab soalan Yang Berhormat Sijangkang (soalan 180) dan Yang Berhormat Rawang (soalan 251) yang turut bertanyakan soalan yang sama tentang prestasi kewangan Kerajaan Negeri bagi tempoh 6 bulan pertama tahun 2019 dan dibandingkan dengan pencapaian pada tahun 2018 adalah seperti berikut.

Prestasi kewangan Kerajaan Negeri bagi tempoh 6 bulan pertama berakhir sehingga 30 Jun 2019 telah mencatatkan kutipan hasil sebanyak RM1.424 bilion ataupun secara lebih tepat RM1,424.32 juta iaitu sebanyak 64.74% daripada sasaran hasil sebanyak RM2,200 juta. RM1.4 bilion daripada RM2.2 bilion. Jika dibandingkan pada tahun 2018 kita telah mencatatkan lebih kurang RM1.1 bilion pada ketika itu iaitu pada kadar 59%. Diukur daripada sudut kutipan dan diukur daripada sudut peratusan pencapaian Kerajaan Negeri pada tahun 2019 adalah lebih baik dan menunjukkan peningkatan yang agak memberangsangkan.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Prestasi perbelanjaan mengurus sehingga 30 Jun 2019, adalah berjumlah RM565.55 juta iaitu 44.18% daripada jumlah peruntukan sebanyak RM1,280 juta. Secara perbandingannya perbelanjaan mengurus pada tahun 2018 adalah sebanyak RM1.34 bilion dan Kerajaan Negeri membuat unjuran perbelanjaan mengurus sehingga Disember 2019 adalah sebanyak 95%. 1.3 tadi merupakan angka keseluruhan yang dibelanjakan sehingga akhir tahun 2018.

Prestasi perbelanjaan pembangunan sehingga 30 Jun 2019 adalah sebanyak RM661.40 juta atau telah mencapai 51.67% daripada jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM1.28 bilion yang telah diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan. Secara perbandingannya perbelanjaan pembangunan keseluruhan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM1.42 bilion dan Kerajaan Negeri membuat unjuran atau anggaran dengan keadaan dan kemampuan sekarang kita mampu melangsaikan sekitar 90% daripada keseluruhan perancangan pembangunan yang telah diunjurkan atau pun dirangka oleh Kerajaan Negeri dalam belanjawan tahun 2019.

Soalan B, akan menjurus kepada langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan, daripada Rawang dan Bukit Lanjan turut bertanyakan tentang perkara yang sama. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha meningkatkan prestasi kewangan melalui peningkatan dalam kutipan hasil, mengawal perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan serta memastikan peningkatan kedudukan kewangan di dalam akaun wang disatukan. Antara tindakannya:-

1. Sesi *Engagement* yang berterusan oleh pihak Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Daerah dan Tanah dengan pihak pemohon dan syarikat sekiranya terdapat isu atau masalah dalam menjelaskan premium yang dikenakan.
2. Melaksanakan kutipan cukai petak bagi pembangunan berstrata selaras dengan pindaan Akta Hak milik Strata (Pindaan 2016) (A1518) yang telah mula dikuatkuasakan Jun 2018. Operasi mengutip cukai tanah tertunggak ke atas penunggak tegar, dan
3. Van kaunter kutipan hasil cukai tanah bergerak.
4. Program Perjumpaan Bersama Dengan Penduduk oleh Pejabat Tanah dan juga anak-anak syarikat Kerajaan Negeri bagi urusan permohonan pindah milik hak milik strata dan membuka kaunter bayaran cukai tanah.
5. Penguatkuasaan Unit Cukai Hiburan Perbendaharaan Negeri Selangor ke atas pengusaha Pusat Hiburan/Panggung Wayang/Taman Tema/Litar Lumba/Pertunjukan Pentas bagi memastikan duti hiburan diterima oleh Kerajaan Negeri. Dan seterusnya,
6. Mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri yang membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebih tunai dengan lebih efisien di samping memberi pulangan/faedah yang optimum.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

7. Seterusnya pengenaan caj royalty bagi Pokok Getah, Kelapa Sawit dan Kelapa sebagaimana yang termaktub dalam Jadual Kaedah-kaedah Hutan Selangor pindaan tahun 2017 oleh Jabatan Perhutanan Selangor.
8. Penggunaan caj fi Premium Kawasan, Permit Penggunaan serta caj-caj fi berkenaan penggunaan kawasan hutan simpanan kekal dan pengeluaran hasil hutan berdasarkan kaedah-kaedah hutan peneroka hutan Selangor (Pindaan 2017) yang telah dinaikkan kadar oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.
9. Melaksanakan semakan semula kadar ke atas kaedah Pusat Veterinar (pindaan 2007) kerana mendapat pertambahan perkhidmatan kadar bayaran yang dikenakan ketika ini adalah berdasarkan kepada kadar pada 11 tahun yang lalu. Seterusnya,
10. Merangka pengenaan Fi Pemprosesan dan Wang Cagaran Permohonan Papan Iklan dalam Rizab Jalan Negeri oleh Jabatan Kerja Raya Negeri.
11. Melaksanakan Akta 795 berkaitan '*Access Benefit Sharing*' yang bertujuan memastikan sumber hasil *biodiversity* yang dikomersialkan bagi tujuan penyelidikan perubatan dan kosmetik dipantau dan dikongsikan. Unit Perancang Negeri dan Jabatan Perhutanan Negeri memproses permohonan permit dan pengenaan bayaran bagi setiap permohonan yang diluluskan.
12. Seterusnya merangka/melaksanakan Kaedah-kaedah Perikanan Darat 'akuakultur' apabila ia dikuatkuasakan kelak. Semua aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perikanan darat atau pun 'aqua culture' akan dikenakan caj-caj tertentu di mana pada ketika ini tiada sebarang ikatan untuk pengenaan sebarang caj. Selain dari itu juga tindakan penguatkuasaan dilaksanakan dengan lebih baik.

Manakala tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan prestasi kewangan dari aspek kawalan perbelanjaan adalah seperti berikut:-

1. Perbendaharaan Negeri Selangor memperkemas dan membuat penambahbaikan terhadap perbelanjaan berhemah dan langkah-langkah penjimatan di dalam menguruskan perbelanjaan awam negeri.
2. Kawalan Perbendaharaan iaitu Penguatkuasaan Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Pekeliling-pekeling Perbendaharaan bagi memastikan pembayaran dibuat dengan sempurna. Contohnya kawalan terhadap pembayaran arahan Perbendaharaan 58(a). Di samping itu, sebagaimana yang telah dimaklumkan di dalam belanjawan, kita turut telah memuktamadkan serta mengetatkan proses-proses tertentu dengan mengenakan dan juga meningkatkan teknologi kawalan kita. Contohnya dengan pengenalan eDockets. Melalui eDockets kita mampu mengumpul hasil yang *accurate* dan tidak berlaku duplikasi doket-doket sebagaimana pengeluaran bahan batuan sebelum ini. Yang kedua, Kita juga mengenakan dividen atau pun bayaran tertentu daripada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri. Dan sehingga bulan Jun 2019 buat pertama kalinya kita

29 JULAI 2019 (ISNIN)

mampu mengumpul lebih RM50 juta daripada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang disumbangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Soalan tambahan. Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya kalau dapat Y.A.B. Menteri Besar, Sungai Tua memberikan sedikit perincian berkaitan dengan kutipan hasil cukai yang terkini dan juga apakah pendapatan aliran, pendapatan baru yang diunjurkan oleh Kerajaan Negeri sebagaimana dalam sidang bajet yang lepas, sumbangan dividen GLC dan juga Perbadanan unjuran RM50 juta yang disasarkan 30% daripada dividen keuntungan selepas cukai GLC dan juga Perbadanan yang dapat dikutip oleh Kerajaan Negeri sehingga kini. Terima kasih.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Ahli- Ahli Yang Berhormat sekalian. Sebagaimana sumber pendapatan baru tadi yang saya sebutkan di akhir ucapan tadi ialah kutipan daripada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri. Sehingga 30 Jun 2019, atau pun sehingga tarikh terkini Julai 2019, saya dimaklumkan sebentar tadi oleh Pegawai Kewangan Negeri, kita mampu mengutip RM58 juta daripada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri. Dan ini adalah kali pertama anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri menyumbang kepada Akaun Hasil disatukan Kerajaan Negeri Selangor. Terima kasih. Arigato gozaimas.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Silakan Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih, Tuan Speaker. Saya berterima kasih kepada jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan saya mengajak Yang Berhormat sekalian untuk merujuk kepada penyata Jawatankuasa PADAT mengenai kutipan hasil cukai dan premium kerana kekuatan kewangan Kerajaan Negeri sebenarnya terletak banyak kepada kutipan cukai hasil tanah dan premium. Soalan saya ialah, bagi manakah dalam penemuan atau pun pendengaran kita dengan PWN, kita telah pun diberikan satu taklimat bahawa kutipan cukai itu adalah berlandaskan unjuran 1 tahun sahaja. Manakala kita ingin bertanya kepada Kerajaan, apakah perancangan, atau pun pada masa depan untuk melaksanakan satu unjuran atau pun ekspektasi atau pun kiraan yang lebih panjang. Misal kata untuk tempoh 5 tahun atau pun 3 tahun. Supaya kita tidak akan mengalami satu, kita bolehlah membuat satu penilaian terhadap kekuatan kewangan kita untuk satu tempoh yang lebih panjang. Jadi itu soalan saya. Apakah cadangan Kerajaan.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa, Yang Berhormat telah mendahului zaman sebab kertas PADAT akan dibincangkan nanti dan saya akan memberi maklum balas dalam perkara tersebut. Namun, saya ingin memaklumkan di sini. Apabila kita telah mendapat satu limpahan pelaburan tahun lepas sebanyak RM18.97 billion, yang merupakan pencapaian tertinggi Kerajaan Negeri Selangor. Saya sebutkan itu hanyalah kelulusan dan dalam tempoh 1 tahun atau 2 tahun ke hadapan, sebenarnya Kerajaan Negeri berpotensi untuk melunaskan serta merealisasikan kelulusan-kelulusan pelaburan yang telah dibawa keluar ke dalam Negeri Selangor. Dan saya kira dengan cara tersebut kita dapat menganggarkan beberapa

29 JULAI 2019 (ISNIN)

conversion proses dengan izin atau pun proses pertukaran status tanah dan pembangunan tanah serta pembayaran premium-premium di masa depan.

Dengan kelulusan investment RM18.9 bilion tersebut, saya kira ia merupakan satu potensi dan masa depan yang cerah untuk hasil Kerajaan Negeri Selangor dalam tempoh 1 dan 2 tahun ke hadapan. Terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAW KHEW : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, Sungai Pelek. Silakan.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAW KHEW : Tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana rizab Negeri sudah bertambah daripada RM2.1 bilion kepada RM2.3 bilion. Adakah Kerajaan boleh memberi pertimbangan bahawa mengembalikan amaun peruntukan kepada tahap yang lama kepada semua kawasan kampung dan desa kerana pengurangan sebanyak RM700 ribu itu telah menjejaskan prestasi ADUN-ADUN di kawasan kampung dan desa. Terima kasih.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek yang agak pelik. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin sebutkan di sini, kalau kita membuat perbandingan mengunjur ke belakang dengan lebih jauh, rizab kita pada Jun 2018 adalah pada kadar RM2.8 bilion kerana ada perbelanjaan yang agak besar dalam tempoh 3 tahun terakhir. Menjelang 2018 kita telah menggunakan kira-kira RM1.3 hingga 1.4 bilion daripada rizab kita sebelum ini untuk program-program tertentu, merencanakan pembangunan Kerajaan Negeri dan sebagainya. Justeru, Kerajaan Negeri serta pentadbiran ini mengambil sikap berhati-hati dan ingin mengukuhkan rizab Negeri kepada angka yang lebih stabil. RM2.3 bilion satu angka yang baik sebenarnya, tetapi kita perlu menstabilkan sehingga angka RM2.6 bilion dan RM2.7 bilion di masa depan dengan prestasi yang sedia ada. Dan selepas itu mungkin kita boleh rangka program-program, di samping itulah kita cuba melaksanakan program-program yang lebih sustainable atau pun yang lebih berdaya saing untuk kejayaan dan hasil Negeri termasuk mungkin menambah peruntukan untuk dewan-dewan negeri di masa hadapan. Tapi, tidak dalam masa kini. Bersabar, Sungai Pelek. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan no. 2.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN (N36 BANDAR UTAMA)

TAJUK : INISIATIF PEDULI RAKYAT (IPR) NEGERI SELANGOR

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

29 JULAI 2019 (ISNIN)

- a) Berapakah jumlah dana yang diperuntukkan untuk setiap program IPR bawah Kerajaan Negeri?
- b) Apakah program-program IPR yang masih aktif dan apakah program-program yang telah diberhentikan?
- c) Sudahkah kita memuktamadkan proses pengemaskinian, terma dan syarat untuk program KISS dan Peduli Sihat?

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat, Bandar Utama. Tuan Speaker, soalan saya sangat popular ini. Inisiatif Peduli Rakyat Negeri Selangor. Ramai di kalangan Ahli Dewan Negeri telah membangkitkan mengenai penajaran Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) dan juga kos perbelanjaan bagi pelaksanaan (IPR) yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri masa kini. Yang Berhormat, secara keseluruhannya jumlah dana yang diperuntukkan untuk setiap program IPR di bawah Kerajaan Negeri bagi tahun 2019, keseluruhan dahulu, yang telah diluluskan oleh dewan ini pada pembentangan peruntukan dalam tahun 2018, adalah RM361,620,000.00. Dan baru-baru ini insha Allah, saya ingat dalam sidang kali ini peruntukan ini akan dipohon daripada Yang Berhormat sekalian lagi RM123,815,000.00. Jadi, keseluruhan untuk 2019 Insha Allah adalah RM485,435,000.00. Peruntukan ini adalah termasuk yang saya sebut peruntukan tambahan Insha Allah yang akan diluluskan oleh Yang Berhormat sekalian. Ramai di kalangan Ahli Dewan Negeri telah membangkitkan mengenai IPR, soalan Yang Berhormat Bandar Utama menanyakan peruntukan terperinci setiap program IPR.

Ada 43 program Yang Berhormat, saya akan beri lampirannya kerana ianya terlalu panjang. Seterusnya, untuk menjawab tentang soalan berikutnya ialah soalan Yang Berhormat mengenai IPR manakah program-program IPR manakah yang masih aktif? Dan apakah program-program yang telah diberhentikan. Sukacita saya nyatakan di sini bahawa Program IPR kita ini adalah untuk memastikan kebajikan rakyat sentiasa terbela serta memenuhi wawasan '*Shared Prosperity*'. Sukacita juga dimaklumkan bahawa IPR adalah program jangka panjang kerajaan yang bertujuan untuk membantu rakyat dan seterusnya kerajaan akan berusaha untuk membudayakan rakyat sebagai matlamat akhir Kerajaan. Bagi tahun 2019, agenda pelaksanaan program-program IPR diteruskan secara lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerkasaan '*empowerment*' kepada penerima manfaat IPR di Selangor.

Oleh itu, sudah tiba masanya Negeri Selangor mengorak langkah ke satu paradigma yang baharu sejajar dengan cita-cita untuk menjamin kebajikan rakyat Negeri berteraskan suatu upaya strategik dalam menguruskan sumber negeri yang terbatas. Selain itu, penajaran IPR juga akan mengambil kira perkara-perkara berikut :

1. Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan.
2. Penekanan kepada program-program kesedaran.
3. Fokus kepada kumpulan sasar yang tepat, yang layak.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi (UPEN) telah mengadakan Persidangan Pengendali Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) pada Februari 2019. Hasil daripada persidangan tersebut, 43 program IPR telah dicadangkan untuk dijajarkan kepada 3 kategori utama yang menjadikan jumlah program terkini adalah sebanyak 33 program seperti berikut. Diteruskan seperti sedia ada merangkumi 18 program IPR. Saya akan bacakan program-programnya. Kemudian, diteruskan dengan penjajaran iaitu sama ada pindaan dari segi perubahan program, syarat kelayakan, mekanisme pelaksanaan, kuota penerima dan lain-lain pindaan merangkumi 15 program IPR dan sama ada kolaborasi dengan program IPR sedia ada yang merangkumi 3 program IPR. Saya bacakan program-program yang diteruskan sedia ada.

1. Bas Smart Selangor,
2. Wifi Smart Selangor,
3. Smart Selangor Mobile Library,
4. Pengecualian cukai pintu,
5. Pengecualian fee lesen penjaja,
6. Skim Smart Sewa,
7. Skim Rumah Selangorku,
8. Skim Dana Sel (Rent to own),
9. Skim CERIA,
10. Bantuan Asuhan Anakku Pintar,
11. Skim Kesihatan Wanita (Mammosel)
12. Program Pendidikan Anak Pekerja,
13. Bantuan Am JKM,
14. Selangor Brain Bank,
15. Latihan Usahawan IT – SITEC,
16. HIJRAH Selangor
17. Blueprint Kemiskinan
18. Jom Shopping

Ini adalah 18 IPR yang tiada apa-apa perubahan. Seterusnya program-program IPR yang ada sedikit pindaan dan juga kolaborasi dengan IPR yang sedia ada. Ini masuk 19 dah.

19. Skim Peduli Sihat Selangor, Saringan Sihat Selangor kepada Skim Peduli Sihat.
20. Bantuan Sihat Selangor, Panel Dialisis Sihat Selangor kepada Bantuan Sihat Selangor,
21. HPIPT iaitu ini adalah Hadiah Pendidikan Institusi Pengajian Tinggi digabungkan In sha Allah dengan Tabung Warisan Anak Selangor kepada HPIPT dan Bantuan Sara Diri Anak Selangor kepada HPIPT.
22. IKTISASS. Basiswa Program Kemahiran Teknikal (INPENS) kepada IKTISASS. PROGRESS kepada IKTISASS. Peduli Siswa kepada Program Khas Basiswa Selangorku kepada Peduli Siswa,
23. Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor kepada Peduli Siswa. Basiswa Khas Sagong Tasi kepada Peduli Siswa,
24. Dana Usahawan Mikro (DUMS), Mentor Kraf dijajarkan bersama DUMS (Dana Usahawan Mikro),
25. Tuisyen Online,
26. Program Tuisyen Rakyat Selangor,
27. Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor,

29 JULAI 2019 (ISNIN)

28. Insentif Perkahwinan Belia,
29. Bantuan Bina dan Baiki Rumah Kerajaan Prihatian,
30. Pemberian 20 meter padu air percuma,
31. Kasih Ibu Smart Selangor (KISS),
32. TUNAS,
33. Skim Mesra Usia Emas (SMUE).

Seperti yang kita semua, itu yang saya telah menjawab mengenai senarai ya yang mana yang sedia ada diteruskan dan kemudian diijarkan.

Seterusnya, Yang Berhormat Bandar Utama bertanyakan saya tentang sama ada proses pengemaskinian tema dan syarat untuk Program KISS dan Peduli Sihat ini adakah ia sudah dimuktamadkan. Seperti yang kita sedia maklum, suatu tempoh pengemaskinian bagi Skim Peduli Sihat telah dilakukan pada 1 Mei 2019 hingga 31 Mei 2019. Manakala untuk Program KISS pada 15 Jun 2019 hingga 15 Julai 2019. Proses pengemaskinian ini melibatkan proses semakan silang. Data penerima sedia ada KISS dan Peduli Sihat dengan data peserta e-Kasih dan Bantuan Sara Hidup (BSH). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, proses pengemaskinian ini telah menetapkan syarat kelayakan baru seperti berikut :

1. Bagi program KISS (Program Kasih Ibu Smart Selangor). Pertama warganegara Malaysia;
2. Lahir di Selangor atau menetap di Selangor melebihi tempoh 10 tahun;
3. Wanita berkeluarga. (berkahwin atau Ibu Tunggal) yang mempunyai anak/tanggungjawab di bawah umur 21 tahun;
4. Pendapatan bulanan isi rumah di bawah RM2,000.00; dan berdaftar sebagai pemohon Bantuan Sara Hidup di bawah kategori pendapatan RM2,000.00 dan ke bawah atau tersenarai sebagai golongan miskin atau miskin tegar di pengkalan data Sistem e-Kasih;
5. Pemilih Berdaftar di Selangor.

Bagi Program Peduli Sihat Selangor pula, terma dan syarat adalah seperti berikut :

1. Warganegara Malaysia yang lahir di Negeri Selangor atau telah menetap di negeri Selangor melebihi 10 tahun;
2. Bagi kategori keluarga, pendapatan isi rumah sebanyak RM2,000.00 dan ke bawah;
3. Bagi Kategori Individu, berumur 21 tahun dan ke atas dan pendapatan RM1,500.00 dan ke bawah;
4. Tersenarai dalam data e-Kasih (miskin tegar dan miskin) atau penerima Bantuan Sara Hidup Bagi Tahun 2018; dan akhir sekali
5. Pemegang kad yang aktif dalam tempoh 2 tahun.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, fasa pertama pengemaskinian data penerima KISS dan Peduli Sihat ini telah pun selesai. Walau bagaimanapun, proses semakan dan verifikasi akan diteruskan sehingga bulan Disember 2019 dengan mengambil kira maklum balas daripada pihak Pusat Khidmat ADUN-ADUN sekalian. Sekian, terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAW KHEW : Soalan Tambahan.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAW KHEW : Terima kasih. Tuan Speaker, saya percaya pengurangan jumlah bantuan lebih wajar daripada pengurangan jumlah penerima. Begitu juga dengan Skim SMUE adakah Kerajaan Negeri rela mengkaji semula?

TUAN SPEAKER : Silakan Yang Berhormat.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek, sebenarnya perbincangan yang panjang dan berkali-kali telah dilakukan oleh pihak MMKN, MTES dan juga UPEN ya dan memang jumlah saya pun menerima banyak maklum balas terutamanya tentang KISS dan Peduli Sihat ini dan masing-masing mengatakan lebih baik kita turunkan KISS kepada RM100.00 supaya kita boleh dapat, boleh beri lebih kepada lebih ramai dan juga untuk Peduli Sihat daripada RM500.00 untuk sekeluarga kepada yang lebih rendah.

Yang Berhormat semua sekalian, kita saya memohon cadangan-cadangan ini dikemukakan di dalam ucapan-ucapan Yang Berhormat supaya dapat dibawa ke pertimbangan mesyuarat-mesyuarat akan datang. Cuma sebenarnya, sekiranya kita ada mempunyai penambahan pendapatan negeri, perkara ini tentulah tidak akan dilakukan untuk kita potong sejumlah ataupun buat kuota dan sebagainya. Jadi, In Sha Allah saya nak memastikan yang mana yang layak yang tersenarai dalam e-Kasih dan juga yang menerima BSH 2018 ya yang terkeluar daripada sistem, daripada kuota Yang Berhormat sekalian untuk kita usahakan dulu untuk mereka ini yang dulu kita sambungkan atau teruskan dengan yang ada sekarang. Itu sahaja Yang Berhormat. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI : Soalan tambahan. Speaker.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Saya tak pasti sama ada Yang Berhormat dah Seri Serdang juga menjawab kepada soalan mulut saya ya. Perkara yang sama, kalau dapat saya nak minta makluman mungkin perbandingan separuh tahun dalam tahun 2019 ini. Perbelanjaan yang telah digunakan dengan berbanding dengan tahun 2018 dan satu lagi adalah berkaitan yang mungkin saya tak pasti sama ada ia menjadi kriteria utama atas garis kemiskinan e-Kasih dan juga dipertimbangkan dengan syarat yang kita kenakan dalam penerima Peduli Sihat ataupun KISS yang lepas.

Cuma saya nak sebutkan realitinya apabila penjajaran ini seperti mana Yang Berhormat tadi maklumkan bahawa pengemaskinian akan dilakukan sehingga Disember, pun begitu Peduli Sihat saya kira menjadi isu kepada masyarakat apabila selesai sahaja *period* atau tempoh yang dimaklumkan oleh Kerajaan Negeri mereka masih belum lagi boleh menggunakan sehinggalah pertengahan Jun begitu atau akhir Jun dan mereka tidak ada makluman sama ada mereka dapat ataupun tidak kecuali datang ke klinik dan kita buat semakan mereka masih menerima ataupun tidak. Mungkin ada saluran-saluran tertentu ataupun makluman *direct* kepada penerima-penerima Peduli Sihat sebelum ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Baik, bagi menjawab tentang berapakah peruntukan yang kita yang telah diberikan kepada program-program IPR seumumnya ya. Kalau saya lihat untuk Program Kasih Ibu Smart Selangor, Tahun 2018 peruntukannya RM96 juta. Tahun 2019 yang diluluskan sebelum ini adalah RM50 juta ya. Itu adalah sebelum dan Skim Peduli Sihat sebelum Peduli Sihat bersama dengan Saringan Sihat Selangor ya, peruntukan 2018 hanya RM20 juta ya dan peruntukan 2019 juga RM20 juta ya tetapi akan dibincangkan nanti tentang pertambahan bajet yang kita perlu untuk kedua-dua program ini.

Mengenai apa ini kelayakan yang baru ini, iaitu peserta perlu tersenarai dalam e-Kasih dan juga BSH. Kita ada masalah verifikasi Yang Berhormat Sekalian dan juga banyak aduan yang sebelum ini memberi maklum balas kepada kita ramai juga yang mendapat KISS dan Peduli Sihat sedangkan mereka mampu. Kerana verifikasi pendapatan ini tidak dapat dilakukan dengan sebaiknya oleh ADUN-ADUN ya, mereka datang ada yang bawa *payslip*, ada yang hanya kata saya kerja sendiri, gaji saya sekian-sekian pendapatan saya sekian-sekian, atas dasar itulah maka permohonan mereka diluluskan dahulu ya dan jumlahnya yang terlalu banyak ya. Jadi bila kita melihat kepada cara yang telah dilakukan oleh Kerajaan Pusat. Maknanya verifikasi itu, e-Kasih verifikasi yang dilakukan oleh penjawat-penjawat dalam daripada ICU yang ditempatkan di Pejabat-Pejabat Daerah di mana pemohon di bawah pendapatan isi rumah bawah daripada RM1,500.00 akan memohon untuk verifikasi kan. Maka, pegawai-pegawai ini akan pergi ke rumah mereka dengan soal selidik yang saya sendiri tengok 24 muka surat. Jadi, untuk e-Kasih ini kita ada 2 kategori. Miskin dan miskin tegar. Miskin, pendapatan RM680.00 ke bawah dan miskin tegar, miskin adalah RM900.00 ke bawah. Mereka yang apa ini yang mempunyai pendapatan lebih daripada ini dikatakan terkeluar daripada e-Kasih.

Namun, mereka layak walaupun mereka terkeluar mereka layak kerana pendapatan mereka kurang daripada RM1,500.00. Mana-mana pemohon mempunyai pendapatan RM1,500.00 ke RM2,000.00 mereka inilah yang kita ambil daripada apa ini senarai daripada BSH dan kita dapati daripada ICU juga ya daripada LHDN maafkan saya yang senarai inilah yang kita guna. Sebenarnya semakan silang itu sudah lengkap ya. Kita ambil senarai daripada e-Kasih, kita ambil senarai daripada BSH dan hanya nama-nama mereka yang tersenarai ini diberi kepada kita dan kemudiannya kita semak silang pula dengan data kad KISS kita dengan data Skim Peduli Sihat kita. Apa yang dilakukan hanya untuk kita bahagikan ikut DUN sahaja dan oleh itu, bila kita buat begini kita dapati bahawa memanglah senarai yang dulu dapat lebih panjang daripada senarai yang diluluskan, jadi saya dapat banyak maklum balas daripada DUN dan Pejabat Pusat Khidmat terutamanya tentang mereka-mereka yang mereka kata sebenarnya mereka ini tak layak. Kami hairan macam mana duduk dalam e-Kasih. Macam mana dapat BSH itu adalah soalan mereka kepada kita. Jadi yang semak silang yang terus terima terus terima, yang ada sekarang yang menjadi kekusaran kepada ADUN-ADUN kita adalah mereka yang layak tetapi terkeluar.

Maknanya mereka ada tersenarai dalam e-Kasih, mereka juga menerima BSH ya, kita ada tak sampai 2,000 daripada kategori ini yang belum lagi kita dapat masukkan di dalam senarai penerima. Mengenai pemakluman saya minta semua Pusat-Pusat Khidmat ADUN-ADUN kita berfungsi tempat untuk mereka mengetahui sama ada mereka masih tersenarai atau tidak sebab semua senarai penerima PSH (Peduli Sihat Selangor) senarai KISS semuanya telah dihantar kepada Pusat-Pusat Khidmat dan saya juga telah minta kepada

29 JULAI 2019 (ISNIN)

petugas-petugas PKM untuk menyenaraikan ya, mereka-mereka yang rasakan mereka ini layak, ada dalam e-Kasih dapat BSH tetapi tidak dapat KISS dan BSH. Jadi itu yang saya maksud yang baki itu ya Yang Berhormat, yang mana yang sudah semak silang sebenarnya telah muktamad ya, cuma yang baki yang banyak nak kemas kini itu yang saya lanjutkan beberapa bulan lagi untuk kita dapat maklumat yang lebih kemas kini. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Dusun Tua.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Terima kasih Speaker. Seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat EXCO ya berkenaan saya beri contoh syarat pendapatan e-Kasih misalnya dikatakan masih ditekankan bawah RM2,000.00 sedangkan kita tahu sistem verifikasi e-Kasih pula menekankan garis pendapatan bawah RM1,500.00 isi rumah. Jadi adakah kerajaan negeri ada cadangan untuk menyelaraskan pendapatan ini supaya kita jelas tidak ada nanti isu kenapa bawah RM2,000.00 tak dapat dan sebagainya. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita dah ada dua mekanisme. Yang e-Kasih itu yang RM1,500.00 ke bawah. RM2,000.00 ke bawah sampai RM1,500.00 kita sudah ada BSH. Jadi bagi mereka yang sudah dapat 2018, makna mereka tersenarai dalam BSH. Jadi bagi saya tidak timbul supaya kita perlu kita menyelaraskan sebab kita sudah ada dua instrumen untuk memberi membuat verifikasi ini ya. Dan itu saja jawapan saya. Terima kasih.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Jeram.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO, saya nak bertanya berkenaan dengan kuota. Apakah kriteria yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menetapkan kuota kelayakan untuk terima sama ada Peduli Sihat ataupun KISS (Program KISS) itu. Kerana kelayakan untuk memohon ialah penduduk Selangor dan juga bermastautin lebih daripada 10 tahun di Selangor. Kalau itulah yang diukurkan, sepatutnya peruntukan ADUN itu pun kena ambil kira pemohonnya sebab kalau ikutkan kelayakan mohon untuk Selangor, jadi di DUN Jeram ini yang layak melebihi kuota yang diberikan. Maksudnya di sini, contoh 700 orang yang layak (kuota yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor) tetapi yang layak tetapi tidak berjaya lebih daripada 700. Kerana kriteria itu terbuka kepada yang bermastautin 10 tahun dan juga lahir di Selangor. Jadi saya rasa kriteria itu perlu diambil kira. Kalau pemohon itu perlulah daripada DUN Jeram. Jangan daripada Selangor (keseluruhan Negeri Selangor). Pengundi Jeram. Jadi mudah untuk saya nak memberi penjelasan. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Jeram. Yang Berhormat bertanya apakah kriteria yang menentukan pembahagian kuota kepada DUN-DUN ini.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Kalau mengikut kepada penduduk yang bertaburan ini, kita ada 6juta lebih penduduk Negeri Selangor. Kita hanya ada secara objektif jumlah angkanya adalah mengikut pengundi yang berdaftar. Jadi kuotanya, pengundi DUN untuk pengundi bawah 30k (30,000) ada 13 DUN ya. Dan kita ada (dia panggil) pemberat dan sebagainya yang telah diadakan oleh bahagian statistik kita. Dan penerima DUN (penerima ataupun kuota untuk DUN) yang mempunyai pengundi kurang daripada 30,000 adalah 700 orang. Dan DUN Yang Berhormat DUN Jeram kan? Bawah pada 30,000. Untuk pengundi 30,000 ke 45,000 penerima DUN ataupun kuotanya adalah 1,021 orang. Pengundi di antara 45,000 ke 60,000 kuotanya adalah 1,381 orang. Pengundi 60,000 ke atas 1,690 orang ya. Ini adalah berdasarkan kepada jumlah pengundi yang berdaftar ya. Jadi ini adalah kuotanya Yang Berhormat bukan sahaja yang...

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Ya maaf, Tuan Speaker boleh mencelah?

TUAN SPEAKER : Soalan yang terakhir.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Ia kalau mengatakan pemohon daripada Selangor ataupun mastautin 10 tahun saya rasa perlu dipotonglah dia punya kriteria itu. Sebab apa? Pengundi di DUN Jeram hampir 20,000 tetapi penduduk dah 100,000. Jadi semua yang ada di situ ialah penduduk yang mastautin 10 tahun dan juga warga (orang kata apa) asal Selangor. Jadi bila macam itu, semuanya akan mohon dengan DUN Jeram. Jadi agak susah untuk saya nak menjawab. Jadi kriteria itu perlu dijadikan pemohon mestilah dari DUN itu sendiri. Jadi itu secara tak langsung kita menggalakkan penduduk di kawasan kita untuk mengundi di kawasan kita. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Jeram. Sebenarnya kalau mengikut praktiknya, walaupun kita kata diletakkan pengundi Selangor. Ini berlaku. Malah daripada sesi 2018 lagi, kebanyakan ADUN-ADUN telah (apa orang kata) telah membuat permohonan-permohonan daripada pengundi mereka ya. Baik. Caranya adalah begini Yang Berhormat, kami sanggup (orang kata) bersusah payah sedikit supaya Yang Berhormat boleh menyenaraikan mana-mana penerima yang tidak (yang bukan) mengundi di DUN Yang Berhormat dan kemudian kita salurkan ke DUN-DUN mereka mengundi. Ya, itu caranya. Jadi inilah sebab saya sebut tadi pengemaskinian ini tidak boleh lengkap dalam satu silang (semak silang) ini saja. Kita akan cuba sedaya upaya dan kalau Yang Berhormat kata untuk mereka yang mengundi hanya di DUN, dulu kita nak buka pada semua orang. Tapi realiti, bila buka begitu ramai dan Yang Berhormat semua tak puas hatilah sebab yang dapatnya tak duduk dalam DUN Yang Berhormat. Tapi dia ada satu lagi kriteria iaitu pemastautin. Jadi dia mungkin mengundi DUN lain tapi dia duduk di dalam DUN Yang Berhormat (alamatnya di situ). Jadi kalau boleh, saya cadangkan, cadangkanlah mereka untuk mengubah alamat dan mengundi di tempat DUN Yang Berhormat ya.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Saya silakan Yang Berhormat Bukit Melawati.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Bagi la saya.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI :
saya nombor 3.

Terima kasih Tuan Speaker. Soalan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : MAJLIS PELANCONGAN DAERAH KUALA SELANGOR

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan, halatuju dan objektif penubuhan Majlis Pelancongan Daerah Kuala Selangor yang diwujudkan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar ketika lawatan kerja ke daerah Kuala Selangor?

- b) Apakah perancangan jangka panjang jawatankuasa ini serta peruntukan yang disediakan bagi mencapai matlamatnya?

TUAN SPEAKER : Sila Selat Klang.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya nak tanyalah, kenapa saya selalu tak diberi peluang ni?

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat sila duduk dulu.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya tak berpuas hati.

TUAN SPEAKER : Saya akan jawab. Yang Berhormat sila duduk dulu.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya bertanya, saya minta, saya kemukakan soalan tambahan tapi tak benarkan.

TUAN SPEAKER : Ya, Hulu Bernam sila duduk dulu. Saya akan bagi jawapan oleh kerana jawapan daripada Yang Berhormat EXCO itu dah panjang lebar, jadi saya kalau Yang Berhormat Hulu Bernam kebetulan, jadi Yang Berhormat Hulu Bernam kalau nak pertanyaan dengan lebih lanjut, nanti bahas waktu bahas ya. Boleh IPR ini boleh bahas. Sebab ada pembekalan nanti ya. Silakan Yang Berhormat Selat Klang.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Apa yang dijawab itu tadi.

TUAN SPEAKER : Silakan. Dah lepas.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, kalau mengikut Peraturan Tetap, soalan tambahan bukanlah hak ADUN. Jadi saya rasa kenyataan Yang Berhormat

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Hulu Bernam itu adalah satu kenyataan tidak menghormati Pengerusi. Ini bukanlah hak. Dah diberitahu. Ini bukan hak. Soalan tambahan bukan hak. Kalau soalan pokok...

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya tahu dan saya menghormati Tuan Speaker.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Itu tidak ...

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tapi saya nak Tuan Speaker ...

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Saya merujuk kepada Peraturan Tetap...

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Ya, saya tahu...

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Kalau sekarang pun tak tahu, duduklah...

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Biar Tuan Speaker yang jawab...

TUAN SPEAKER : Baik Yang Berhormat Bandar Baru Klang, saya...

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Tuan Speaker dah minta duduk tadi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Peraturan Tetap...

TUAN SPEAKER : Baik, Sungai Burong sila duduk.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Betullah. Tapi saya ingatkan ia kerajaan baru ini nak bagi budi bicara pada...

TUAN SPEAKER : Ini saya cakap budi bicara...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Pada Dewan...

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sungai Burong, tak adapun kena mengena. Saya hanya nak bagi tahu Hulu Bernam, saya ambil maklum apa yang Hulu Bernam kata tetapi itu bukan hak. Terpulang kepada budi bicara Speaker. Jadi, lain kali kalau nak bangun, awal sikit daripada yang lain. Terima kasih. Silakan Selat Klang.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Melawati, Tuan Speaker. Memanglah buat masa ini Kuala Selangor menjadi tumpuan pelancong kerana adanya satu produk yang unik iaitu *Sky Mirror* yang cuma ada dua di dunia. Satu di Kuala Selangor dan satu lagi di Bolivia. Jadi Majlis ini bertanggungjawab untuk memastikan aktiviti-aktiviti pelancongan Daerah Kuala Selangor sentiasa aktif dan menjadi sebuah daerah yang mendapat tarikan utama pelancong dalam dan luar negara. Sehubungan dengan itu, Majlis ini akan memantau segala aktiviti, promosi, program dan karnival yang dijalankan secara berjadual sekali gus menepati semua keperluan aspek pelancongan dan membantu meningkatkan taraf ekonomi daerah dan negeri ini.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Majlis ini juga bertanggungjawab menyusun segala pelan tindakan pembangunan sektor pelancongan yang meliputi elemen ekonomi, kesihatan, pendidikan, kemudahan awam dan pertanian untuk menjadikan ini sebagai gugusan ekopelancongan Selangor. Di samping itu, Majlis ini juga berfungsi mendedahkan perspektif, sejarah, alam flora dan fauna tempatan kepada pelancong dan dapat menggalakkan aktiviti setempat untuk menghargai dan menerima faedah daripada aset, budaya dan sumber semula jadi.

Objektif utama penubuhan Majlis ini ialah :-

1. Meningkatkan pendapatan daerah dan negeri;
2. Mempelbagaikan aktiviti ekonomi setempat;
3. Menggalakkan pembangunan kawasan pelancongan;
4. Meningkatkan peluang pekerjaan bagi penduduk tempatan; dan
5. Menentukan bahawa semua usahawan yang terlibat dengan pelancongan mematuhi peraturan dan arahan oleh pihak Majlis supaya pelancongan di kawasan ini dapat dijalankan dengan teratur dan sempurna.

Bagi perancangan jangka panjang, Majlis ini akan memelihara imej pelancongan Kuala Selangor serta mengekalkan warisan sejarahnya agar menjadi tarikan utama semua pelancong. Segala pelan tindakan bagi membangun pusat pelancongan akan dilaksanakan untuk memenuhi keperluan aspek pelancongan pada masa ini sekali gus akan meningkatkan kehadiran pelancongan ke daerah ini.

Peruntukan yang disalurkan akan digunakan untuk menaik taraf kawasan yang sedia ada selain daripada mengenal pasti kawasan-kawasan cadangan yang dilihat berpotensi untuk menjadi sebuah pusat pelancongan yang boleh menarik tumpuan pelancong datang ke Daerah Kuala Selangor. Terima kasih.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Silakan Bukit Melawati.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Kita dapati terdapatnya kelemahan dalam pengurusan aset-aset atau produk-produk pelancongan di Daerah Kuala Selangor ini. Dan salah satu kelemahan yang kita lihat adalah para pelancong yang datang ke Kuala Selangor ini, mereka hanya datang ke lokasi-lokasi dan tidak menginap di Kuala Selangor ya. Mungkin dari Kuala Lumpur datang ke Kelip-kelip kemudian pulang ke Kuala Lumpur semula atau mungkin ke Sekinchan (tempat Tuan Speaker sendiri). Jadi adakah peranan Majlis Pelancongan Daerah Kuala Selangor ini akan melihat bagaimana untuk kita mempergiatkan industri perhotelan di Daerah Kuala Selangor? Kerana itu antara yang menjadi rungutan penduduk setempat tidak merasai aktiviti ekonomi yang begitu lemah. Jadi kita memerlukan bantuan dan perhatian daripada pihak kerajaan negeri dalam hal ini. Terima kasih.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita telah pun melancarkan satu program yang dipanggilkan P3S ataupun Program Pemutihan Pelancongan Selangor. Di mana dalam program ini, kita akan mendaftarkan semua (apa nama itu) hotel-hotel, *homestay* dan sebagainya dan juga kita

29 JULAI 2019 (ISNIN)

akan menentukan bahawa yang semua pengusaha-pengusaha *homestay* ini dan hotel-hotel ini akan mematuhi syarat-syarat yang akan dikeluarkan oleh MOTAC ataupun *Ministry* (Kementerian Pelancongan dan Adat Resam) ya.

Dan selain daripada itu, untuk makluman Yang Berhormat juga kita telah pun menawarkan kepada beberapa syarikat dan individu yang berminat untuk membangunkan sebuah hotel di kawasan De Palma dan kita telah pun mendapat satu tawaran yang agak menarik dan juga (apa nama itu) sedang dibincangkan tentang modus operandi bagaimana perhotelan ini akan dibangunkan dengan PKNS dan kita akan melancarkan ataupun membangunkan hotel ini tidak lama lagi. Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Bharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 4.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN LEE KEE HIONG (N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : KEMPEN BEBAS PLASTIK

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan dasar-dasar Kerajaan Negeri bagi pengurangan penggunaan plastik di Selangor.
- b) Apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh PBT terhadap pengusaha yang tidak mematuhi syarat larangan penggunaan plastik?
- c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang menyalurkan peruntukan kepada ADN untuk menganjurkan program Kempen Bebas Plastik?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Tuan Speaker. Pertanyaan yang akan dijawab sekali dengan soalan nombor 191 daripada Yang Berhormat Pandamaran berkaitan cara-cara kerajaan untuk mengawal penggunaan straw.

Kerajaan Negeri telah mengambil langkah untuk mengadakan larangan terhadap beg plastik dan juga polistirena pada setiap hari bermula 1 Januari 2017. Sebelum ini, setiap hari Sabtu sejak tahun 2009. Melalui kempen yang dilancarkan ini, kutipan caj RM0.20 terhadap penggunaan beg plastik adalah bertujuan mewujudkan kesedaran dalam

29 JULAI 2019 (ISNIN)

kalangan pengguna mengenai bahaya beg plastik terhadap alam sekitar dan kesihatan. Caj ini dikenakan oleh peniaga-peniaga di premis-premis yang menyediakan beg plastik khususnya dalam skala yang besar kepada pengguna seperti pasar raya, super market, pasar raya mini dan sebagainya.

Pada 1 Julai 2019 juga, Kerajaan Negeri kempen #BebasStrawPlastik bagi tujuan penjagaan alam sekitar terhadap straw plastik yang semakin meningkat. Jadi kempen ini peniaga dibenarkan menyediakan straw plastik secara automatik atau *default* bagi setiap minuman yang dipesan. Peniaga juga dilarang menyediakan straw plastik di kaunter untuk diambil secara bebas hanya akan diberikan atas permintaan pelanggan secara percuma. Dasar-dasar dan kempen adalah selaras dengan pelan tindakan yang digariskan *Roadmap Towards Zero Single-use Plastics 2018 sehingga 2030* yang dilancarkan oleh Kementerian Tenaga Sains Alam dan Perubahan Iklim (MESTEC) pada 17 Oktober 2018.

Pertanyaan ini yang seterusnya berkaitan tindakan Kerajaan peniaga yang degil. Pada masa ini Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengedarkan notis pematuhan kepada peniaga pelaksanaan kempen #BegPlastik oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kriteria ini juga telah dimasukkan di dalam bidang borang pemeriksaan peniaga terbaik Pasar Ramadhan dan sebagai salah satu kriteria bagi mengelakkan penggunaan plastik di kalangan peniaga. Pihak PBT juga membuat semakan terhadap pemilih premis berniaga akan mengeluarkan Notis Pematuhan Syarat ataupun NPS kepada pemilik premis perniagaan tidak mematuhi syarat larangan penggunaan plastik. Kerajaan pada masa ini telah bekerja sama dengan pelbagai pihak dalam melaksanakan program aktiviti dan juga kempen-kempen penggunaan seperti Kempen Beg Plastik dan Kempen Bebas Straw Plastik. Antara agensi pelaksana terlibat termasuklah Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, iaitu KPDNHEP Negeri Selangor, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan persatuan-persatuan serta sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri adalah terbuka untuk menerima dan mempertimbangkan sebarang permohonan bagi penganjuran program-program dan juga kempen kepenggunaan termasuklah daripada pihak ADUN dan pihak ADUN juga adalah digalakkan untuk menggunakan peruntukan sedia ada bagi penganjuran Kempen Bebas Beg Plastik. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Meru. Sila Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker. Soalan tambahan saya, apakah tindakan perancangan pihak Kerajaan kepada pengeluar ataupun kilang plastik untuk mengawal ataupun menghapuskan pengeluaran plastik itu sendiri, sebab kalau kita dalam keadaan kempen untuk penggunaan, tapi dalam waktu yang sama kita buat pengeluaran tak guna juga sia-sia kempen kita.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Saya rasa kita, tidak ada rancang untuk menutup kilang-kilang plastik yang sedia ada. So kita memang tidak, kita mereka nak hasilkan produk itu kuasa mereka. Adalah hak mereka.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Sebab itu saya katakan tadi, rancangan itu perlu ada. Sebab kalau kita buat kempen pun, pengeluaran itu

29 JULAI 2019 (ISNIN)

masih ada tak guna juga. Saya nak tanya sikit perancangan negeri dan kalau tak ada saya harap lepas ini ada perancangan itu.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Ini macam rokoklah, kita larang masih benarkan kilang untuk menghasilkan rokok. So kita jangan jadi satu isu di mana pengguna ada hak juga menggunakan beg plastik. Kita hanya hendak mendidik pelanggan supaya mereka mengurangkan penggunaan beg plastik. Bukan kita mengharamkan tetapi pengharaman akan diadakan pada tahun 2025. Jikalau kita telah bersiap sedia untuk menerima larangan penggunaan beg plastik di Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Terima kasih. Kita di Selangor membantah ataupun tak nak plastik, tetapi pada masa yang sama Kerajaan Pusat membenarkan sampah plastik masuk ke negara ini. Nampak nampak, nampak kontra di sini dan kilang-kilang *recycling* telah membawa banyak akibat yang kesan yang teruk kepada Malaysia termasuk kawasan Sungai Pelek. Apakah pandangan EXCO Kerajaan Negeri?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Dah keluar tajuk. Tak perlu saya untuk jawab Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sudah keluar dari soalan pokok. Sungai Pelek tanya kemudian. Saya bagi Yang Berhormat Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SENG : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya ingin bertanya soalan yang lebih spesifik tentang kempen bebas plastik ini, iaitu polistirena dan beg plastik. Tapi polistirena ini pada pemerhatian saya dan memang menjadi maklumat umum, ianya adalah jika dikeluarkan dan digunakan oleh para peniaga jadi jika saya ingin menambah soalan daripada Meru ada pengeluar polistirena sekarang? Adakah Kerajaan hendak mengenakan penguat kuasa terhadap kilang-kilang yang menghasilkan, mengeluarkan polistirena ini dan melarang daripada digunakan kepada peniaga ataupun orang ramai? Itu soalan saya. Soalan spesifik.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Banting. Kerajaan Negeri telah pun melarang penggunaan polistirena ini sejak 2009. So sepatutnya kita terutama semasa program-program daripada ADUN dan juga Badan Bukan Kerajaan dan juga Kerajaan. Sepatutnya untuk menghindari penggunaan polistirena ini, kita tak galak gunakan. Tapi kilang-kilang masih ada peluang ataupun mereka ada hak untuk mengeluarkan polistirena. So pada masa ini boleh saya katakan kebanyakan kita telah pun melarang penggunaan polistirena ini. Kita tidak menggalakkan penggunaan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Silakan Yang Berhormat Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker. Ijok ingin bertanya, dalam soalan ini. Soalannya apa tindakan dan juga perancangan, kita tahu plastik digunakan secara luasan, tetapi Ijok ingin menanya adakan rancangan alternatif kepada penggunaan plastik oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sebab dulu-dulu macam straw, sekarang plastik, dulu kita pakai straw kertas. Jadi Tuan Yang Berhormat EXCO

29 JULAI 2019 (ISNIN)

kata tadi kita tak boleh menutup kilang-kilang plastik tetapi adakah tawaran untuk membuat benda yang alternatif plastik untuk digunakan di negeri Selangor.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Ijok yang sangat prihatin terhadap beg plastik ini. Untuk maklumat Yang Berhormat Ijok kita memang ada alternatif. Kita menggalakkan semua orang untuk membawa *recycling* beg untuk kita pergi *shopping*, Itu telah pun kita katakan *mention* 2009 dan kita menggalakkan peniaga menghasilkan beg *biodegrader* yang bukan plastik. Itu juga alternatif, pada masa yang sama kita menggalakkan pengusaha-pengusaha untuk terutama *shopping center* menyediakan beg kertas, tapi harga amat mahal buat masa sekarang. So ada *shopping center* memang telah gunakan untuk alternatif gunakan beg kertas. Untuk straw plastik Tuan-tuan dan Puan-puan, Yang Berhormat kita menggalakkan supaya pelanggan-pelanggan membawa *straw stainless steel* tidak berkarat untuk premis makanan dan minuman. Pada masa yang sama kita menggalakkan peniaga supaya menyediakan straw kertas yang alternatif kepada straw plastik. So saya menggalakkan supaya kita minum jangan kita gunakan straw, kita *just* guna mulut, saya rasa tiada masalah. Kalau kita boleh minum kopi panas dengan cawan, saya rasa tiada masalah kita minum minuman sejuk melalui cawan juga. Saya rasa tiada masalah, kena biasakan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ok. Terima kasih Tuan Speaker yang baik hati. Soalan saya ialah pendek sahaja sebab kita telah melaksanakan Kerajaan Negeri telah melaksanakan kempen bebas plastik ini. Jadi sudah sampai masanya untuk Kerajaan Negeri membuat kajian, sejauh mana berkenanya pelaksanaan ini. Kerana pertama walaupun nampaknya kempen telah dilaksanakan tetapi saya tengok plastik masih berleluasa di mana-mana. Sampah yang pertama kita jumpa depan mata kita adalah plastik. Itu soalnya.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong teruskan, teruskan soalan cepat.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Minta maaf, saya ingat apa ini, Bandar Baru Klang ini masih jadi Speaker.

TUAN SPEAKER : Soalan, soalan, soalan. Saya nak soalan...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Yang betulkan biarlah Tuan Speaker... (suasana perbalahan)

TUAN SPEAKER : Cepat, cepat, masa tidak cukup...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Kita kata ikut peraturan, tadi kata.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sungai Burong...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Kalau ikut peraturan, rujuk peraturan...

29 JULAI 2019 (ISNIN)

TUAN SPEAKER : Saya jemput, sila duduk Yang Berhormat...
(suasana bertikam lidah)

TUAN SPEAKER : Saya minta Permatang, Permatang teruskan...

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Masa saya berikan, jangan yang lain-lain. Duduk.
(suasana bertikam lidah)

TUAN SPEAKER : Sungai Burong, sabar. Nanti saya bagi yang lain. Sila duduk.
Permatang.

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Tuan Speaker. Soalan saya no. 5...

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Tuan Speaker, perlu saya jawab?

TUAN SPEAKER : Tak perlu sebab tidak ada soalan. Permatang dah jawab.
Yang Berhormat Paya Jaras silakan, silakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN (N09 PERMATANG)

TAJUK : PELUANG PEKERJAAN UNTUK GOLONGAN ANAK MUDA

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah telah ada kerangka besar pembangunan anak muda yang kini merupakan lebih 40% warga Selangor?
- b) Apakah peluang pembangunan ekonomi kepada anak muda?
- c) Apakah perancangan kepada anak muda yang tidak dapat memasuki IPT dan Pusat Kemahiran TVET?

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Menjawab persoalan Yang Berhormat daripada Permatang ataupun atau pun Yang Berhormat kakak kita. Pertama saya ingin mendefinisikan soalan ini kepada beberapa bentuk. Tajuk utamanya adalah pekerjaan, tetapi pecahannya adalah pembangunan. Isu pekerja pertubuhan dan pembangunan adalah tiga perkara yang berbeza yang mana Yang Berhormat-Yang Berhormat perlu mendefinisikan perkara

29 JULAI 2019 (ISNIN)

tersebut. Walau bagaimanapun menjawab persoalan A. Kerangka belia yang merupakan lebih 40% warga Selangor. Saya ingin menarik perhatian-perhatian Yang Berhormat sekalian, belia kita di Selangor bukan 40% tetapi lebih 50%. Menurut statistik daripada *Institute for Youth Research Malaysia*. Populasi kita adalah 3 juta belia berbanding 6 juta di Negeri Selangor ini. *This is 50 percent* (dengan izin) dengan izin Yang Berhormat. Dan Yang Berhormat Tuan Speaker saya ingin menjawab persoalan ini bersekali dengan soalan nombor 133(a) oleh Yang Berhormat Tuan Chua Wei Kiat daripada Rawang.

Persoalan apakah kerangka besar pembangunan di Selangor kita tidak mempunyai enakmen yang kursus tentang belia. Sebab itulah kita berdasarkan kepada dasar belia negeri 2015. Di dalam dasar ini ada 10 teras yang kita ikuti iaitu teras:-

1. Pendidikan dan Kemahiran,
2. Keusahawanan dan Pekerjaan,
3. Kepimpinan dan Organisasi,
4. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)
5. Kemasyarakatan, Jaringan dan Kesukarelawan,
6. Kesejahteraan dan Kecergasan,
7. Kebudayaan dan Kesenian,
8. Agama dan Akhlak dan akhir
9. Pengantarabangsaan.

Jadi melalui program-program kita ini kita telah membentuk program Penggerak Belia Tempatan iaitu (PeBT) dan Kerajaan telah melantik 288 orang Penggerak Belia Tempatan yang terdiri daripada golongan belia sebagai agen penggerak belia di Negeri Selangor dengan peruntukan yang diberi berjumlah 1.4 juta setahun. Bagi peruntukan elaun dan sebanyak 1.4 juta untuk program penggerak belia tempatan ini. Malah di peringkat Kerajaan Persekutuan pula ada 2 teras utama yang berimplikasi oleh Persekutuan iaitu:-

1. Teras Pembangunan Belia Berteraskan Dasar Belia Malaysia dan
2. Teras Pemerkasaan Kemahiran Berlandaskan Transformasi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)

Yang Berhormat Permatang saya ingin pergi ke soalan nombor 2 iaitu peluang pembangunan ekonomi kepada anak muda. Saya menganggap ini berhubung kait dengan pekerjaan. Jadi di Selangor kita ini rekod mencatatkan penganggur kita pada tahun 2016 adalah (3.2%), 2017 (2.8%) dan 2018 adalah (2.8%). Ini adalah sumber daripada Jabatan Statistik Malaysia. Jadi pada tahun ini kita mensasarkan kadar pengangguran diturunkan kepada 2.5% pada 2019. Di antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah dengan meningkatkan pelbagai program pembangunan ekonomi belia seperti berikut:-

1. Program Karnival Kerjaya,
2. Kursus/Latihan di bawah Jawatankuasa Tetap Modal Insan,
3. Pendidikan Kemahiran dan Vokasional,
4. Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor dan
5. Program di bawah agensi.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Bagi Program Selangor *Job Fair* ataupun Program Karnival Kerjaya, Kerajaan Negeri telah menganjurkan program kerjaya ini secara berkala iaitu 2 kali setahun. Program ini dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Selangor dan *Jobs Malaysia* yang telah bermula daripada seawal 2014. Program *Selangor Mega Job Fair* pada tahun ini adalah program pertama sekali berkala mega yang saya telah sebutkan dalam Sidang yang lalu iaitu melibatkan 180 syarikat swasta yang terpilih dengan mengadakan temu duga terbuka secara *walk in interview* dan sebanyak 100 daripada 180 majikan ini ada 20 agensi dan 20 agensi ini terdapat daripada jumlah itu lebih 12 ribu pekerjaan telah ditawarkan dan daripada itu 20 majikan telah menawarkan peluang pekerjaan kepada golongan orang kurang upaya pada hari tersebut. Hampir 20 ribu pengunjung yang hadir yang telah mendapat manfaat melalui program ini. Jumlah permohonan yang berjaya mendapat tawaran pekerjaan pada hari tersebut adalah 237 orang dan seramai 3,482 orang pemohon telah berjaya ke temu duga yang kedua .

Program yang dilaksanakan ini telah berjaya melibatkan pemohon berdaftar seramai 25,199 orang yang mana 15,000 daripada jumlah tersebut telah berjaya untuk ditemu duga. Daripada jumlah calon yang telah ditemu duga tersebut seramai 4,790 orang telah berjaya mendapat pekerjaan. Jadi inilah cara kita mengurangkan kadar pengangguran di negeri Selangor kita ini. Jadi adapun yang disebut sebagai kursus latihan di bawah Jawatankuasa Modal Insan itu adapun program ini dengan kerjasama syarikat-syarikat yang ditawarkan dapat melahirkan usahawan-usahawan di kalangan para belia kita. Manakala pendidikan kemahiran vokasional pula adalah ditawarkan menyediakan pendidikan kemahiran vokasional di Kolej Industri Pendidikan Selangor (INPENS) dengan yuran yang sangat berpatutan dan bagi belia yang kurang berkemampuan tetapi yang ingin meneruskan pembelajaran yang mempunyai latar belakang cemerlang. Jadi inilah inisiatif Kerajaan Negeri Selangor dan yang keempat program latihan rangsangan kerjaya rakyat Selangor iaitu menawarkan kursus-kursus pelbagai kursus seperti kursus penternakan, kursus usahawan, kursus *soft skill*, *mobile service air-cond*, cuci kasut, *mobile barber* dan berbagai-bagai yang ditawarkan. Jadi kita ada kursus-kursus yang disediakan untuk para belia kita cuma soalan dia nak tak nak sahaja di kalangan belia kita. Tapi saya yakin kalau Yang Berhormat di kalangan Wakil Rakyat memainkan peranan ataupun mewartakan maklumat ini kepada belia-belia kita saya yakin ramai belia-belia kita yang akan terlibat sama dalam program-program yang kita sebut pada hari ini.

Manakala program di bawah agensi pula kita ada seperti PKNS, yang menawarkan program-program usahawan, Program Perintis Usahawan, Program Tunas Niaga, Program Usahawan Siswazah dan pelbagai program-program. Saya ingat maklumat *detail* akan saya bagi bertulis kepada Yang Berhormat dan soalan terakhir berkaitan dengan apa peluang yang ada di kalangan belia yang tidak dapat memasuki IPTA yang ada. Jadi di antara program yang kita tawarkan adalah Program TVET ataupun Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas *Smart* Selangor (IKTISASS) merupakan satu mekanisme yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha mendepani pembangunan latihan kemahiran teknikal dan ikhtisas kepada belia di Negeri Selangor. Barangkali saya

29 JULAI 2019 (ISNIN)

ingat di antar masalah kita adalah masalah komunikasi di antara penawar usahawan ini dan di kalangan para Yang Berhormat. *Insyah Allah* saya akan baiki komunikasi ini supaya maklumat lebih *detail*.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bandar Utama

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Tuan Speaker, saya cuma ingin bertanya untuk program-program yang telah disenaraikan biasanya apakah medium publisiti yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mewar-warkan kepada orang awam atau anak-anak muda kami. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Yang Berhormat. Kesemua yang disebutkan tadi mempunyai *page* ataupun *web* yang tersendiri pada mereka. Cuma masalah di kalangan kita ini adalah tidak ramai yang pergi kepada *web* tersebut untuk meneliti bagaimana program ini ditawarkan. Bagaimana saya sebut tadi saya ingat lepas ini kita akan lihat balik cara medium komunikasi di kalangan para belia supaya ramai yang tahu tentang tawaran-tawaran kita ini.

TUAN SPEAKER : Saya persilakan Kampung Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 6.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN LIM YI WEI (N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : PENGLIBATAN SEKTOR SWASTA DALAM PENAIKTARAFAN PADANG AWAM MILIK KERAJAAN TEMPATAN

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah garis panduan atau undang-undang sekiranya pihak berkuasa tempatan (PBT) ingin melaksanakan usahasama ("Joint Venture") dengan pihak swasta untuk menaiktaraf infrastruktur padang-padang awam yang diselenggara oleh PBT?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Kampung Tunku. Kampung Tunku bertanya apakah garis panduan atau undang-undang sekiranya Pihak Berkuasa Tempatan ingin melaksanakan usaha sama atau *joint venture* dengan pihak swasta untuk menaik taraf infrastruktur padang-padang awam oleh PBT. Untuk menjawab kepada soalan Kampung Tunku, setakat ini Pihak Berkuasa Tempatan tiada garis panduan atau undang-undang yang khusus bagi melaksanakan usaha sama dengan pihak swasta untuk menaik taraf infrastruktur padang-padang awam yang di selenggara oleh PBT. Walau bagaimanapun, pihak PBT mengalu-alukan dan menyambut baik cadangan daripada pihak swasta melalui

29 JULAI 2019 (ISNIN)

pendekatan tanggungjawab sosial korporat atau *social corporate responsibility*. Justeru itu pihak swasta yang hendak mengadakan usaha sama bagi menaik taraf infrastruktur padang-padang awam yang di selenggara oleh PBT boleh mengemukakan cadangan kepada PBT untuk penelitian yang lebih mendalam.

TUAN SPEAKER : Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya nombor 7.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI (N46 PELABUHAN KLANG)

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN DI NEGERI SELANGOR

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah Projek Perumahan Rumah Selangorku yang telah, sedang dan akan dibina di Negeri Selangor mengikut pecahan DUN?
- b) Berapakah jumlah pemohon Rumah Selangorku sejak tahun 2014 sehingga kini?

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Speaker dan juga Pelabuhan Klang. Pelabuhan Klang ingin tahu berapa projek perumahan Rumah Selangorku yang telah, sedang dan akan dibina di dalam Negeri Selangor mengikut pecahan DUN. Bagi makluman semua, Yang Berhormat sebenarnya perincian data rumah Selangorku direkodkan mengikut Pihak Berkuasa Tempatan, tidak mengikut DUN. Jadi sehingga 30 Jun 2019, ada sebanyak 255 projek rumah diluluskan dan dibangunkan. Jadi ada senarai pada saya ini mengikut PBT. Saya akan baca yang pertama sekali kalau kawasan Pelabuhan Klang di bawah MPK, terdapat 5 projek yang telah siap dibina, ada 5 projek sedang dalam pembinaan dan 13 lagi dalam perancangan. Maknanya sudah mendapat kelulusan jadi belum lagi diusahakan. Jadi jumlah keseluruhan adalah 23 projek untuk pembinaan Rumah Selangorku. Jadi untuk kawasan saya nampak yang paling banyak ialah projek Rumah Selangorku adalah di MPKj. Terdapat 10 projek yang telah siap dibina, 9 dalam pembinaan dan 36 telah pun mendapat kelulusan tapi belum dimulakan lagi. Jadi jumlah besarnya adalah 55 projek keseluruhannya. Saya ada senarai semua 12 PBT jadi saya akan bekalkan Yang Berhormat dengan senarai yang tersebut.

Soalan yang kedua adalah berkaitan dengan jumlah permohonan Rumah Selangorku sehingga tahun ini. Sehingga 1 Julai 2019, ada seramai 189,829 orang pemohon dalam daftar sistem pendaftaran kami. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Meru.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Saya nak tanya kepada Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan pecahan mengikut pada PBT. Ada tak perancangan untuk ikut DUN sebab kalau tengok di Meru langsung tak ada. Jadi tak adil begitu.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Sebenarnya kalau mengikut DUN ni dia setiap 10 tahun dia bertukar sempadan, jadi agak sukar. Ya kita mengikut DUN. Jadi kita ambil pendekatan mengikut Majlis. Kalau Meru rasa dalam DUN Meru tidak ada langsung sebenarnya dia bergantung pada satu permintaan, kedua adalah bergantung pada adanya tanah, tapak untuk dimulakan pembinaan.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Pandamaran.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Terima kasih Tuan Speaker, kepada Yang Berhormat EXCO, kita kena tahu mengikut DUN kerana kita kena tahu adakah kita MPK ni luas, Majlis Perbandaran Klang luas dan Peduli Sihat memang ada mengikut DUN dan apa IPR memang mengikut DUN, jadi kita harap lah dapat bahagikan kepada DUN untuk senang kita tengok adakah DUN kita memiliki Rumah Selangorku. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Saya rasa perkara ini sedikit teknikal, kalau Yang Berhormat rasa ingin tahu sama ada, ada tidak yang berada di dalam lokasi setiap DUN, kita akan tengok dari segi di mana kedudukan projek-projek tersebut, saya rasa mungkin LPH boleh maknanya bagi maklumat tersebut mengikut DUN tapi setakat ini rekod kita memang mengikut Majlis sebab Majlis mengeluarkan Kebenaran Merancang untuk projek-projek pembangunan tersebut.

TUAN SPEAKER : Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan Subang Jaya nombor 8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : KESIHATAN MENTAL

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jenis sokongan yang akan diberi oleh Kerajaan Negeri berkenaan usaha untuk mendapatkan perlindungan insurans bagi penyakit mental.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Ya Yang Berhormat Subang Jaya, terima kasih. Yang Berhormat Tuan Speaker, Subang Jaya telah menanyakan sama ada Kerajaan Negeri ingin berusaha untuk mendapatkan lindungan insurans bagi pesakit mental. Untuk makluman Yang Berhormat semua, pada masa ini Kerajaan Negeri tiada cadangan untuk mendapatkan atau memberikan perlindungan insurans bagi penyakit mental. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, syarikat insurans di negara ini digalakkan untuk mengkaji dan menyediakan kemudahan insurans kesihatan mental memandangkan tiada lagi kemudahan seumpamanya ditawarkan. Walau bagaimanapun terdapat kemudahan rawatan dan pemulihan yang disediakan di peringkat kementerian, di hospital dan klinik bagi pesakit mental yang dikenal pasti. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sungai Kandis.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Berkaitan dengan soalan yang dikemukakan berkaitan dengan pesakit mental. Adakah Kerajaan Negeri ada cadangan untuk membantu pesakit mental dengan membina rumah penjagaan kepada pesakit-pesakit mental ini?

Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Yang Berhormat Sungai Kandis, menjaga pesakit mental itu perlu hospital. Hospital ini di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Kerajaan Negeri tidak akan membina hospital pesakit mental.

TUAN SPEAKER : Hulu Klang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker, soalan saya, soalan nombor 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : JUMLAH KUTIPAN HASIL TAHUN 2018

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kutipan hasil premium tanah dan cukai pintu bagi tahun 2018 dan perbandingan dengan sasaran yang ditetapkan?

TUAN SPEAKER : Sila Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Speaker dan Hulu Klang yang bertanyakan soalan. Pada tahun 2018, sebanyak RM736,620,104.91 telah dikutip dalam premium tanah iaitu sehingga Disember 2018 bersamaan dengan 67.8% daripada unjuran

29 JULAI 2019 (ISNIN)

yang dibuat iaitu RM1.086 bilion ataupun RM1,086,200,000.00 maknanya 67% telah berjaya dikutip pada tahun 2018 premium tanah.

Manakala soalan seterusnya berkenaan dengan cukai oleh PBT, pada tahun 2018, dianggarkan kita akan mengutip RM1,546.37 juta atau lebih mudah RM1.5 bilion dikutip melalui cukai-cukai taksiran di Pihak Berkuasa Tempatan. Ini unjuran dan hasilnya pada tahun lepas kita mampu mengutip RM1.439 bilion (RM1,439,000.00) yang berjaya dikutip oleh semua PBT pada tahun 2018. Yang Berhormat sekalian, untuk menjawab untuk secara spesifik saya boleh tunjukkan di MPAJ, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, di MPAJ disasarkan RM101.59 juta dan mengutip RM88.79 juta. Di MBSA, disasarkan RM302.92 juta tapi yang dikutip adalah RM286.63 juta. MBPJ menyasarkan RM254.99 juta dan dikutip adalah sebanyak RM248.80 juta. Sekian. Itu 11.30 Yang Berhormat. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan tambahan. Hulu Klang soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Tak ada soalan tambahan.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI: Tuan Speaker, saya cuma nak satu sahaja.

TUAN SPEAKER : Tak ada, tak ada, untuk hari esok lah. Hari Rabu.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Tuan Speaker, sebab soalan ini berkenaan dengan belia. Saya cuma nak tahu, saya masih belia ataupun tidak. Umur 37 tahun.

TUAN SPEAKER : Minta maaf Jeram sila duduk. Sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (No.1) 2019 semua peringkat. Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu dibaca kali pertama.

TUAN SPEAKER : Silakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, oleh sebab Rang Undang-undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga, saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53, bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui. Silakan Yang Amat Berhormat.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian. Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberi kuasa atau pun *statutory* bagi bayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan negeri tahun 2019 yang tidak diperuntukkan oleh undang-undang atau pun enakmen sedia ada pada tahun 2019.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian, melalui Enakmen Perbekalan (2019) yang dibacakan pada tahun 2018, yang telah diluluskan pada 23 November 2018, sejumlah RM2,496,197,835.00 (Dua Billion Empat Ratus Sembilan Puluh Enam Juta Satu Ratus Sembilan Puluh Tujuh Ribu Lapan Ratus Tiga Puluh Lima Ringgit) telah diperuntukkan bagi perbelanjaan perkhidmatan Negeri Selangor tahun 2019.

Berpandukan kepada keperluan kewangan semasa, terdapat sedikit kekurangan peruntukan bagi jabatan tertentu. Sehubungan itu, Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 1) 2019 sebanyak RM123,000,000.00 (Satu Ratus Dua Puluh Tiga Juta Ringgit) telah diperlukan bagi menampung kekurangan tersebut. Peruntukan tambahan yang diperlukan adalah seperti jadual berikut :

Maksud	Tajuk	Amaun (RM)
B06	Caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan / Hutan	123,000,000.00
	JUMLAH	123,000,000.00

Ahli-ahli Yang Berhormat saya kasihi sekalian. Peruntukan tambahan bagi maksud bekalan B06 – Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan / Hutan, sebanyak **RM123,000,000.00 (Satu Ratus Dua Puluh Tiga Juta Ringgit)** adalah dikehendaki untuk menampung kekurangan bagi projek-projek di bawah Vot P01 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri seperti berikut:

1. Sebanyak **RM22,000,000.00 (Dua Puluh Dua Juta Ringgit)** diperlukan bagi menampung bayaran Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) sehingga Disember 2019;
2. Sebanyak **RM32,500,000.00 (Tiga Puluh Dua Juta Lima Ratus Ribu Ringgit)** diperlukan bagi menampung bayaran Program Skim Peduli Sihat (SPS) sehingga Disember 2019;
3. Bayaran **RM9,500,000.00 (Sembilan Juta Lima Ratus Ribu Ringgit)** diperlukan untuk menampung dan menyempurnakan bayaran Skim Mesra Usia Emas (SMUE) sehingga Disember 2019; dan
4. Sebanyak **RM59,000,000.00 (Lima Puluh Sembilan Juta Ringgit)** diperlukan bagi menampung bayaran Program Air Percuma 20 Meter Padu sehingga Disember 2019.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Ini bermakna dengan pengumuman ini dan kelulusan yang diluluskan pada hari ini, Program Air Percuma 20 Meter Padu diteruskan sehingga akhir tahun 2019. Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, dengan penjelasan yang telah saya berikan tadi, saya mencadangkan satu Enakmen Perbekalan Tambahan No. 1 (2019) bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan, untuk perbelanjaan tambahan pertama tahun 2019 berjumlah **RM123,000,000.00 (Satu Ratus Dua Puluh Tiga Juta Ringgit)** dan memperuntukkan wang itu bagi maksud yang tertentu dibaca kali yang kedua, terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan ini telah pun disokong dan saya buka untuk perbahasan. Saya mempersilakan, mana Pembangkang? Ya, saya mencari-cari Ketua Pembangkang, silap-silap saya mempersilakan Ketua Pembangkang untuk membahaskan.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : *Bissmillahirrahmannirrahim, Assalamualaikum Warrahmatullahiwabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi ruang kepada Sungai Air Tawar untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Enakmen pembentangan bajet tambahan ini. RM123 juta itulah jumlah yang dipohon oleh Kerajaan Negeri bagi menampung kekurangan peruntukkan berbanding anggaran RM2.56 bilion seperti yang diluluskan di dalam pembentangan Belanjawan Negeri 2019 pada tahun lalu. Jumlah RM123 juta ini bukanlah jumlah yang besar. Ia hanyalah 4.8% daripada jumlah asal belanjawan negeri. Tetapi pada masa yang sama, penambahan RM123 juta ini akan melebarkan jangkaan defisit Kerajaan Negeri daripada RM360 juta kepada RM483 juta.

Sebagai negeri yang paling maju di Malaysia, sebagai negeri yang dikatakan antara negeri yang paling kaya di Negara ini, jumlah RM123 juta ini bukanlah sesuatu kerisauan kerana sudah tentu Kerajaan Negeri mampu menampungnya. Tetapi persoalannya, bukanlah tentang mampu atau pun tidak mampu Kerajaan Negeri. Sebaliknya ia adalah tentang mengapa peruntukan atau Perbekalan Tambahan ini diperlukan. Jadi, Yang Berhormat Tuan Speaker, selalunya kesimpulan akan disebut pada akhir ucapan tetapi izinkan saya pada hari ini untuk memberikan tiga kesimpulan awal tentang mengapa Perbekalan Tambahan ini diperlukan.

Kesimpulan awal pertama, Menteri Besar mungkin hendak membuktikan kononnya, beliau cakna tentang keperluan rakyat tetapi hakikatnya Perbekalan Tambahan ini adalah bukti beliau gagal membuat perancangan yang sebaiknya. Kedua, Menteri Besar ketika Pembentangan Belanjawan Negeri 2019 pada tahun lalu, hanya mahu menunjukkan kehebatan di hadapan liputan media yang luas kononnya Kerajaan Negeri mampu menawarkan bajet berimbang. Realitinya kegagalan merancang akan menyebabkan defisit negeri terus bertambah. Dan kesimpulan awal ketiga, Menteri Besar pada tahun lalu setakat membentangkan ucapan Belanjawan 2019 yang hanya cantik di atas kertas, tetapi Perbekalan Tambahan ini telah menjadi saksi bagaimana kepincangan besar dapat dilihat di peringkat pelaksanaan perkara-perkara yang telah diumumkan. Mungkin dengan Perbekalan Tambahan ini Menteri Besar dan Kerajaan Negeri boleh mendabik dada kononnya Perbelanjaan Pembangunan adalah lebih tinggi daripada Perbelanjaan Mengurus. Tetapi janganlah cuba untuk bermain kata, memandangkan peruntukan

29 JULAI 2019 (ISNIN)

tambahan itu bukanlah bentuk fizikal sebaliknya hanyalah bagi menampung kekurangan bajet berbentuk subsidi yang seharusnya diletakkan sebagai Perbelanjaan Mengurus.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menyentuh dengan berkenaan Skim Masa Usia Emas. Menerusi amalan terdahulu, Kerajaan Negeri akan memberikan bantuan wang khairat kematian berjumlah RM2,500.00 kepada keluarga warga emas yang meninggal dunia. Tanpa mengira fahaman politik, agama, jantina, kaum, tahap sosial mahupun status ekonomi. Namun pada April lalu, kita dikejutkan dengan pengumuman yang dibuat oleh Menteri Besar bahawa Kerajaan Negeri memutuskan untuk tidak meneruskan pemberian wang khairat kematian kepada rakyat negeri ini. Wang khairat mati ii akan digantikan pula dengan Skim Mesra Usia Emas, iaitu pemberian baucar *Jom Shopping* bernilai RM100.00 setahun. Kononnya ini adalah langkah yang bertepatan dengan hasrat Kerajaan Negeri yang menghargai golongan warga emas dan mahu mereka menikmati hasil negeri semasa mereka masih hidup. Jumlah biarlah logik akal dan sesuai dengan kos sara hidup pada masa kini. Daripada khairat kematian berjumlah RM2,500.00 terus menurun kepada RM100.00 bagi *shopping* musim perayaan bukan saja tidak mencerminkan nilai yang wajar pada masa kini. Malah bolehlah dianggap sesuatu penghinaan kepada warga emas kerana Kerajaan Negeri hanya meletakkan nilai 27 sen kepada golongan ini.

Menteri Besar ketika membuat pengumuman perkara ini ada menyatakan jumlah RM100.00 tahun atau 27 sen sehari ini akan memberi manfaat kepada 200 ribu orang golongan orang warga emas di Negeri Selangor. Dengan kata lain, Kerajaan Negeri memerlukan RM20 juta bagi membiayai skim ini. Tetapi menerusi Perbekalan Tambahan ini, Kerajaan Negeri hanya meminta peruntukkan berjumlah RM6 juta yang hanya cukup bagi 60 ribu warga emas. Jadi saya hendak mendapatkan kepastian apakah terdapat syarat-syarat kelayakan bagi mendapatkan, bagi membolehkan warga emas menerima bantuan ini dan mengapakah jumlah ini jauh lebih anggaran daripada yang pernah diumumkan oleh Menteri Besar sebelum ini. Harus diingatkan peruntukan RM10 juta sebelum ini telah habis digunakan bagi bayaran khairat kematian yang telah dibuat sebelum ini. Sekiranya RM6 juta ini tidak cukup, adakah Dewan yang mulia ini akan menyaksikan sekali lagi kegagalan Menteri Besar dalam membuat perancangan dan akhirnya memerlukan Enakmen Perbekalan Tambahan ini dibentangkan sekali lagi selepas ini. Jadi saya berharap jawapan ini telus daripada Kerajaan Negeri dalam hal ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berkenaan dengan penjajaran KISS. Program Kasih Ibu Smart Selangor, sebelum ini telah memberi manfaat kepada sekitar 40 ribu, ibu-ibu di negeri ini dengan bantuan sebanyak RM200 sebulan. Bagi membeli barangan keperluan rumah dan tiba-tiba juga kita difahamkan penerima KISS ini telah dikurangkan kepada hanya 20 ribu orang dalam terhad kepada mereka yang berada dalam senarai e-Kasih sahaja. Pada bulan Disember 2018 yang lalu, EXCO Kesihatan, Kebajikan Pemberdayaan Wanita dan Keluarga telah menyatakan para penerima perlu membuat kemas kini maklumat peribadi mereka dan kegagalan berbuat demikian mungkin menyebabkan status mereka menjadi gugur. Tetapi persoalannya, adakah jumlah 20 ribu penerima ini. Adakah 20 ribu yang gugur ini iaitu berbanding 40 ribu penerima sebelum ini benar-benar tidak layak untuk terus menikmati bantuan ini? Atau sebenarnya mereka ini tidak dapat maklumat yang sepatutnya iaitu perlunya mereka membuat kemas kini maklumat peribadi mereka.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Sejauh manakah Kerajaan Negeri yakin tiada langsung peserta yang layak tidak tercicir dari senarai ini. Dan apakah ukuran yang dibuat oleh Kerajaan Negeri agar perkara ini tidak terjadi. Bantuan RM200.00 sebulan ini mungkin bagi setengah orang jumlahnya adalah kecil, tetapi bagi mereka yang benar-benar memerlukan bantuan ianya sangat bernilai bagi memastikan makanan dapat terus diletakkan di meja makan mereka. Jadi saya ingin mendesak agar Kerajaan Negeri benar-benar memastikan tiada seorang pun yang tercicir daripada senarai penerima ini. Selain daripada itu, Menteri Besar dalam pembentangan Belanjawan Negeri pada tahun lalu, telah menyebut bahawa KISS ini akan dibuat pemerksaan yang mana penerima KISS ini berpeluang untuk terpilih sebagai peserta *Work From Home* bagi membolehkan mereka menjana pendapatan. Saya ingin bertanya berapakah jumlah mereka yang telah menyertai Program *Work from Home* ini. Dan apakah bentuk pemantauan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan mereka benar-benar menerima pendapatan yang sepatutnya serta daripada jumlah yang menyertai program pemerksaan ini. Berapakah daripadanya adalah mereka yang termasuk dalam kumpulan 20 ribu orang kini tidak layak menerima bantuan KISS, berjumlah RM200.00 ini. Saya berharap Kerajaan Negeri tidaklah terlalu mahu berjimat sehingga berlakunya pengurangan mendadak 50% daripada jumlah asal penerima KISS ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Skim Peduli Sihat sebelum ini memberi manfaat kepada 392 ribu keluarga di seluruh Selangor. Tetapi atas alasan pelarasan baru atau yang lebih tepat untuk menjimatkan kopet Kerajaan Negeri jumlah ini adalah hanya terhadap kepada 65 ribu buah keluarga sahaja. Sebelum ini kita difahamkan pengurangan ini adalah disebabkan pertindihan program yang turut dilaksanakan di peringkat pusat iaitu Peduli Kesihatan untuk kumpulan B40. Yakini peka B40. Walau bagaimanapun, program peka B40 ini masih belum dilaksanakan secara menyeluruh dan akan diperluaskan secara berperingkat. Tetapi pada masa yang sama kita juga maklum jumlah RM500.00 ini adalah untuk tempoh penggunaan selama setahun. Sudah pasti setiap keluarga tidak semestinya menghabiskan jumlah RM500.00 ini dalam tempoh setahun.

Sehingga April lalu sejumlah RM20 juta telah dibelanjakan berbandingkan peruntukan asal RM10 juta. Bermakna adanya pengurangan sebanyak RM10 juta lagi dan menerusi pembekalan ini. Kerajaan Negeri meminta tambahan RM32.5 juta untuk baki yang diperlukan sehingga penghujung tahun ini. Jadi dengan jelas kita boleh lihat bagaimanakah Kerajaan Negeri telah gagal untuk membuat perancangan rapi. Daripada peruntukan asal RM10 juta jumlah ini telah bertambah menjadi RM52.5 juta sesuatu perbezaan yang sangat ketara yang diperlukan. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya bagaimana perkara ini terjadi dan di manakah kesilapan Negeri ketika membuat perancangan sebelum Pembentangan Belanjawan Negeri ada tahun lalu dibuat. Kita faham jumlah ini adalah untuk rakyat. Kita tidak menolak perkara ini, tetapi Kerajaan Negeri gagal membuat perancangan rapi pada masa-masa akan datang. Bermakna Kerajaan Negeri merancang untuk gagal. Dengan kata lain kita akan melihat perkara sama akan terus berulang pada masa akan datang. Jadi saya berharap Belanjawan Negeri 2020 perkara ini diberi perhatian. Jangan hanya dilihat gah ketika pembentangan. Tetapi akhirnya pada yang dirancang tidak menjadi seperti yang sepatutnya. Yang Berhormat Tuan Speaker seterusnya adalah tentang Air Percuma pula.

Peruntukan yang umumkan pada pembentangan Belanjawan Negeri tahun lalu. Adalah berjumlah RM80 juta. Yang mana jumlah ini akan di terhad kan kepada peruntukan B40 sahaja. Tetapi kita difahamkan perubahan daripada pemberian kepada semua isi rumah

29 JULAI 2019 (ISNIN)

kepada isi rumah isu rumah pendapatan B40 baru sahaja bermula. Menteri Besar ketika pembentangan yang lalu menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan berjimat sehingga RM105.2 juta. Apabila perubahan ini berlaku rupa-rupanya Menteri Besar menyembunyikan fakta bahawasanya ada tunggakan pembayaran Air Percuma pada tahun 2018 yang berjumlah RM40 juta. Sudahlah peruntukan 2008 tidak cukup difahamkan pula peruntukan RM80 juta untuk 2019 sudah habis digunakan bagi menampung pemberian Air Percuma. Sehingga kini malah jumlah ini tidak cukup memandangkan Kerajaan Negeri terpaksa menanggung RM114 juta bagi tempoh Januari hingga Julai 2019. Ini yang akhirnya memerlukan tambahan peruntukan RM60 juta. Harus diingat RM60 juta tambahan ini hanyalah cukup untuk menampung tunggakan untuk tahun 2018. Dan jumlah yang diperlukan hingga Julai 2019 bermakna ini belum mengambil kira tambahan yang diperlukan untuk tempoh Ogos hingga Disember tahun ini.

Jadi sekali lagi soalan yang harus jawab oleh Kerajaan Negeri, adakah Dewan ini akan menyaksikan sekali lagi Pembentangan Perbekalan Tambahan bagi sesi seterusnya. Yang Berhormat Tuan Speaker bercakap soal isu air ini juga Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2 minggu lalu juga dikejutkan dengan berita gangguan bekalan air akibat daripada masalah pencemaran yang berlaku di Sungai Selangor. Gangguan air disebabkan pencemaran ini merupakan kali kedua berlaku dalam tempoh kurang sebulan serta ketiga pada tahun ini. Bulan lalu Syabas turut juga telah melaksanakan henti tugas di loji air di Sungai Semenyih akibat daripada masalah pencemaran ini. Pada bulan Mac pula bekalan air di negeri ini turut sama dihentikan akibat daripada kesan pencemaran di Sungai Klang. Jika kali pertama berlaku mungkinlah rakyat dapat memaafkan, tetapi kejadian ini adakah kejadian berulang. Rakyat juga sehingga kini tidak mengetahui, adakah tindakan yang..apakah tindakan yang telah diambil terhadap pelaku pencemaran sebelum ini. Kini rakyat dihadapkan lagi dengan masalah yang sama. Kenyataan Menteri Air, Tanah Dan Sumber Asli yang juga Ahli Parlemen Kuala Langat, seperti yang disiarkan di akhbar tempatan yang menyatakan pencemaran air di sungai-sungai di negeri ini adalah sesuatu perkara yang biasa. Serta Kerajaan sukar untuk memantau perkara ini jelas menunjukkan sikap tidak acuh Kerajaan terhadap perkara ini. Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 memberi kuasa yang besar kepada Menteri malah hukuman bagi kesalahan di bawah akta ini juga adalah sangat berat.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Yang Berhormat Tuan Speaker. Peraturan Tetap.

TUAN SPEAKER : Ya. Sila duduk Yang Berhormat Sg. Air Tawar. Sebab Peraturan Tetap Yang Berhormat Bandar Baru Klang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Yang Berhormat Tuan Speaker. Peraturan Tetap 67. Berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Saya merujuk khusus kepada Peraturan 67/3. Setelah dicadangkan usul hendaklah dibacakan Rang Undang-undang itu kali kedua dan disokong maka bolehlah dijalankan perbahasan dengan serta-merta tetapi hendaklah dihadkan kepada asas-asas am dasar dan tadbiran Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam peruntukan tambahan yang dimansuhkan dalam Rang Undang-undang. Jadi ini adalah bukan dengan Skim Air Percuma satu skim kepada kebajikan bukan berkenaan dengan bekalan air. Jadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sg. Air Tawar adalah di luar tajuk Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

TUAN SPEAKER : Baik Yang Berhormat Bandar Baru Klang. Saya minta Sg. Air Tawar balik kepada tajuk asal iaitu Bekalan Tambahan mengenai IPR kalau masuk ke perkara yang tiada berkaitan saya tidak benarkan ya. Sila ambil maklum kerana mengikut Perkara 67 jelas dinyatakan Sub 3 ya.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat. Tetapi bagi saya ini isu rakyat ya isu air keperluan pengguna rakyat semua. Kalau perkara ini tidak boleh saya bahaskan dalam Dewan adalah menjadi perkara yang dukacitakan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Ketua Pembangkang Sg. Air Tawar ini berkaitan dengan Perkara Tetap bukan soal isu rakyat. Semua boleh kita bawa tetapi dalam waktu-waktu yang tentu tetapi ini dalam tempoh perbahasan Perbekalan ya yang khusus kan dengan dasar-dasar. Ini berkaitan dengan pencemaran dan sebagainya. Itu luar daripada tajuk apa yang dibahaskan sekarang ini. Ya minta kembali kepada yang asas.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Tetapi saya yakin rakyat di sana cukup kecewa kerana isu air ini tidak dapat saya bahaskan pada kali ini. Yang Berhormat Tuan Speaker rakyat Selangor juga masih belum lupakan kata-kata pemimpin kerajaan hari ini. Kononnya jika Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran parti yang sama maka lebih banyak kebajikan dan bantuan kepada rakyat akan disalurkan. Nah habis madu sepah dibuang. Undi diberi kuasa lebih besar telah di mati. Tetapi bantuan kepada rakyat bukan sahaja tidak bertambah. Malah dipotong dan digugurkan satu persatu oleh Kerajaan Negeri pada hari ini. Saya ingin memetik kembali ungkapan yang disebut oleh Menteri Besar semasa Pembentangan Belanjawan Negeri 2019 pada tahun lalu.

Menteri Besar telah memetik tulisan *Adam Smit* yang berbunyi “hanya akal prinsip nurani yang berada di dalam dada, adalah diri yang menjadi hakim dan penentu kepada tindakan kita”. Percayalah akal yang waras pastinya tidak akan gagal melihat bagaimana prinsip, serta nurani yang kononnya di perjuangkan oleh Kerajaan Negeri sebelum ini hanyalah sandiwara dalam memancing undi dan simpati rakyat. Kegagalan Kerajaan Negeri dalam membuat perancangan yang sepatutnya semasa Pembentangan Belanjawan Negeri 2019 pada tahun lalu sangatlah mengecewakan. Dan amatlah dikesali. Justeru itu, tidak usahlah Menteri Besar dan Kerajaan Negeri bersilat lidah konon penjajaran baru berbagai bantuan insentif kepada rakyat ini dibuat adalah sebagai perubahan daripada suatu bentuk pemberian kepada insentif pembudayaan. Sedangkan hakikat dan realiti yang berlaku hanyalah membuktikan kegagalan mutlak Kerajaan Negeri dalam membela keperluan rakyat. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Habis ya..Yang Berhormat. Ok. Saya minta daripada Kerajaan Bukit Lanjang. Ketua PBC.

Y.B. PUAN ELIZABETH WOY KEAT PING : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Selamat pagi kepada semua. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan Tahniah kepada Sg. Air Tawar. Kerana ini pertama kali saya duduk dalam Dewan ini selama 2 penggal. Pertama kali wakil daripada pembangkang memberi perhatian penuh dan juga sokongan untuk semua program IPR yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri selama ini. Dan rintihan dan juga keprihatinan Sg. Air Tawar memang dialu-alukan, kerana sebenarnya pihak wakil rakyat kerajaan juga sangat prihatin apa yang sedang berlaku dalam penjajaran

29 JULAI 2019 (ISNIN)

program-program IPR. Jadi saya pun terkejut saya bila saya dengar tadi Ketua Pembangkang kita berucap saya juga setuju banyak isu yang diutarakan oleh Sg. Air Tawar. Tetapi pada masa yang sama kita juga dimaklumkan Kerajaan Negeri Selangor pada ketika ini ada program dan juga pelan. Di mana Kerajaan Negeri akan bawa ke Dewan ini pada masa yang akan datang. Untuk membawa sedikit atau pun menyempurnakan lagi program bantuan dan juga kebajikan untuk rakyat ini Kerajaan Negeri Selangor.

Saya juga ingin tanya kepada pihak kerajaan selagi daripada peruntukan MARRIS yang diterima oleh Kerajaan Negeri. Apa jenis lagi bantuan atau pun peruntukan yang diturunkan daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Selangor. Maksudnya adakah kita dapat bantuan kebajikan selain daripada yang sudah ditetapkan ada bantuan tambahan ataupun tidak. Kerana setakat ini kita telah selama 10 tahun kita telah bangkitkan banyak perkara tentang apa hak yang sepatutnya diberi kepada Kerajaan Negeri. Apa hak yang kita sepatutnya kita tuntut daripada Kerajaan Pusat dan antaranya adalah peruntukan yang lebih saksama daripada Kerajaan Pusat. Kalau jikalau kita lihat pembahagian sebagai contohnya GDP yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri oleh Selangor bukan Kerajaan Negeri maaf Selangor kepada ekonomi Malaysia. Ataupun cukai yang disumbangkan oleh peniagaan dan juga penduduk-penduduk di Negeri Selangor.

Yang Berhormat, kita sepatutnya mohon dengan izin *biger slide of the gate* iaitu peruntukan yang sepatutnya diberi oleh pusat kepada Kerajaan Negeri Selangor. Mengapa saya bangkit perkara ini. Ini adalah kerana selama ini kita memang ada banyak kekangan yang kerana Kerajaan Pusat pada masa itu bukan kerajaan yang sama. Sekarang kita sudah ada satu kerajaan baru di peringkat persekutuan. Dan saya harap Kerajaan Negeri sedang atau pun telah ada perbincangan awal untuk mendapat hak yang sepatutnya kepada Kerajaan Negeri Selangor. Dan juga untuk penduduk-penduduk di Negeri Selangor. Saya sebenarnya Bukit Lanjang tiada halangan bila program penjajaran ini dilangsungkan. Kerana saya difahamkan objektif utama adalah untuk menyemak semula siapa yang benar-benar layak untuk menerima bantuan IPR. Itu saya rasa semua wakil rakyat pun setuju kalau ada pihak yang tidak sepatutnya menerima bantuan kebajikan daripada Kerajaan Negeri Selangor maka pihak tersebut perlu dikeluarkan.

Walau bagaimanapun, saya ingin bangkit dalam Dewan yang mulia ini bahawa ada sedikit masalah dalam sistem semakan tersebut. Satunya adalah e-Kasih. Pada pagi ini Dewan yang mulia ini telah mendengar beberapa penjelasan daripada Yang Berhormat Seri Serdang iaitu kategori miskin ataupun kategori miskin tegar dan sebagainya yang ditetapkan oleh e-Kasih tidak sama dengan apa yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sebagai contohnya KISS, dia ada kategorinya ataupun had pendapatannya yang berbeza juga daripada Skim Peduli Sihat. Skim Peduli Sihat semasa kita buat program tersebut Kerajaan Negeri Selangor bukan sahaja memberi kepada keluarga di antara golongan B40 tetapi Kerajaan Negeri juga telah membuat, memperluaskan program itu untuk masukkan golongan yang berpencen, warga emas, anak muda yang belum kahwin dan sebagainya. Jadi jumlah yang kita ada pada ketika ini adalah 392,000 orang penduduk negeri Selangor yang telah daftar dalam Skim Peduli Sihat tetapi Kerajaan Negeri telah membuat keputusan pada ketika ini untuk kurangkan kepada 65,000 orang penerima Skim Peduli Sihat sahaja.

Saya rasa pengurangan ini terlalu drastik dan ketara. Ada kita memang ada banyak anak muda sebagai contohnya yang mula kerja dan saya nak beri satu contoh yang betul-betul

29 JULAI 2019 (ISNIN)

berlaku di Negeri Selangor ia melibatkan seorang Ahli Majlis. Ahli Majlis di negeri Selangor bukan kaya raya. Mereka hanya menerima elaun, di peringkat Majlis Daerah mereka hanya menerima sebanyak elaun *basic allowance* sebanyak RM2,000.00 sahaja. Jadi ini adalah cerita benar, seorang Ahli Majlis yang berkhidmat di satu Majlis Daerah di Negeri Selangor, dia hanya buat kerja Ahli Majlis, dia tak ada kerja sambilan ataupun business yang lain yang sebagainya. Satu malam dia rasa sangat-sangat sakit, dia dalam perjalanan balik ke rumah tetapi dia rasa dia tak sempat nak balik ke rumah, dia pergi ke klinik. Bila dia masuk ke klinik dan dalam poketnya hanya ada RM40.00 sahaja. Dia nak jumpa doktor, dia hampir nak pitam. Nasib baik dalam poketnya ada satu kad Peduli Sihat dan dia tak pernah guna kad Peduli Sihat itu tetapi masa itu ketika satu keadaan yang sangat cemas dia dapat menggunakannya kerana sebenarnya dia layak, pendapatan ataupun elaunnya RM2,000.00 ke bawah. Sampai hari ini dia ceritakan perkara ini kepada semua kawan-kawannya termasuk kepada saya bahawa kalau masa malam itu dia tidak pegang kad Peduli Sihat daripada Kerajaan Negeri Selangor dia mungkin ada *accident* ataupun mala petaka yang mungkin berlaku kepadanya. Jadi kad ini adalah satu kad yang sangat penting. Kita jangan lihat kad ini sebagai satu tanda kategori B40 dan sebagainya. Ada banyak orang yang penduduk yang ada pencen, warga emas yang memerlukan perkhidmatan kad ini kerana mereka perlu jumpa doktor selalunya. Matlamat Kerajaan Negeri Selangor untuk berikan kad Peduli Sihat ini adalah supaya kita jangan di Negeri Selangor kita tidak dengan izin, *we do not cramp the hospitals with cases that can be settled by clinics* dengan izin Yang Berhormat Tuan Speaker.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Boleh mencelah Speaker, saya ingin bertanya Bukit Lanjan. Boleh?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ya, ya boleh. Silakan.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Bila disebut tentang penerima daripada 392,000 orang Kerajaan Negeri mensasarkan 65,000, betul ya 65,000 tadi, ini sangat drastik mana program yang memanfaatkan rakyat ini turun begitu mendadak. Jadi apakah Bukit Lanjan setuju bahawa Kerajaan Negeri tidak menyusun Belanjawan, Bajet 2019 dengan keadaan baik ataupun mengelirukan sebenarnya. Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Hulu Bernam. Saya harap Hulu Bernam jangan mengelirukan Dewan ini. Saya tidak pernah menyatakan bahawa Kerajaan Negeri kelirukan rakyat ataupun tidak menguruskan dengan baik, cuma ini adalah beberapa perkara di kalangan Wakil Rakyat Kerajaan yang kita rasa perlu dibangkitkan dalam Dewan ini dan juga kepada Dato' Menteri Besar.

Betul, penurunannya sangat mendadak dan Bukit Lanjan ingin cadangkan, syorkan kepada Kerajaan Negeri untuk menyemak semula siapa ataupun golongan mana yang perlu kad Peduli Sihat ini dan juga jangan sahaja ikut kepada kriteria yang ditetapkan oleh e-Kasih. Satu adalah seperti yang saya sebut. Dia ada kategori yang sangat rendah, yang terlalu terhad, keduanya isu semakan oleh pihak e-Kasih di Pejabat Daerah. Saya bukan nak salahkan pegawai-pegawai daripada e-Kasih kerana mereka ada kekangan mereka sendiri seperti kekurangan staf, kekurangan pegawai, jadi mereka tidak cukup kakitangan ataupun tenaga kerja untuk menjalankan semakan tersebut. Saya nak maklum dalam Dewan ini, ramai penduduk dalam DUN Bukit Lanjan telah daftar dengan e-Kasih tetapi sampai hari ini selepas 6 bulan semakan pun belum dijalankan. Itu masalahnya, tidak cukup staf, tidak

29 JULAI 2019 (ISNIN)

cukup tenaga kerja. Saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri sementara kita tunggu semakan ini orang-orang yang masih pegang Kad Peduli Sihat ini yang belum *reject*, maksudnya belum dilawati oleh pihak e-Kasih, perkhidmatan ini masih dibuka kepada mereka ataupun Kerajaan Negeri adakan satu pasukan khas untuk membantu pihak e-Kasih dalam semakan ini. Saya rasa Kerajaan Negeri cukup pegawai dan kakitangan ataupun sukarelawan yang boleh diberi elaun, marilah kita bantu Kerajaan Negeri Selangor supaya orang yang memerlukan bantuan kesihatan asas ini mereka akan dapat daripada Kerajaan Negeri Selangor.

Dalam isu KISS Tuan Speaker, penurunan sebanyak 50% adalah satu jangkauan. Saya difahamkan adalah satu jangkauan kerana ini juga perlu semakan daripada e-Kasih ataupun BSH. Tuan Speaker, saya ada cadangan untuk Kerajaan Negeri supaya sesiapa yang layak daripada mungkin daripada 40,000 yang kita telah memberi bantuan setakat ini, sesiapa yang layak kita meneruskan bantuan KISS kepada mereka dan Kerajaan Negeri mungkin boleh kurangkan sedikit. Sebagai contohnya sekarang kita dapat, mereka dapat RM200.00 sebulan, kurangkan sehingga RM150.00 sebulan supaya sebanyak boleh kita boleh bantu. KISS ataupun Kad Ibu *Smart* Selangor adalah satu skim yang dengan izin, *it is ground breaking*, maksudnya ia nya adalah satu skim perintis di Malaysia. Saya tak tahu negara-negara lain tetapi di Malaysia di Negeri Selangor sahaja kita ada satu skim yang fokusnya adalah untuk membantu keluarga, keluarga miskin, makan. Dia bukan *food stamp*, bukan dapat makanan daripada mungkin saki baki *hypermarket*, dia bukan kita ada kupon dan sebagainya tetapi *more or less* dengan izin, *it is a cash*. Tunai adalah cara bantuan ataupun kebajikan yang paling bagus untuk B40. Dan dengan kad KISS ini keluarga tidak perlu fikir bolehkah mereka beli beras untuk bulan tersebut, bolehkah anak mereka, malam ini boleh makan nasi dan ayam ataupun roti dan air sahaja. Dan saya dalam pengalaman kita semua termasuk pembangkang, kita tahu masih ada banyak keluarga yang sangat miskin di Negeri Selangor dan mereka memerlukan bantuan. Saya syorkan kepada Kerajaan Negeri untuk kekalkan jumlah yang kita ada asalkan mereka layak. Maksudnya jika mereka duduk dalam rumah yang cantik, ada 3 kereta, 2 motor dan 5 kerbau, dalam taman mereka ataupun *garden* mereka dengan izin, maka sudah tentu mereka tidak layak tetapi banyak keluarga. Sebenarnya jumlah yang kita telah tetapkan iaitu 40,000 orang ini tidak cukup, beratus-ratus orang sedang tunggu untuk masuk ke dalam senarai KISS. Jadi Tuan Speaker dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar sila mempertimbangkan cadangan daripada Bukit Lanjan dan saya rasa semua ADUN supaya bilangannya ditetapkan.

Tentang SMUE Warga Emas, bila saya duduk untuk buat *calculation* dengan izin KISS, SPS, SMUE dan sebagainya jumlah yang kononnya dijamin oleh Kerajaan Negeri lebih daripada RM200 juta. Saya guna perkataan "jimat" kerana Bukit Lanjan tidak percaya itu adalah satu penjimatan. RM200 juta ini yang kalau Kerajaan Negeri masih akan membuat penjajaran seterusnya, maksudnya terdapat RM200 juta yang tidak masuk dalam ekonomi kita khasnya dalam ekonomi kecil sebagai contohnya *small businesses* kerana sebagai contohnya KISS, duit itu, kad KISS itu bukan digunakan di *supermarket*, bukan digunakan di Pavillion, bukan digunakan di *Bangsar Shopping Centre* tetapi digunakan di kedai runcit untuk memberi barang-barang keperluan, kedai-kedai kecil dan sebagainya. Jadi nampaknya adalah satu penjimatan RM200 juta tetapi ini sebenarnya memberi sedikit masalah kepada ekonomi Negeri Selangor kerana RM200 juta ini tidak masuk dalam kita panggil *is not put into* dengan izin *into the economy to be used and cycled around*, dengan izin. Jadi saya nampak ini bukan satu penjimatan dan kita harus cari jalan untuk memberi bantuan dan juga kebajikan dari segi tunai yang lebih kepada keluarga yang memerlukan.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Tuan Speaker, untuk air saya difahamkan mulai tahun depan, Kerajaan Negeri Selangor tidak akan menyambung Skim Air Percuma kecuali untuk keluarga B40. Saya juga difahamkan untuk keluarga B40 mereka perlu daftar semula ataupun buat satu pendaftaran baru dengan Air Selangor supaya mereka mendapat bantuan ini. Saya ingin cadangkan Tuan Speaker, perkara ini dilihat semula supaya kita jangan membebankan keluarga B40 dalam isu pendaftaran. Sesiapa yang masuk dalam senarai BSH ataupun eKasih, nama-nama mereka boleh dikeluarkan dengan senang dan mereka boleh diberi air percuma secara langsung.

Kedua Tuan Speaker, saya juga ingin cadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya mulai tahun depan, kita mesti ada satu dasar untuk menggalakkan penjimatan air. Maksud Bukit Lanjan adalah sesiapa ataupun mana-mana pihak di kawasan kediaman ataupun unit-unit kediaman, kalau mereka menggunakan lebih daripada 20m³ ataupun 30m³ meter sebulan, satu kadar yang dengan izin *disincentivizes* maksudnya tidak memberi galakan kepada mereka satu kadar yang lebih tinggi harus ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan juga Air Selangor kepada mereka supaya mereka boleh ada satu macam tabiat untuk mengurangkan penggunaan air di Negeri Selangor. Kita sudah lama tahu fakta ini bahawa pengguna air di Negeri Selangor adalah yang tertinggi di seluruh Malaysia. Dan selain daripada kadar yang lebih tinggi ataupun satu kadar yang lebih tinggi untuk pengguna-pengguna air, saya juga ingin syorkan kepada Kerajaan Negeri untuk melihat cara-cara ataupun teknologi baru menghadkan penggunaan air ketara.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Speaker. Sebenarnya saya terharulah Bukit Lanjan bersungguh-sungguh nak bantu rakyat. Tahniah . Tapi sebenarnya saya lihat apa yang berlaku, segala-gala bantuan manfaat rakyat ini pada awal bukan main banyak dapat. Ramai yang dapat. Ini kerana pilihan raya saja, nak menambat hati pilihan raya. Tapi ... setuju tak?

Y.B. ELIZABETH WONG KEAT PING : Hulu Bernam, orang UMNO pun dapat.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Nanti, saya kata setuju tak kalau saya kata bukan semua orang UMNO dapat, ada tempat saya pergi, tolak begitu saja. Jadi saya nak sebutkan, rakyat dah rasa seronok dah dapat tapi rupanya bila dah sampai setahun baru kelam kabut turunkan nilainya bila kewangan sudah merosot. Jadi mangsanya adalah rakyat. Ini kita kena peduli rakyat, kata peduli rakyat. Jadi akhirnya nak nilai borang lah, penilaian diri lah. Akhirnya inilah yang terjadi. Dah setahun baru tiba nak nilai. Jadi, apakah Bukit Lanjan setuju dengan apa yang saya katakan?

Y.B. ELIZABETH WONG KEAT PING : Hulu Bernam, Skim Air Percuma telah bermula sejak tahun 2008. Jadi sudah lebih dari 10 tahun, saya sokong usaha Kerajaan Negeri untuk menilai semula dan juga melihat semula program air percuma ini. Cuma saya ada beberapa cadangan supaya ia menjadi satu skim yang lebih efektif. *Target group-nya* iaitu keluarga yang miskin ataupun penduduk-penduduk di apartmen kos rendah dan sebagainya boleh mendapat bantuan tersebut dengan serta merta, tak perlu isi borang, tak perlu buat apa-apa pun. Itu adalah cadangan saya untuk Kerajaan Negeri. Dan isu air, sebenarnya perlu ditangani secara menyeluruh. Kita tahu kadar air di Negeri Selangor tidak langsung naik selama 10 tahun. Pertama kerana ada isu mahkamah.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Kedua, memang pada masa ini harga ataupun nilai air terawat di Negeri Selangor adalah antara yang termurah di seluruh negara. Dan saya rasa itu pun adalah satu beban yang sangat besar kerana kalau ia membebankan Kerajaan, maksudnya ia juga membebankan rakyat. Jadi saya sokong semua usaha yang dijalankan setakat ini oleh Kerajaan Negeri untuk melihat semula bukan sahaja penstrukturan semula kerana isu itu telah selesai. Tetapi sekarang kita perlu lihat 10 tahun ke depan, berapa loji air rawatan yang kita perlu, berapa jumlah penduduk yang kita ada, berapa jumlah air yang perlu dihasilkan setiap hari? Ini adalah soalan yang sangat penting dan kalau Kerajaan Negeri tidak cukup peruntukan tidak kira dalam negeri ataupun daripada Persekutuan, maka kita di Negeri Selangor, semua pihak akan ada masalah. Jadi saya, sebelum Hulu Bernam tadi masuk saya ingin cadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk menggunakan teknologi. Sekarang ada pelbagai jenis teknologi yang kita panggil IOT (*Internet of Things*) yang boleh dipasang di setiap meter ataupun rumah dan di sana kita tahu berapa air yang digunakan, berapa jumlah air yang mungkin terlepas, dan sebagainya. Dan ada juga sistem yang boleh hadkan air masuk dalam rumah ataupun perniagaan. Kalau terdapat satu mungkin *accessive* yang penggunaan air yang terlalu *accessive*.

Akhirnya Tuan Speaker, saya ingin tanya kepada Kerajaan Negeri adakah Kerajaan Negeri melihat apa jenis sumbangan yang boleh diberi oleh pihak GLC-GLC dan juga PBT-PBT untuk menyempurnakan lagi dan menambah baik lagi Program IPR. Sebagai contohnya, baru-baru ini pihak Menteri Besar Incorporated (MBI) telah bantu dari segi sumbangan mereka untuk Program Tuisyen Rakyat. Tuisyen rakyat adalah satu program yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor sejak 2009 dan sekarang kita masih dalam proses, saya difahamkan Kerajaan Negeri dalam proses untuk menambah lebih murid-murid ataupun pelajar-pelajar dalam skim tersebut. Jadi itu adalah satu aktiviti CSR yang bagus yang dijalankan oleh GLC. GLC-GLC lain, apakah sumbangan mereka dalam program IPR ini? Jadi saya harap Kerajaan Negeri akan beri penjelasan yang lebih mendalam kepada semua yang hadir dalam dewan yang mulia ini. Dengan itu Tuan Speaker saya mencadang.

Y.B. ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Silakan Yang Berhormat Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, saya juga ingin berdiri untuk menyokong usul ataupun rang undang-undang yang dibentangkan di dewan yang mulia ini. Pertama sekali, saya mengalu-alukan pembentangan perbekalan tambahan ini, dan ini adalah satu kenyataan ataupun pendirian daripada saya sejak dahulu lagi, iaitu perbekalan tambahan rang undang-undang bukannya satu yang buruk dan ia tidak sekalipun mencerminkan kegagalan Kerajaan Negeri menangani kewangan Kerajaan Negeri kerana apabila kerajaan membentangkan suatu perbekalan tambahan ia akan memberi peluang kepada para ADUN untuk membahaskan dan juga membawa isu-isu yang berkaitan dengan prestasi dan juga pentadbiran kerajaan. Jadi bagi saya itu adalah satu perkara yang bagus kerana sepanjang sidang dewan ini kita ada tiga sidang; sidang pada permulaan tahun, pada pertengahan dan juga akhir.

Jadi sekiranya kita dalam persidangan yang di tengah-tengah tahun ini, kita tidak ada perbekalan tambahan maka ramai ADUN hanya dapat membahaskan sekiranya ada rang undang-undang tertentu sahaja. Tapi sekiranya ADUN hantar membahaskan tentang isu-

29 JULAI 2019 (ISNIN)

isu yang berkaitan dengan prestasi kerajaan maka kesempatan itu tidak ada. Lain kalau pula kita ada perbekalan tambahan seperti ini, walaupun kita akan membincangkan hanya 4 program berkaitan kebajikan di bawah jenama IPR yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri iaitu; Program Kasih Ibu Smart Selangor, Skim Peduli Sihat, SMUE dan pemberian Air Percuma 20m³. Walaupun kita hanya akan mengehendkan perbahasan kita terhadap isu-isu ini, tetapi saya rasa keempat-empat isu ini pun sudah cukup untuk kita membawa isu yang berkaitan dengan rakyat.

Jadi untuk itu saya rasa itu adalah satu perkara yang bagus. Dan satu lagi apa yang saya rasa boleh kongsi dengan rakan-rakan Yang Berhormat sekalian ialah, khususnya daripada pembangkang, kita kerajaan sepatutnya membelanjakan sekiranya ada peruntukan ataupun ada penambahan hasil di dalam kumpulan wang yang disatukan, jadi sekiranya kerajaan tidak ada penambahan hasil dan tidak ada kenaikan rizab di dalam akaun wang amanah dan akaun kumpulan wang disatukan, maka perbelanjaan tambahan itu akan disifatkan sebagai satu kepincangan ataupun kegagalan untuk merancang.

Tetapi lain pula untuk yang perhatian Yang Berhormat - Yang Berhormat dari sebelah sana, lain pula senarionya sekiranya wang ada di dalam akaun kerajaan malahan bertambah lagi dan sekiranya ada keperluan kita membekalkan perbelanjaan tambahan untuk membelanjakan wang kerajaan di dalam perkara-perkara tertentu supaya masalah jangka pendek kerajaan itu ataupun masalah jangka pendek rakyat itu, kita boleh mengatasinya. Itu adalah tujuan kita hendak membentangkan perbekalan tambahan. Jadi untuk itu saya rasa apa yang dibentangkan, Tuan Timbalan Speaker oleh Kerajaan pada pagi ini saya rasa adalah sesuatu yang tepat pada waktunya kerana kita perlu memastikan...

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Celahan.

TUAN SPEAKER : Silakan, Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Banting. Saya mengamati ucapan bahas daripada Yang Berhormat Banting. Alhamdulillah, beliau mengekalkan soal kekuatan kewangan Kerajaan Negeri dan ada peruntukan tambahan ataupun dapatan tambahan hasil daripada sumber-sumber yang lain. Saya kira itu antara perkara yang boleh dijadikan asas sepertimana yang disebutkan Banting tadi. Tapi saya nak tanya, adakah Banting tidak melihat bahawa soal pengurusan kita, apabila kita membentangkan bajet daripada segi unjuran kita, itu juga adalah satu faktor yang penting bagaimana kita menyediakan bajet yang akhirnya daripada sudut pengurusan kita dia menepati kehendak apa yang kita rancang ataupun bajet seimbang itu sendiri. Kerana saya melihat bukan hanya sekadar kekuatan kewangan negeri yang kita ada tetapi bagaimana pengurusan kita, unjuran kita, terutamanya faktor-faktor yang melibatkan dengan 4 perkara utama Insentif Peduli Rakyat yang saya kira menjadi masalah utamanya adalah berkaitan dengan sistem *database* kita, eKasih, BSH, adakah Yang Berhormat Banting setuju kalau saya sebutkan bahawa soal pengurusan itu juga satu perkara yang penting?

TUAN SPEAKER : Silakan Yang Berhormat Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima Kasih Sijangkang. Perkara berkenaan unjuran itu sebenarnya saya telah bangkitkan dalam sesi soal jawab tadi dan saya

29 JULAI 2019 (ISNIN)

mempersilakan Yang Berhormat Sijangkang kalau boleh membaca juga, meneliti penemuan dan juga saranan Jawatankuasa PADAT. Untuk isu-isu yang berkaitan dengan program-program spesifik seperti KISS, Peduli Sihat dan sebagainya, sebenarnya Yang Berhormat Sijangkang dulu sebagai sebahagian daripada anggota pentadbiran. Banyak program yang diadakan ini khususnya KISS dan Peduli Sihat dilancarkan oleh kerajaan semasa Yang Berhormat Sijangkang masih lagi menjadi EXCO, jadi saya tak pastilah apa yang saya jawab ini menepati sepatutnya. Sepatutnya saya menjangkakan Yang Berhormat Sijangkang akan mempunyai soalan kepada jawapan yang ditanya. Tapi apa pun sekali saya rasa terdapat perubahan kadangkala dan seperti tema yang saya pernah bawa dalam perbahasan sidang-sidang yang lepas, saya rasa mungkin sidang yang lepas lah.

Saya membawa tema, membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul. Jadi dalam kita membahaskan atau pun apa saja urusan kerajaan ataupun urusan kita sebagai wakil rakyat sekiranya kita nampak ada apa-apa perkara yang kita perlukan selaraskan, saya rasa kita perlu selaraskan. Yang penting sekali, Yang Berhormat AirTawar, saya juga tertarik dengan hujah-hujah daripada Yang Berhormat, saya rasa kita boleh berkongsi dua tiga pepatah melayu yang saya sempat bantangkan di sini iaitu kita kena ukur baju mengikut badan sendiri. Dan kita perlu sediakan payung sebelum hujan. Kita belum lagi dalam keadaan yang cemas tapi Kerajaan secara praktikalnya perlu berhati-hati dalam menangani kewangan kerajaan. Saya setuju juga dengan cadangan daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan dan cadangan-cadangan yang lain yang kita boleh memperbaiki ke semua cadangan yang kita bangkitkan sama ada daripada pembangkang ataupun sama ada PBC ataupun *backbencher* hanya ada satu tujuan sahaja iaitu *soft landing approach* kita itu. Pertama sekali kita perlu cepat, kita perlu *affective* dan *efficient* dan kita perlu memastikan yang menerima bantuan Kerajaan ini merupakan mereka yang betul-betul menerimanya.

Yang Berhormat Speaker, saya bertukar kawasan daripada Kampung Tunku ke Banting dan saya boleh... *i have the benefit of serving the two difference constituency in* Selangor satu kawasan yang super-super maju, cukup maju dengan PBT yang cukup canggih dan satu lagi di kawasan separa bandar, luar bandar di majlis daerah. Dan saya boleh memahami, kadangkala rakyat di luar bandar memang memerlukan sedikit bantuan daripada Kerajaan, memerlukan tumpuan yang lebih daripada Kerajaan untuk menolong mereka menghadapi cabaran meneruskan hidup seharian, *because to them everyday's living a matter of death and survival*. Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, mereka memang memerlukan. Orang ini kita perlu bantu dan saya juga ingin memberitahu Yang Berhormat sekalian, ada juga rakyat di kawasan saya sama ada di Kampung Tunku yang lama ataupun sekarang di Banting, memang tidak layak tetapi mereka berani merajuk di depan saya bahawa mereka layak, dan saya tolak. Kenapa tidak ada slip gaji, tidak ada bukti-bukti untuk membuktikan gaji mereka, pendapatan mereka. Jadi Puan Timbalan Speaker, kita dan juga untuk pengetahuan Yang Berhormat Hulu Bernam, dahulu Kerajaan tidak pegang MOF, tidak pegang Lembaga Hasil Dalam Negeri, kita nak buat Program Kasih Ibu, Smart Selangor, KISS, Skim Peduli Sihat, kita nak tengok pendapatan mereka, kepada siapa kita nak semak? Tidak lain tidak bukan Kementerian Kewangan, Bank Negara, bank-bank dan juga Lembaga Hasil Dalam Negeri. Itu adalah...

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :

Ye, nanti saya mencelah, boleh?

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Belum siap lagi, mohon izin saya lengkapkan penyata ataupun perenggan saya ataupun ayat saya. Itu adalah langkah pertama tetapi langkah pertama itupun kita tidak dapat memulakannya kerana kita tidak mendapat sokongan daripada agensi-agensi Kerajaan Pusat. Bukan itu sahaja Puan Timbalan Speaker, masa kita jadi Kerajaan masa tahun 2008, kita nak tawarkan TAWAS, Tabung Anak Warisan Selangor, nak pergi ke hospital bagi borang kepada ibu-ibu yang baru bersalin di hospital kerajaan, tak ada pintu pun nak letak boring, kena buang. Ye, Yang Berhormat Taman Medan, Yang Berhormat Lembah Jaya, jadi yang tukar kawasan juga (gelak), Yang Berhormat, itu adalah masalah yang kita hadapi. Kita tidak ada kekuatan ataupun akses kepada *database* itu, dan baru tahun lalu kita pegang Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, tadi bila saya *carpark* ada nampak pegawai kerajaan daripada Kerajaan Pusat FELDA, FELCRA, Jabatan Penilaian, semua agensi pusat datang sini, saya tanya Polis, saya tanya Hospital nak tanya soalan tentang sekolah, tentang hospital, tentang polis boleh tak tanya dalam dewan sini. Boleh tanya sebenarnya, kami akan datang, kami akan bekalkan jawapan kepada Yang Amat Berhormat EXCO untuk jawab soalan-soalan ADUN, itu perbezaan Yang Berhormat, jadi saya mohon, saya bagi laluan kepada Hulu Bernam.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Terima kasih Banting. Sebenarnya Banting, jawapan Banting tu sebenarnya ada yang tak tepat. Sebab saya kata cuba bayangkan dulu 40 ribu penerima KISS, turun mendadak 20 ribu, turun mendadak 20 ribu, itu satu tamparan kepada rakyat. 40 ribu kata tiada senarai, kita tak keluar CMOF dan sebagainya. Tapi bagi macam mana tu, nak pilihanraya bagi gula-gula kepada rakyat ke, lepas ni sekarang baru lah kelam kabut nak nilai, itu yang saya kata. Rakyat yang jadi mangsa sekarang dah harap ada RM200.00 sebulan tiba-tiba tak ada, rakyat miskin ni. Dan satu lagi kenyataan Banting tadi yang mengatakan di tempat, saya bukan nak *busybody* tapi di tempat di Banting sendiri, dalam DUN Banting takda, tak boleh nak bagi tak ada slip gaji, kalau kerja kampung mana ada slip, kalau dia kerja kampung ye sudah tentu lah, kebanyakan di luar bandar ni, kerja kampung. Jadi apa kriterianya, semua diambilkira, jadi minta jawab Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih. Dalam era Malaysia Baru ni Puan Timbalan Speaker, ada perkara yang kita boleh setuju dan ada perkara yang kita tidak boleh setuju. Dan seperti apa yang saya katakan tadi, kita betulkan yang biasa dan membiasakan yang betul. Oleh sebab tu, saya ambil maklum sebenarnya Yang Berhormat Hulu Bernam, memang ada penduduk-penduduk di luar bandar, bukan semestinya luar bandar, bandar pun ada. Ada miskin bandar, dia kerja sambilan. Tidak ada slip gaji dan sebagainya. Orang seperti ini seperti yang saya katakan, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Dia kerja pagi sampai tengah malam. Dia tak ada masa untuk uruskan dokumen-dokumen ini. Yang pandai-pandai menguruskan dokumen ini mungkin mereka yang kaya raya. Ada yang memegang jawatan dalam Cawangan, dalam Bahagian nak apa sahaja dokumen ada dibekalkan sahaja. Tak ada masalah. Jadi orang itu dapat. *On paper* dia memang lulus ada *paper qualification* tetapi yang memang *qualified* tapi dia tidak ada *paper*, macam mana jadi itu. Suka soalan saya kepada Kerajaan dan saya sebenarnya agak bangga kerana saya ada satu soalan dalam sesi soal jawab kemudian, mungkin hari yang akan datang tentang Smart IPR, yang kita bangunkan menggabungkan semua pengkalan data yang ada di Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat dan kita boleh membuat

29 JULAI 2019 (ISNIN)

tapisan itu secara *effective* dan *efficient*, saya rasa kita serahkan sesi ini kepada Yang Berhormat EXCO untuk jawab dengan lebih terperinci.

Apa yang saya tahu ialah sistem itu telahpun dibangunkan samada ia akan berfungsi dengan bagus atau tidak, kami tidak tahu dan kami mengharapkan dan berdoa yang terbaik untuk rakyat dan Kerajaan Negeri Selangor. Jadi itu adalah langkah-langkah yang kita ambil jadi Yang Berhormat Hulu Bernam tidak bolehlah mengesyaki keikhlasan Kerajaan Pakatan Harapan Selangor untuk mengeluarkan untuk melancarkan program-program kebajikan untuk menolong rakyat. Kita nak menolong walaupun kita tahu kita tidak ada akses kepada pengkalan data tetapi kita hendak menolong, nak buat macam mana wang ada sebenarnya.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Banting. Minta maaf. Saya bukan mengesyaki yang saya kesal terlalu mendadak turunnya tu lebih 40 ribu dan kebanyakan tu di tempat saya yang susah itu, tak dapat. Jadi kepada 20 ribu. Itu perkara yang memang rakyat rasa tamparannya kepada mereka. Itu yang saya kata, apakah dulu dinilai main bagi je sebab nak pilihanraya. Itu saya kata tu.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tidak, tidak, tidak. Tidak sama sekali Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat memberi perhatian pada jawapan yang dibekalkan sesi soal jawab tadi, kita maklumkan bahawa sekiranya ada mereka yang tercicir, layak tetapi tidak dapat, kita boleh masukkan nama mereka atau membuat rayuan. Saya rasa itu adalah satu *approach* yang bagus. Maksudnya ialah penjajaran semula ini bukannya *one stop* ia bukan sekali gus sahaja ia adalah satu proses berpanjangan. Yang miskin hari ini tak semestinya miskin selama-lamanya. Mungkin kita akan tolong dia menjadi ok, kemudian dia tidak memerlukan bantuan kerajaan maka kita gunakan wang itu untuk membantu orang lain. Itu adalah *approach* yang lebih professional dan baik supaya wang Kerajaan itu tidak dimonopoli oleh golongan yang tertentu. Saya Tahu Yang Berhormat Hulu Bernam ada orang yang suka sangat rakyat-rakyatnya miskin supaya mereka boleh terus menerus bergantung kepada sokongan bantuan daripada Kerajaan.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Salah tu Banting. Sebab tu jangan berniat jahat mengapa kata saya suka rakyat saya miskin. Siapa yang suka.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat, saya kata untuk makluman Yang Berhormat. Memang ada yang orang yang suka buat macam itu, jadi saya sambung kupasan...

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Dengar, yang belakang diam sekejap, saya nak kata yang saya kesal itu tadi kena kepada fakta tu, bukan la maksud jangan bersangka tak baik ye..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ye saya jawab, Yang Berhormat tanya dengan baik saya pun jawab dengan baik, jadi Yang Berhormat saya rasa tidak perlu kita bimbang kita bukannya melihat angka semata-mata sama ada daripada 40 ribu merosot kepada 20 ribu merosot kepada 10 ribu merosot kepada 4 ribu. Ia apa masalahnya. Masalahnya apakah sistem yang kita ada. Kalau sistem yang ada itu membolehkan kita membuat saringan dengan lebih baik, maka saya rasa tidak ada masalah jadi soalnya bukan berkenaan dengan angka-angka sahaja. Angka jatuh daripada 40 ribu jatuh kepada 20 ribu

29 JULAI 2019 (ISNIN)

ialah berkenaan dengan sistem. Sistem yang kita bangunkan itu, saya rasa saya pun nak tegur kepada kerajaan supaya kita percepatkan sikit kerana banyak sangat program-program yang kita akan lancarkan nanti ianya memerlukan satu sistem pemantauan yang berterusan. Saya lihat mungkin ada kesukaran ataupun kekurangan di situ contohnya kita sering kali membangkitkan tentang petugas eKasih di Pejabat Tanah Dan Daerah yang mana kita merasakan mereka tidak akan dapat menampung bebanan tugas yang semakin bertambah dan pastinya akan bertambah selepas ini. Dan itu adalah satu sistem yang kita perlu tengok dengan teliti macam mana kita boleh mengatasinya. Cadangan daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan tadi dengan kegunaan aplikasi ataupun teknologi adalah satu perkara yang bagus. Saya juga dimaklumkan sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat yang lain, Smart IPR itu ia akan melihat menapis sekiranya orang itu tidak ada, saya tak pasti saya ingin bertanya kepada Kerajaan sama ada ini benar, tidak. Kalau seseorang yang miskin tegar itu, dia tidak ada *payment slip*, dia tak ada *bank account*, dia apa pun tak ada, KWSP pun tak ada. Jadi macam mana, jadi saya rasa, saya pernah dengar jawapan daripada Kerajaan, saya hendak dengar sekali lagi apakah kesudahannya, adakah dia gagal atau dia berjaya dan saya berharap kerajaan boleh mengekalkan jawapan ini.

Yang kedua, berkenaan dengan.. Puan Speaker minta saya sikit masa lagi ye untuk beberapa isu yang saya rasa sangat penting, iaitu berkenaan dengan peduli sihat ini. Saya juga ingin kepada Yang Berhormat apa adakah benar bahawa wang yang diperuntukkan Kerajaan sebelum ini ada yang tidak pakai. Maksudnya Kerajaan memperuntukkan sejumlah wang sedemikian. Yang pakainya sedikit sahaja. Jadi kalau itu adalah faktanya maksudnya ialah ada orang yang tidak memerlukannya. ada orang yang menerima menggunakannya tetapi dia sebenarnya tak layak. Itu pun ada. Jadi, Tuan Timbalan Speaker saya rasa yang satu lagi program, kita juga perlu memberi penerangan yang lebih, satu perkara satu *point* yang penting, produktiviti iaitu semua program kerajaan sama ada program pembangunan, Program IPR, Program Kebajikan, Program CSR dan apa saja. Ianya perlu berlandaskan kepada satu matlamat iaitu ianya perlu dilaksanakan dimana ia boleh meningkatkan produktiviti rakyat khususnya rakyat pada peringkat terbawah. Tidak ada gunanya jika kita bayar wang kepada dia tetapi dia gunakan wang itu simpan di dalam bank. Tidak ada guna. Jadi saya menggesa kepada Kerajaan, dari segi dasar ianya perlu berlandaskan kepada produktiviti. Dan saya rasa satu program saya sangat penting, pasti boleh meningkatkan produktiviti rakyat adalah Program Tuisyen Rakyat Selangor.

Yang terhormat sekalian, wang yang kita selaraskan, kemaskini, dijajarkan semula selama ini, wang ini akan digunakan sebagai peruntukan tambahan kepada Program Tuisyen Rakyat. Dahulu Program Tuisyen Rakyat kita tak dapat masuk sekolah betul tak Yang Berhormat. Sekarang Guru-guru Besar, guru-guru mengalu-alukan kehadiran kita. Sekolah-sekolah di kawasan saya, telefon saya setiap hari, bila boleh dapat Modul PTRS kerana mereka hendak mulakan kelas seawal mungkin. Dulu kita buat Program PTRS Yang Berhormat, paling ramai mungkin seratus, dua ratus, tiga ratus, biasa la kan. Jadi kita biasa kan yang betul, betul kan yang biasa Yang Berhormat, itulah semangat Malaysia Baru. (Dewan bertepuk) Ada hujah dari Yang Berhormat saya boleh bersetuju dan Yang Berhormat pun ada sesetengah hujah pun saya setuju, tapi harap-harap lah hujah saya pun boleh setuju. Itulah semangat Malaysia Baru.

Jadi, dulu punya masa, kita tak dapat masuk sekolah, tapi sekarang kita kata Program PTRS, satu DUN berapa sekolah? Empat, lima banyak sekolah. Bilangan pelajar yang

29 JULAI 2019 (ISNIN)

menerima manfaat, kita bukan lagi kata ratusan, kita kata tentang mungkin ribuan, kawasan Pelabuhan Klang, kawasan Pandamaran, ini adalah kawasan yang super-super besar. Sampai sekolah tu dimana pun kita tak tahu.

Jadi Yang Berhormat sekalian, itu adalah apa yang kita lakukan. Kita nak gunakan wang kita itu di tempat yang betul. Memang pada permulaannya ada orang yang *complaint* ada orang yang tak suka tapi saya rasa apabila program-program dimulakan secepat mungkin, contohnya Skim Mesra Usia Emas, kita bagi *voucher* itu, saya bercadang sangat supaya kerajaan memulakan secepat mungkin. Dan satu lagi cadangan saya ialah bagi mereka yang meninggal dunia pada tahun ini selepas *cut off date* itu mereka pastinya tidak akan mendapat wang khairat kematian RM2,500.00 itu. Dan waris mereka pun mungkin tidak sempat pun tidak akan diberi *voucher* RM1,500.00. *These group of people* pada firasat saya, amaun dia bukannya besar sangat, agak kecil kalau dibandingkan dengan 'poo' yang kita ada itu. Kita perlu memberi sedikit bantuan kepada golongan ini. Yang meninggal dunia selepas *cut off* ataupun mereka tidak sempat hendak daftar kerana mereka pastinya tidak akan mendapat RM2,500.00 itu dan kemudiannya *voucher, shopping voucher* RM100.00 itu pun mereka tidak layak kerana pemohon sudah mati, dah meninggal dunia. Jadi, apa kita hendak buat dengan mereka? Sama ada kita hendak bagi *voucher* kepada mereka ataupun kita memberi sedikit wang suguhati ataupun wang khairat kematian mungkin bukan dalam amaun RM2,500.00 dalam amaun RM1,000.00 ataupun macam mana? Terpulang kepada Kerajaan Negeri. Point saya ialah kita jangan lupakan mereka dan kita perlu menolong mereka dan saya rasa berdasarkan kepada kekuatan kewangan yang ada pada kita, kerajaan mungkin boleh membantu mereka. Jadi, itu adalah sedikit sebanyak hujah daripada Banting dan saya berdiri di sini memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB : Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Banting. Seterusnya Hulu Kelang. Silakan Hulu Kelang.

Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Timbalan Speaker. Saya bercakap dalam keadaan duduk. Terima kasih rakan-rakan sekalian. Saya ingin mengambil bahagian dalam menyokong usul ini dengan beberapa cadangan dan beberapa teguran. Pertama, isu yang di hadapan kita ini adalah isu yang berkaitan dengan belanjawan. Belanjawan ini adalah satu rang undang-undang, merupakan undang-undang apabila telah diluluskan dia merupakan satu perkara yang terpenting dalam mana-mana kerajaan. Lagi kuat lagi kerajaan itu makin kuat lagi sukarnya dia meluluskan satu belanjawan. Saya belajar daripada Y.B. Teng. Dia mengatakan dulu kalau di Amerika '*budget is that*' sebelum sampai pada Presiden. OK, jadi kita berdepan dengan satu keadaan yang saya agak tidak begitu selesa apabila kita bercakap tentang belanjawan tambahan, perbekalan tambahan yang kadarnya sekitar 4% berbanding daripada apa yang telah kita luluskan pada peringkat awal tahun lepas iaitu akan memakan masa dua hari, setengah hari atau satu hari untuk kita bahaskan. Rakyat hendak satu bajet yang bagus. Dia kata bajet itu surplus ke, lebihan ke, atau pun bajet itu merupakan... sembang dia tidak faham kebanyakannya. Yang faham, faham. Yang tidak faham, tidak faham. Tapi apa yang rakyat hendak adalah apabila dia membayar cukai dia dapat rasakan, dapat lihat kesan pembayaran cukainya kepada khidmat yang diberikan kepada rakyat oleh kerajaan. Kalau Tuan-Tuan kita pergi ke Australia contohnya, satu negara yang penduduknya gembira, *index of happiness* yang

29 JULAI 2019 (ISNIN)

tinggi, New Zealand sekali pun, mereka akan rasakan bahawa mereka bayar cukai tinggi, tiada masalah. Di New Zealand pada suatu ketika cukai GSTnya bernilai hampir 16% dan rakyat tidak ada masalah kerana dia melihat cukai itu di *translate* kepada khidmat. Perkhidmatan itu membawa kebaikan dan dia puas hati. Kalau OKU tidak ada kecil hati. OKU macam saya ini tidak kecil hati sebab kalau jalan, jalan rata. Rem ada. *Sloop* cukup, tidak curam sangat. Tidak ada benda yang mengganggu kemudahan *parking* dan sebagainya. *This is how* kerajaan memberi prihatin kepada seorang orang OKU. Kalau OKU pun terasa dibela, dijaga, dibelai, dihargai apatah lagi orang lain. Itu perasaan mereka.

Jadi, itu saya hendak nyatakan bahawa saya rasa agak dukacita kerana bajet yang akan kita bincangkannya hanya melibatkan 4% daripada penambahan. Tidak besar mana RM123 juta yang kesemuanya akan kita limpahkan kepada satu program. Program itu namanya IPR yang dulunya kita namakan MES (Merakyatkan Ekonomi Selangor). Yang falsafah di sebaliknya cukup *noble*, dengan izin. Hasil negeri untuk rakyat. Hasil negeri untuk rakyat ini *is the most participative*, dengan izin *concept of governance* yang mana saya melihat pada masa itu betapa rancaknya kakitangan awam, D.O.-D.O., YDP, kakitangan kerajaan bekerja bersama dengan kerajaan dengan Menteri Besar, dengan EXCO untuk menghasilkan agar kerja mereka kalau betul dibiasakan, kalau biasa dibetulkan. Kerja mereka dilakukan dalam konteks yang cukup bagus, cukup jujur dan ikhlas kerana mereka merasakan hasil buah baik niat mereka. Mereka buat baik, orang buat baik. Orang memudahkan cara kutip cukai, orang bayar cukai dengan baik. Saya melihat motivasi yang sangat tinggi pada masa itu dan saya cukup gembira melihat bahawa ini rupanya yang difirmankan oleh Allah S.W.T. dengan izin (bacaan potongan ayat Al-Quran) – “*Sekiranya kamu bersyukur akan Aku tambahkan tetapi kalau kamu ingkar ingatlah azabKu sangat pedih*” . Saya rasa gembira kerana saya merasakan konsep itu hanya berlaku dalam konteks individu. Apabila individu memberi kebaikan, memberi sumbangan Allah akan tambah. Tapi rupanya sebuah kerajaan pun, kalau dia baik, dia adil, dia saksama, dia memberi kebaikan kepada rakyat, rakyat akan dapat. *I was very motivated* pada masa itu dan kita konsep *baldatun taiyibatun robbun ghafur* konsep syariah, konsep berbagai-bagai *fastibul khairat* untuk kita mendekatkan keberkatan pada usia kita. Jadi, ini kita hendak hidupkan. Saya rasa mencurahkan semua pada konsep ini adalah suatu yang baik kerana kita membawa konsep hasil negeri untuk rakyat. Kemudian kita tambah dengan IPR (Inisiatif Peduli Rakyat). *We are the most peduliness...* yang paling pedulilah. Yang paling peduli. *Superlative* dalam negara kita ini tentang rakyat. Kita tahu air, dia nak air kita bagi air dan siapa yang bagi hadiah air pada siapa-siapa tidak akan rugi. Tidak akan rugi orang bagi hadiah air dan pernah saya dengar satu, seorang Tokoh Maal Hijrah mengatakan satu-satunya negara di dunia yang mana untuk membolehkan rakyat sembahyang, ambil wuduk dan mandi jenazah pun dibayar, percuma, dibayar air percuma.

Jadi, kita melihat motivasi itu *was* meluas tetapi kita kena tengok satu persatu adakah kita *learn* daripada benda yang telah kita lalui yang lepas. Contohnya pada zaman keghairahan kita bercakap tentang memulihkan mengembalikan hasil rakyat, hasil negeri kepada rakyat kita bercakap tentang pasir. Entah macam mana pasir ini jadi hebat. Ramai di kalangan ADUN-ADUN Selangor jadi penceramah luar, ke luar Selangor. Pergi Perak, pergi Kelantan, pergi Kedah, pergi Terengganu bagi ceramah. Kita hasil ini kita tidak ada minyak tapi kita ada pasir. Dengan tidak ada minyak kita bagi pasir pun rakyat sudah senang. Kita, saya dengar antaranya mungkin rakan saya dulu, tidak ada pada hari ini tapi dia mengatakan hasil kita sampai ke RM90 juta setahun. RM100 juta pun boleh dapat, RM120

29 JULAI 2019 (ISNIN)

juta pun boleh dapat. Habis tidak ada. Penutupnya kita ditipu oleh seorang konsultan yang kata pakar pasir lah apa semua. Benda tidak ada sangat dan ada pun yang terbaik kita dapat RM10 juta sumbangan daripada kutipan korekan pasir dan kita *transfer into ticket, into coupon* kita belanja 10,000 rakyat warga emas *shopping*. Itu keadaan kita. Dan kita tidak pernah *rectify*, kita tidak pernah hendak kata kita buat *mistake* ini begini, begini, kita tidak pernah *review just...* kita juga ada satu teguran daripada audit awal keluar dalam Laporan Ketua Audit Negara iaitu tentang SMUE yang tidak menepati janji. Dia mengukur kerana ukuran yang dibuat oleh Jabatan Audit Negara adalah *population of Selangor*. Kita menyelesaikan sekian, sekian peratus daripada seluruh anak yang baru lahir, yang skim yang anak lahir TAWAS bukan warga emas, TAWAS. Jadi, dia kata tidak... program ini tidak memaparkan janji memberikan keadilan kepada rakyat Selangor kerana tidak menepati peratus yang sepatutnya lahir di Selangor. Dan benda itu kita... saya pun sebagai Jawatankuasa ABBAS, saya membuat semakan, saya panggil syarikat itu, badan agensi yang mengendalikannya lepas itu dia bagi jawapan-jawapan yang semuanya saya rasakan tidak memuaskan dan apabila laporan dan penyata dibuat dibentangkan ke Dewan pada masa itu tidak ada lagi peruntukan untuk dijawab oleh EXCO maka tidak terjawab.

Jadi, kita *fail* untuk *arrest* dengan izin, masalah tersebut. Pasal itu aje. Dan satu lagi masalah yang timbul ialah tentang pembayaran SMUE. Kita janji kita boleh bayar TAWAS dan SMUE itu kerana ada kutipan pasir. Kita memfalsafahkan dengan baik kutipan pasir ini adalah *sharing between government* dengan rakyat. Kita hendak anak-anak yang lahir di Selangor dapat TAWAS dicarum RM100.00 itu daripada pasir. Kita dapat hasil pasir kita carum dalam TAWAS, dalam pelaburan pasir kita dapat. Rupanya tidak berlaku. Selepas setahun dua tahun kita dapati *there is no investment* daripada apa-apa untuk TAWAS. So, kita tidak ada *exit way*. Kita tiada jalan keluar untuk bagaimana untuk membayar. Lagipun anak-anak TAWAS ini bila berumur 18 tahun dia akan dapat lagi Skim RM1,000.00 masuk universiti. Jadi, kita tidak tahu bebanan kita macam mana tapi saya ingat saya juga adalah Pengerusi Jawatankuasa yang menilai perkara tersebut. Saya buat cadangan kertas kerja penyata tapi tidak kesampaian ke mana-mana. Jadi, kita dapati bahawa *the ability to promote* hebat tapi *the ability to learn... unlearn* dengan izin, tidak begitu baik. Jadi, saya ingin menjelaskan di sini bahawa saya menyokong tapi kita juga kita kena realistik dari segi bila ada orang kata kita politik, kita main politik. Kalau betul kita tidak jujur kita akui. Kita mesti jujur kerana kejujuran itulah merupakan kekuatan kita. *The truth will set you free*, dengan izin. Jadi, saya ingin menjelaskan di sini bahawa saya menyokong dan saya berharap tidak diulang memohon tambahan bajet yang orang kata "Alah takkan Menteri Besar tak nampak benda ni? Takkan Menteri Besar tak nampak benda ni? Dulu dia kata ooo nama dia cakap". Jadi, kita tidak mahu pentadbiran kita ini berjalan dengan tidak kemas, tidak baik di atas benda-benda remeh ini. *You want to be professional you want to be the best* dan saya mencadangkan bahawa *do for the best*, lepas ini kita jangan ulang balik. Jangan duk fikir orang tidak sedar tetapi saya ingat satu benda yang saya terasa terkilan, tak terkilanlah. Tarik baliklah... terkilan tarik balik. Jangan masuk hansard. Saya rasa tidak berapa senang apabila kami ini ADUN, ADUN ini *more or less* dengan izin, *legislative*. Bidang kita adalah bidang undang-undang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Hulu Kelang, boleh....

Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB : Habis di sini? Kalau tidak habis esok sahaja saya sambung.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Pendekkan.

Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB : Saya tidak berhasrat untuk sambung jadi saya berharap bahawa *consult us*. Kami juga adalah sebahagian daripada pelaksana. Terima kasih bajet yang diberikan kepada kami. Kami adalah sebahagian daripada *lawyer executive* dan *we work... we like to help* dan inilah tahun di mananya saya ada Menteri Besar yang belum sempat saya dipanggil untuk memberi pandangan dalam isu-isu yang berkaitan dengan perjalanan diri. *Wabillahi taufik walhidayah, Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh*.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, jam telah menunjukkan pukul 1.00 tengah hari. Maka Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang. Dengan itu, Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang)

(DEWAN DISAMBUNG SEMULA)

(TUAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)

TUAN SPEAKER : Dewan bersambung semula. Saya jemput Yang Berhormat Hulu Kelang sekiranya ada untuk, dah habis tadi atau nak sambung? Dah habis dah? Saya beri sedikit masa, kecederaan tambahan untuk Yang Berhormat Hulu Kelang. Silakan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker. Sikit ya. Sebagai penutup kepada ucapan saya tadi, saya telah ucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah prihatin membawa isu ini dan saya anggap bahawa isu ini terlalu kecil untuk dibawa di sini memandangkan agenda kita besar, agenda IPR ialah agenda yang bertujuan asalnya hasil negeri untuk rakyat. Kejayaan itu telah terbukti bahawa dengan pengurusan yang cemerlang, telus, tanpa rasuah, tanpa ketirisan dan kebocoran, banyak yang telah kita belanjakan dan banyak yang telah dimanfaatkan kepada rakyat. Dan saya ingin membawa satu konsep agar perkara-perkara ini dapat kita fahamkan dengan baik bahawa konsep hasil negeri untuk rakyat ialah konsep perkongsian, di mana Kerajaan yang diamanahkan untuk memerintah Selangor dalam pilihan raya telah membuat terbaik untuk mewujudkan perkongsian, membangunkan negeri Selangor ini dengan rakyat bersama dengan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, peringkat daerah, peringkat PBT, peringkat agensi, peringkat Perbadanan, GLC dan sebagainya untuk bekerjasama memberi yang terbaik untuk rakyat. Itulah yang telah memberi satu letakan yang baik, rakyat merasakan

29 JULAI 2019 (ISNIN)

itu satu yang baik. Jadi perkongsian itu hendaklah difahamkan dalam konsep, kalau ada hasil, kita kongsi sama-sama, kalau kurang hasil kita tanggung sama-sama. Jadi maknanya kita beruntung kerana dalam proses tersebut kita telah mendapat *reserve* yang bertambah dari setahun ke setahun, jadi kita boleh memberi tapi kalau kita wujudkan perkongsian yang betul yang lebih sehati, konsep ini adalah, perkongsian itu berkadar dengan keupayaan negeri. Kadang-kadang *priority* kita lain, kita perlu memberikan pendekatan yang berbeza dari satu masa ke semasa. Tidak semestinya kita memberikan satu mentaliti kebajikan, mentaliti subsidi di kalangan rakyat kita. Dia berhak terima, dia berhak terima, tak terima .. marah. Borang diisi, ditolak .. marah. Tidak mahu ini, kita tidak mahu mentaliti kebajikan, *welfare mentality* di kalangan rakyat kita, tapi kita mahu rakyat merasakan bahawa dia ada hak kerana dia ada bahagian dalam membangunkan negeri Selangor. Jadi, saya harap, inilah konsep yang dapat kita bangunkan, teruskan perkhidmatan kita yang cemerlang di Selangor dan teruskan khidmat kita untuk rakyat, sekian, saya sokong Usul ini.

TUAN SPEAKER : Baik Yang Berhormat Hulu Kelang, saya silakan Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih kepada Tuan Speaker. Saya akan *straight to the point*, tak banyak bahasa berbunga-bunga. Saya berdiri, menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, yang menambahkan jumlah RM123,000,000.00 untuk Program Inisiatif Peduli Sihat, *sorry*, Peduli Rakyat. Pertama sekali, saya menyokong Yang Berhormat Bukit Lanjan yang menyarankan kepada Kerajaan Negeri untuk Program Kasih Ibu Smart Selangor di mana lebih ramai daripada mereka yang layak menerima manfaat daripada Kerajaan Negeri, iaitu kita menurunkan, sekarang semua penerima KISS ini ialah RM200.00, kita kurangkan kepada RM150.00 sebulan. Dengan pengurangan ini, kita akan dapat pertambahan bilangan penerima. Saya sudah buat kiraan yang ringkas, saya dapati, kalau setiap penerima kad KISS ini dikurangkan daripada RM200.00 ke RM150.00 maka kita akan tambah lagi 6,700 orang penerima. Daripada sekarang ini, kita tadi Yang Berhormat Hulu Bernam, Yang Berhormat Banting kata, kita ... daripada 40,000 penerima, kita dah kurangkan sampai ke 20,000, sangat mendadak. Kalau, dengan pengurangan bayaran kepada mereka daripada RM200.00 ke RM150.00, memang kita akan menambah lagi bilangan penerima. Ini ialah satu cadangan daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan yang patut diteliti oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Yang kedua, selepas mengemaskinikan Program KISS dan Program Peduli Sihat, kita mengamalkan sistem kuota. Dulu tak pernah ada. Dulu pendapatan isi rumah, kurang daripada RM3,000.00, kita bagi. Yang mohon itu, sampai kita kata dah tarikh tutup ataupun dah, kita dah melebihi daripada jumlah peruntukan kita, kita berhentikan mereka yang mohon lewat. Sekarang ini, kita mengikut kuota. Kuota itu, dibahagikan kepada pengundi kawasan. Kalau pengundi dia ramai, dia dapat kuota besar. Kalau pengundi macam DUN KKB dan yang lain, saya rasa ada tiga belas (13) DUN di mana pengundinya kurang daripada 30,000. Kita dapat jumlah yang kecil. Tapi ketiga belas - tiga belas DUN itu kawasan luar bandar. Luar bandar ini memang, penduduknya memang lebih miskin lah kalau berbanding di bandar. Saya tak nafikan, di bandar pun ada orang miskin tetapi di luar bandar, jumlahnya lebih besar dan mereka tidak dapat, mereka akan marah.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Mohon mencelah, Kuala Kubu Baharu.

TUAN SPEAKER : Silakan, Dusun Tua.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Saya setuju dengan pandangan Kuala Kubu Baharu berkenaan dengan kuota yang diberikan itu. Dan saya juga ingin bertanya Kuala Kubu Baharu, adakah Kuala Kubu Baharu setuju sekiranya kuota yang akan diberikan ini sepatutnya bukan sekadar melihat jumlah pengundi bagi sesuatu kawasan, tetapi harus mengambil kira peratusan orang-orang susah, terpulung bagaimana kriterianya, peratusan orang-orang susah di kawasan tersebut dan kemudian kuota itu dibahagikan mengikut peratusan bilangan mereka yang memerlukan itu dan bukan sekadar bergantung pada jumlah pengundi. Terima kasih.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Ok, saya setuju. Saya harap Kerajaan Negeri juga boleh mengambil berat tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dusun Tua. Ya, tiga belas (13) kawasan DUN yang pengundinya di bawah 30,000 telah dihadkan penerima KISS dan penerima Peduli Sihat dan ini menjadi satu isu yang besar di luar bandar. Mereka kata, dulu kita boleh menikmati hasil Kerajaan Negeri. Yang kita selalu cakap dengan rakyat, hasil Kerajaan Negeri dipulangkan kepada rakyat, kita orang politik tak dapat apa-apa. Tak dapat, tak masuk poket langsung. Semua kita pulangkan kepada rakyat. Sekarang mereka rasa kita menipu mereka. Jadi, saya rasa kita kena ada cara untuk menangani tanggapan yang sebegitu dan juga kita boleh memberi kelonggaran kepada DUN-DUN di luar bandar. Ini adalah mereka yang memerlukan bantuan daripada Kerajaan Negeri. Kalau bukan melalui KISS, bukan melalui Kad Peduli Sihat, mungkin Kerajaan Negeri boleh menyarankan satu cara untuk membantu ke tiga belas (13) DUN di mana pengundinya di bawah 30,000 dan di luar bandar, ataupun semua DUN di bawah luar bandar iaitu di bawah Majlis Daerah lah, kerana di Selangor kita ada dua belas (12) Majlis Daerah, ada dua belas (12) PBT (Pihak Berkuasa Tempatan), empat (4) daripadanya ialah Majlis Daerah yang lain, Majlis Perbandaran ataupun Majlis Bandar raya. Jadi, daripada empat (4) Majlis Daerah itu, DUN-DUN di bawah Majlis Daerah itu, kita boleh lah memberi bantuan yang lain, yang supaya semua orang miskin merasai, dapat menikmati hasil Kerajaan Negeri.

Seterusnya, berkenaan dengan Skim Mesra Usia Emas. Ini memang satu skim yang lama diwujudkan. Saya rasa adalah skim yang pertama, Kerajaan Selangor selepas Barisan Nasional. Ertinya, kita memerintah pada tahun 2008, ini adalah skim yang pertama diwujudkan, Skim Mesra Usia Emas ini. Dan sekarang ini, memang ada satu saranan yang baru, iaitu, kita tidak memberi wang Khairat Kematian. Kita tukar kepada mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan OKU mendapat RM100.00 setiap tahun. Ini, cara pun baik bukan kata tak baik. Tapi kepada mereka yang sudah berumur 70 tahun, sudah berdaftar 10 tahun, mereka dah tunggu-tunggu, adalah, anak dia ada lah duit untuk pengebumian mereka kerana RM2,500.00 memang cukup untuk perkara-perkara yang dilakukan oleh waris dia terhadap dia, sekiranya dia meninggal dunia, mereka akan kecewa juga dan kecewa itu macam mana kita nak menangani terutamanya di kawasan luar bandar lagi. Kalau bandar, mungkin mereka tidak memerlukan, saya pun tahu banyak Dato'-Dato' itu meninggal dunia pun tak ambil pun duit Kerajaan, mereka tidak akan mohon SMUE, mereka tidak akan daftar SMUE, tapi kepada mereka yang sudah daftar, umur dah 70 tahun, 75 tahun, 80 tahun, dia kata kalau bagi RM100.00, hanya berapa tahun lagi? Umur dia tak

29 JULAI 2019 (ISNIN)

panjang macam ada orang politik, dia kata. Jadi dia, macam mana kita nak menangani? Saya ada cadangkan kepada Kerajaan Negeri, kita boleh wujudkan satu tabung Khairat Kematian di mana mereka yang miskin dan meninggal dunia, dan telah berdaftar di Skim Mesra Usia Emas, kita bagi lah wang Khairat Kematian kepada mereka juga. Ini adalah kelonggaran yang kita patut bagi kepada mereka ataupun kita tak perlu lah bagi sampai RM250.00, eh RM2,500.00, kita boleh bagi RM1,000.00. Ini, sekurang-kurangnya adalah satu tabung untuk membantu mereka yang miskin dan menghadapi masalah kewangan untuk menguruskan perkara-perkara pengebumian.

Yang terakhir sekali, berkenaan dengan air percuma. Saya menyambut baik Kerajaan Negeri menghentikan air percuma kepada semua rakyat. Hanya memberi bantuan kepada mereka, yang isi rumah mereka kurang daripada RM4,000.00. Kerana orang kaya itu, kolam renang di rumah dia melebihi lah RM11.40 setiap bulan untuk air itu. Mereka tak memerlukan air percuma itu, mereka memerlukan air sepanjang masa. Ini adalah keadaan yang di mana kita hadapi sekarang. Saya harap pengurangan air percuma itu kepada golongan yang miskin dan kita ada penjimatan. Kita dulu belanjakan RM200,000,000.00 untuk air percuma, sekarang dengan pengurangan itu kepada isi rumah hanya pendapatan mereka kurang daripada RM4,000.00. Wang itu digunakan untuk penyelenggaraan loji rawatan air kerana kita nak sentiasa ada air di rumah. Bukan kerana kerosakan loji tak ada air ataupun paip pecah. Kita harap membaiki paip-paip pecah, bolehlah wang yang dijimatkan itu boleh digunakan untuk semua kemudahan dan memberi manfaat kepada rakyat. Itu sahaja, saya menyokong Usul Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Terima kasih KKB, Kuala Kubu Baharu. Saya persilakan Yang Berhormat Sijangkang.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker di atas memberikan ruangan kepada saya untuk terus berbahas Usul Anggaran Perbelanjaan Bekalan Tambahan Pertama 2009. Pertamanya, saya nak memulakan dengan ucapan terima kasih, tahniah kepada Kerajaan Negeri yang mana saya kira perbelanjaan seimbang yang telah dicadangkan dalam Perbelanjaan Bajet yang lepas telah diluluskan dalam Dewan ini dan *Alhamdulillah* yang kedua saya nak menyebutkan tahniah juga kepada Kerajaan Negeri yang memperlihatkan pendapatan hasil Kerajaan Negeri nampak mula dipertingkatkan dan cadangan ataupun unjuran sumber pendapatan baru daripada dividen GLC dan Perbadanan, 30% untuk disumbangkan kepada Kerajaan Negeri untuk program-program Inisiatif Peduli Rakyat yang lepas. Cuma, mungkin saya tidak akan mengambil masa yang panjang, cuma saya melihat, kita pernah mempunyai sebuah Kerajaan yang mengadakan bajet-bajet tambahan sebelum ini. Kita ada Kerajaan yang tidak memerlukan bajet tambahan dan saya kira, saya melihat sama ada perbelanjaan itu *surplus*, ataupun bajet, perbelanjaan defisit pada akhirnya, dia tidak menjadi suatu perkara yang macam seolah-olah besar kepada rakyat dan ini terpulang kepada keikhlasan oleh Kerajaan Negeri itu sendiri, kalau *surplus* janganlah terlalu besar. Kalau .. kalau .. *Sorry*, kalau defisit pun tidaklah terlalu besar. Saya difahamkan tahun lepas kita ada defisit lebih kurang dalam RM800,000,000.00 begitu.

Jadi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan Speaker, saya melihat apabila diadakan bajet cadangan untuk, Usul untuk Bajet Tambahan Perbekalan ini satu perkara yang saya melihat pada pandangan saya, ada satu bentuk kelemahan kepada Kerajaan Negeri dalam menyediakan bajet unjuran-unjuran yang kita unjurkan pada tahun 2019 ini. Kerana apa

29 JULAI 2019 (ISNIN)

saya katakan begitu, kalau dulu mungkin agak sukar apabila kita Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri tidak mempunyai Kerajaan Pusat yang berlainan daripada sudut kuasa pentadbirannya yang dahulunya Barisan Nasional di peringkat Kerajaan Negeri. Pakatan Rakyat, kemudian Pakatan Harapan pada hari ini, mempunyai kerajaan di peringkat negeri dan juga di peringkat pusat. Dan saya merasakan kalau dulu semasa saya berada di pihak Kerajaan Negeri kita melihat kesukaran kita untuk membangunkan satu *data base* yang lengkap, yang ampuh di peringkat negeri kerana sumber kita mungkin daripada data-data maklumat-maklumat di peringkat daerah, di peringkat khidmat masyarakat yang kita cuba cari daripada masyarakat atau pun rakyat di Negeri Selangor. Atau pun mungkin daripada maklumat-maklumat Lembaga Zakat Selangor yang ada data-datanya tetapi pada hari ini, kita ada maklumat daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat.

Kita ada BHS yang saya kira memudahkan lagi, e-Kasih yang saya kira memudahkan lagi untuk kita bina satu *data base* yang lengkap. Dan soalnya juga *data base* kita ini, datang daripada pelbagai bentuk mungkin sistem aplikasi yang kita ada. Saya melihat sudah tentu tiba masanya pada Kerajaan Negeri membuat satu aplikasi yang menyeluruh untuk membangunkan *data base* kita. Dan saya kira sudah setahun lebih Kerajaan Pakatan Harapan terutamanya di Negeri Selangor, sudah tentu sepatutnya kita telah selesai membangunkan satu *data base*. Pun begitu tadi disebutkan oleh Yang Berhormat Seri Serdang, kita masih lagi mengemaskinikan mungkin kalau ada yang masih tertinggal di luar sana, tidak masuk dalam *data base* e-Kasih ataupun BHS boleh melakukan itu. Cuma saya melihat sebahagian besar daripada rakyat terutamanya di kawasan kampung yang masih lagi literasi IT pada hari ini. Yang mungkin juga mereka ini juga datangnya daripada golongan yang susah. Yang tidak mampu untuk *surf* Internet, yang tidak mampu untuk datang ke pejabat-pejabat, pusat-pusat yang boleh mendaftarkan mereka. Saya kira sebahagiannya masih ada lagi, sebahagian datanya di sana. Pun begitu saya merasakan bahawa Kerajaan Negeri telah selesai urusan ini kerana kalau saya hendak sebutkan antara petikan ucapan daripada Dato' Menteri Besar sendiri yang saya masih ingat, isu berkaitan dengan pemberian Air Percuma kepada B40, *inshaAllah* akan dimulakan seawal Mac pada tahun ini. Tetapi saya kira sehingga pada hari ini pun, masih belum lagi mungkin kita memohon bajet sehingga hujung tahun ini. Bermakna masih tidak lagi selesai *data base* yang kita ada.

Jadi saya melihat bahawa ini adalah sesuatu perkara yang penting yang saya lihat mungkin daripada sudut kegagalan pengurusan selain daripada Yang Berhormat Banting sebutkan kita mempunyai sudut kewangan. Jadi sudah tentu tidak menjadi masalah untuk kita wujudkan bajet tetapi kita kena lihat daripada sudut pengurusan kita. Adakah pengurusan kita, adakah unjuran-unjuran yang kita lakukan melalui data-data yang kita rasakan kita boleh selesaikan. Tetapi kita tidak dapat melakukan soal pengurusan ini. Jadi, saya merujuk kepada beberapa perkara yang dicadangkan dalam usul ini untuk ditambahkan bajet tambahan. Yang saya kira kalau kita melihat, saya masih lagi memegang saranan dalam ucapan titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, apa juga dasar Kerajaan Negeri yang dibuat mestilah merujuk kepada maqasid syariah. Dan maqasid syariah itu ada perkara-perkara yang mempunyai keutamaan yang tinggi. Ada perkara-perkara yang hanya sekadar keutamaan, ada perkara-perkara yang tidak ada keutamaan tetapi kita berikan kepada rakyat. Jadi dalam beberapa perkara-perkara cadangan usul untuk bajet tambahan ini, saya melihat ada perkara-perkara yang sifatnya begitu. Betul program Kasih Ibu Smart Selangor atau pun KISS yang kadang-kadang memang ada keperluan kepada rakyat untuk berbelanja keperluan harian, makan dan minum sudah menjadi keutamaan dalam

29 JULAI 2019 (ISNIN)

kehidupan itu. Begitu juga dalam peduli sihat, soal kesihatan yang ada keperluan untuk mereka juga sihat, tetapi saya melihat daripada satu sudut seperti Program Kasih Ibu Smart Selangor sepatutnya saya katakan tadi, data basenya dah selesai. Dan saya melihat bahawa program-program ini tidak seharusnya ada kuota-kuota di peringkat kawasan DUN-DUN. Kerana siapa pun mereka sekiranya tidak layak di satu DUN seperti mana yang disebutkan oleh Kuala Kubu Baharu tadi, tidak harus mereka ini tertinggal daripada mendapat bantuan atau pun sumbangan daripada Kerajaan Negeri terutamanya melibatkan kos sara hidup oleh mereka. Saya merasakan kalau jangkakan dulu 40 ribu turunkan kepada 20 ribu penerima, satu benda yang bukan terlalu besar saya kira bentuk kewangannya. Hari ini kita sebutkan sasaran unjuran Kerajaan Negeri untuk dapatkan sumbangan dividen 30% daripada keuntungan syarikat-syarikat selepas cukai RM50 juta, Kerajaan Negeri boleh mengutip RM58 juta pada hari ini. Kalau ini diberikan untuk tujuan program ini, saya ingat dia sudah mencukupi untuk keperluan rakyat yang benar-benar memerlukan keperluan ini.

Begitulah juga dengan Skim Peduli Sihat itu saya merasakan seperti mana yang saya sebutkan dalam soalan mulut lisan pada pagi tadi. Saya merasakan Peduli Sihat ini juga haruslah diselesaikan dengan kadar yang segera. Pemberian maklumat-maklumat kepada mereka-mereka yang status terkini ini, betul mereka boleh datang ke Pusat Khidmat Masyarakat tetapi sebahagian besar daripada mereka dah susah untuk mencari Pusat Khidmat Masyarakat. Ini yang saya kira kita terpaksa akui. Saya juga melihat dalam program Skim Mesra Usia Emas, dulu kita belanjakan dengan jumlah yang agak besar, RM2,500.00 setiap apabila berlaku kematian. Hari ini kita berikan dalam bentuk Jom Shopping RM100.00 setiap tahun dan jumlahnya saya kira tidaklah begitu besar dan ini memang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Tetapi sekurang-kurangnya apabila berlaku kematian begitu juga yang disebutkan oleh Kuala Kubu Baharu tadi, kita ada sumbangan kepada mereka. Mereka yang melahirkan generasi untuk berkhidmat kepada Kerajaan Negeri secara langsung atau pun tidak secara langsung. Ada *portion* kepada dia kalau berlaku kematian kepada mereka, ada *portion* untuk bantu walaupun tidak 100%, RM500.00 contoh sekurang-kurangnya ada. Saya melihat bagaimana kita mewujudkan Skim Mesra Usia Emas, kita merujuk kepada sistem kifayah yang berlaku di Negeri Kelantan. Apa mesej yang dibawa oleh Negeri Kelantan kepada maqasid syariah, walaupun Negeri Kelantan hampir peratusan yang tinggi adalah beragama Islam, Dato' Menteri Besar pada ketika itu menyebutkan bahawa kita perlu bantu kepada rakyat Negeri Kelantan bukan hanya semasa kehidupan tetapi apabila ada kematian. Sumbangan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri akan menjadikannya akan diberikan sebagai satu bentuk sedekah oleh si mati ini, ada yang ganjarannya di akhirat nanti. Sebut itu dalam Islam ada sebutkan ada manusia yang akan menyesal untuk hidup balik di muka bumi hanya sekadar hendak memberikan sedekah. Satu pemikiran yang begitu besar oleh Dato' Menteri Besar terutamanya kepada masyarakat yang beragama Islam. Sebab itu saya sarankan kita bukan hanya memberikan sumbangan RM100.00 untuk Jom Shopping keperluan mereka, mungkin ada yang rasa tak perlu pun RM100.00 ini dan berupaya dah tetapi saya ingat prinsip itu harus juga kita jadikan terutamanya yang mungkin spesifik kepada masyarakat Islam supaya sebahagian daripada peruntukkan yang Kerajaan Negeri kepada mereka dalam bentuk ini akan disedekahkan tak kira di mana pun. Tetapi adakah ganjaran untuk mereka di akhirat kelak.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga ingin menyentuh soal Pemberian Program Air Percuma ini dan saya mengharapkan seperti

29 JULAI 2019 (ISNIN)

mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tempoh hari Pemberian Air Percuma khususnya kepada golongan B40 ini dapat diselesaikan selewat-lewatnya pada Mac itu boleh berlaku. Sehingga pada hari ini pun masih belum lagi berlaku, saya tahu kalau dihentikan rakyat akan berbunyi kerana sebelum ini mendapat air percuma sebegitu. Tetapi saya kira, perlu ada penerangan kepada masyarakat luar sana supaya akhirnya program ini dia mendapat kejayaan. Jadi saya mengharapkan sebab itu saya katakan bahawa Bajet Tambahan ini dan perkara-perkara yang berkaitan dengan usul penambah baik bajet ini adalah sebagai salah satu daripada kelemahan pengurusan unjuran Kerajaan Negeri untuk menetapkan bajet keperluan yang diperlukan dalam program IPR ini. Jadi saya kira itu beberapa hujah saya dalam usul Anggaran Perbekalan Tambahan tahun 2019 ini, sekian terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Saya persilakan Balakong.

Y.B. PUAN WONG SIEW KI : Terima kasih kepada Tuan Speaker. Berdasarkan tentang program IPR itu kad KISS lebih memberi tumpuan kepada ibu-ibu berpendapatan rendah. Saya dimaklumkan bahawa Negeri Selangor adalah satu-satu negeri yang mendaftarkan ibu-ibu tunggal dalam negeri untuk menjadikan satu simpanan data. Dan rujukan kepada apa-apa jua polisi kebajikan yang akan dirancang selepas ini. Saya difahamkan juga walaupun Kerajaan Persekutuan juga tiada data berkenaan ibu tunggal, jadi saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri Selangor dan semoga kita sentiasa prihatin kepada isu ibu tunggal yang berlaku di Negeri Selangor dan seterusnya dijadikan satu sebagai sumber inspirasi dan ilham buat negeri-negeri lain.

Walau bagaimanapun, definisi ibu tunggal dalam Negeri Selangor sekarang hanya terhad kepada mereka yang bercerai atau pun kehilangan suami. Ibu tunggal yang tidak berkahwin tidak diiktiraf sebagai ibu tunggal disebabkan kegagalan mengemukakan sijil perceraian atau pun sijil kematian suami. Dengan ini saya amat berharap supaya Kerajaan Negeri dapat meluaskan lagi definisi ibu tunggal dalam negeri dan seterusnya berusaha untuk mengumpul data ibu tunggal supaya dapat merujuk kepada data sebenarnya. Untuk Negeri Selangor, supaya kita lebih senang untuk membuat polisi-polisi kebajikan yang menyalurkan bantuan kepada rakyat Negeri Selangor. Itulah masalah semasa kita hendak adakan satu perancangan seperti kad KISS tetapi kita tidak dapat data yang sebenarnya. Sebenarnya berapa ibu-ibu tunggal dalam Selangor dan rasa saya yang ini sangat pentinglah. Justeru itu saya juga berharap dan menggalakkan agar isu ini diteliti oleh pihak Kerajaan Negeri, jadi setakat ini sahaja perbahasan saya pada hari ini dan sekian, terima kasih dan saya menyokong sepenuhnya pembentangan isu oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya yang lain. Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Terima kasih Tuan Speaker kerana membenarkan Subang Jaya membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan pada hari ini. Kebanyakan *point* telah dibangkitkan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya Cuma akan fokus kepada satu isu sahaja. Isu yang Subang Jaya ingin membawakan adalah spesifik iaitu berkenaan Program KISS. Untuk menyemak kelayakan seorang ibu untuk program KISS salah satu cara adalah dengan semak sama ada beliau wujud dalam sistem BHS atau pun e-Kasih. Sistem semakan ini adalah bagus, supaya kita boleh memastikan bahawa mereka yang benar-benar layak menjadi penerima program

29 JULAI 2019 (ISNIN)

tersebut. Berkenaan BHS terdapat 3 kategori penerima. Yang pertama pendapatan isi rumah kurang daripada RM2,000.00. Kedua pendapatan seisi rumah antara RM2,000.00 bukan, RM2,001.00 hingga RM3,000.00. Ketiga pendapatan seisi rumah antara RM3,001 hingga RM4,000.00. Dalam sebuah keluarga pemohon yang biasanya memohon BHS adalah suami. Dalam proses permohonan suami tersebut perlu membekalkan maklumat keluarganya termasuk maklumat isteri dan anak-anak. Subang Jaya sedang menghadapi satu senario di mana keluarga tersebut telah disahkan oleh LHDN sebagai sebuah keluarga yang mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM2,000.00. Dan oleh itu memenuhi syarat program KISS. Walau bagaimanapun, wanita dalam keluarga tersebut telah ditapis keluar daripada sistem KISS. Masalahnya adalah pemohon yang muncul dalam sistem BHS adalah suami dan bukan isteri. Oleh itu, Subang Jaya berharap dengan penghalusan belanjawan sistem *administrative* semakan ini juga dapat diperhalusi. Untuk merangkumi isteri-isteri pemohon BHS yang mana telah disahkan oleh LHDN sebagai keluarga dengan pendapatan isi rumah kurang daripada RM2,000.00. Dengan itu, Subang Jaya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya Ahli-ahli yang lain yang hendak berbahas, kalau tidak. Saya silakan Jeram.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menambah sedikit apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu dan juga Yang Berhormat Sungai Pelek. Berkenaan dengan tambahan yang perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk ADUN-ADUN di luar bandar. Ini kerana sebab peruntukan diberikan berdasarkan jumlah pengundi. Secara peribadi saya tidak menyokong sama sekali kerana 13 ADUN yang menerima peruntukan kurang daripada ADUN-ADUN lain ialah ADUN-ADUN yang di luar bandar yang mana taraf kemiskinannya lebih rendah berbanding dengan ADUN yang menerima jumlah peruntukan yang tinggi. Ini adalah kerana nanti Sungai Panjang akan jadikan isu ini mengatakan orang-orang Melayu di luar bandar tidak dapat sumbangan dan sebagainya sebab kita sedia maklum di luar bandar ialah taraf kemiskinannya tinggi dan juga penduduknya ialah di kalangan orang Melayu yang begitu ramai. Jadi, janganlah dijadikan satu ukuran dari segi jumlah pengundinya. Ini adalah kerana di Selangor pada sebelum ini sumbangan untuk sekolah tidak diberikan kerana Kerajaan Barisan Nasional daripada Pusat telah memberikan arahan di sekolah-sekolah di seluruh Selangor jangan meminta apa-apa daripada Kerajaan Negeri. Baguslah. Tetapi sekarang Kerajaan Negeri boleh tengok jumlah sekolah paling banyak di negeri-negeri ialah di Negeri Selangor.

Jadi, sekolah begitu banyak dan program-program di sekolah juga begitu banyak, semuanya datang meminta dengan ADUN-ADUN di Selangor. Tetapi saya tak hairan kalau di bandar, kerana mereka peruntutannya lebih, di luar bandar ini 13 ADUN ini peruntutannya telah dikurangkan. Jadi bagaimana ADUN-ADUN yang di luar bandar ini yang telah dikurangkan peruntutannya untuk memberi alasan. Alasan apa yang nak diberi, takkan kita nak kata Kerajaan tidak ada duit. Itu satu benda yang tidak patut. Kerajaan ada duit tetapi pengagihannya telah diberikan kepada ADUN-ADUN yang mempunyai jumlah pengundi 50 ribu ke atas telah ditambah pula peruntutannya. Maknanya saya tidak boleh memberi alasan ADUN tidak ada duit, Kerajaan tidak ada duit. Jadi minta tolong sangat-sangat kepada Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan semula pada tahun hadapan di mana jangan kurangkan, kalau tambah tidak apa. Jangan dikurangkan.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Tadi Ketua Pembangkang mengatakan Kerajaan Negeri Selangor tidak prihatin dari segi bajet dan sebagainya. Saya nak bagi tahu kepada pembangkang, semasa pentadbiran Dato' Seri Najib, di antara pertama kali dan juga setiap tahun, bajetnya di *review*. Bajetnya pula telah dikurangkan dari tahun ke tahun berbanding dengan kita. Kita memandangkan dari segi kecekapan ada penambahan keuntungan dan juga tambahan hasil cukai kita telah memberikan penambahan 123 juta berbanding dengan Kerajaan yang sebelum ini, bukan di Selangor tetapi di Federal, setiap kali *review* bajet, setiap tahun *review* bajet, kurangkan bajet yang telah *di announced*. Jadi sepatutnya malu lah, janganlah ditegur Kerajaan Selangor ini. Ini untuk makluman kepada ADUN-ADUN Pembangkang. Jadi saya rasa ini satu permintaan daripada Jeram untuk mempertimbangkan soal peruntukan kepada DUN, jangan dikurangkan. Jadi, selain daripada itu saya menyokong penuh usul yang dibawa oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Baik saya jemput Yang Berhormat Kuang

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Terima kasih, Tuan Speaker. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan, tahniah kerana telah membawa satu usul untuk penambahan perbelanjaan perbekalan pada tahun ini. Yang pertama lah pada tahun ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Sungai Air Tawar kerana pembangkang nampaknya begitu bersama-sama dengan kita untuk dan amat prihatin terhadap keperluan rakyat sejak kebelakangan ini. Dan saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih juga kepada semua anggota pembangkang yang lain, yang begitu yang bersama dengan kita dengan perdebatan usul pada petang ini. Pertama sekali saya ingin menyentuh berkenaan dengan anggaran yang ingin kita luluskan pada petang ini, iaitu berjumlah 123 juta ringgit dan saya percaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat telah meneliti dengan begitu baik kerana kita lihat bahawa peruntukan ini perlu kita luluskan kerana terdapat beberapa kekurangan di dalam pembiayaan kita terhadap Institusi Peduli Rakyat yang telah kita perkenalkan dahulu. Apa pun di dalam, ingin menyentuh juga berkenaan dengan IPR ataupun yang bersabit dengan KISS ini ataupun Kad Kasih Ibu Smart Selangor yang berjumlah RM200.00. Kita maklum bahawa ia telah *review* itu bermakna kad ini sudah tidak boleh digunakan sehingga satu *review* atau satu keputusan dapat kita buat. Dan ia telah menimbulkan sedikit kemarahan kepada rakyat kerana dalam tempoh *review* yang agak panjang ini mereka-mereka yang memerlukan perbelanjaan ini tidak dapat menggunakan kad tersebut untuk keperluan mereka. Jadi sedikit sebanyak kita di Pusat-pusat Khidmat ini menerima aduan yang begitu serius dan ada kalanya kita terpaksa mengeluarkan peruntukan kita untuk membantu mereka-mereka yang sedang di dalam kesempatan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah perkara yang sangat kita alu-alukan supaya KISS ini, atau perbelanjaan ini diluluskan demi untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat pada keseluruhannya. Dan kita lihat juga bahawa keperluan rakyat begitu mendadak sekarang ini, kalau dulu mereka dapat menggunakan kad tersebut untuk kesinambungan hidup tetapi pada dua tiga bulan yang lepas ini, sudah tidak dapat lagi mereka gunakan. Jadi itulah antara perkara-perkara yang keperluan kita di dalam dewan ini untuk memastikan kesejahteraan rakyat itu dapat kita laksanakan.

Yang Kedua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kad Peduli Sihat. Kad Peduli Sihat ini juga yang kita maklum bahawa di kawasan-kawasan ADUN, kawasan-kawasan Dewan Negeri, diberikan kuota dan kuota-kuota ini juga ada yang agak nama-nama yang mereka

29 JULAI 2019 (ISNIN)

dulu ada tetapi sekarang tidak ada. Tetapi apabila kita melihat kepada keadaan mereka yang datang sendiri ke Pusat-pusat Khidmat ini, kita lihat keperluan mereka itu, keperluan kad ini sangat diperlukan. Kerana ada *repeated* ke klinik untuk mendapatkan rawatan dan sebagainya, dan kad ini sudah tidak dapat digunakan lagi. Dan inilah di antara punca kita di Pusat-pusat Khidmat Masyarakat ini terpaksa memberi ataupun menyumbang penambahan kos ataupun terpaksa kita menyumbanglah kepada mereka-mereka yang datang sendiri ke Pusat-pusat Khidmat dan akhirnya sumbangan ini terpaksa kita salurkan demi memastikan bahawa rakyat kita mendapat pembelaan yang secukupnya. Jadi, itulah yang saya ingin sebut iaitu keperluan untuk kita sekali lagi saya berharap supaya ada dua tiga ataupun 10 peratus lagi kuota yang telah diberi ini ditambah lagi 10 peratus. Kalau dulu di DUN Kuang ini, kita memperoleh 700 kuota untuk Kad Peduli Sihat dan juga untuk KISS ini, saya berharap supaya 10 peratus lagi ditambah kepada semua ADUN-ADUN yang mendapat minima kuota. Tujuan kita adalah untuk memberi jika ada *walk-in* ataupun yang saya maksudkan jika ada dulu dia memperoleh kad ini tetapi sekarang sudah tidak boleh digunakan maka mungkin daripada 10 peratus kuota lebih kuota ataupun 10 peratus yang diberikan kepada ADUN ini dapat kita gunakan untuk memberikan kepada mereka-mereka yang memerlukan. Dan itulah saya berharap supaya perkara ini dapat dipertimbangkan oleh Ahli Yang Berhormat, EXCO untuk kita gunakan kuota 10 peratus itu melalui *jurisdiction* ataupun melalui autoriti yang diberikan kepada ADUN-ADUN di seluruh Selangor. Saya rasa itu sahaja yang saya ingin bahaskan pada petang ini dan saya mohon menyokong usul tambahan peruntukan tambahan bagi tahun 2019. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Silakan Hulu Bernam

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Barulah rasa dapat manja ye. Terima kasih Tuan Speaker, bergurau ye. Apa pun bagi seorang ADUN adalah keprihatinan terhadap rakyat. Niat kita sebagai ADUN. Bagi saya sebagai wakil rakyat saya melihat perkara, perkara ini begitu menyedihkan. Kita lihat, bila berlaku pengurangan jumlah penerima KISS ini saya cakap sekali lagi, tidak cukup sebenarnya dengan apa yang ada itu, maka mereka sepatutnya dikekalkan walau tidak banyak pun tidaklah sampai mendadak turun sehingga kepada RM65,000.00 daripada RM392,000.00. Ini jumlah terlalu besar. Silalah beri perhatian wahai Kerajaan Negeri. Memang terutama di luar bandar punya lah ramai rakyat yang miskin tambahan pula harga barang yang tidak terkawal sekarang, dengan SST ni. Nelayannya dan Felda di kawasan saya, pendapatan RM600.00 ada RM700.00 ada RM800.00 ada, cukup menurun bila harga kelapa sawit turun. Cukup menyedihkan, jadi perkara-perkara seperti ini terutama bantuan KISS ini, saya cadang dikekalkan dengan keadaan lebih bukan setakat itu, begitu juga dengan Skim Peduli Sihat supaya rakyat merasa tidak rasa tertipu. Kalau dulu kata “dulu nak mengundi, bagi kami”, ini cakap orang yang di bawah kita patut dengar, jangan lah nak melenting macam kita politik. Tidak saya tidak bermain politik tapi ini kebenaran, “oh dulu nak mengundi dapat sokongan, bagi kami semua” sekarang tarik balik semula, bagaimana penilaian kita. Bagaimana kita nak *review* ataupun menilai semula mereka ini. Bagaimana jumlah pengundi dikatakan jumlah pengundi dikira kuota macam mana itu terpulang kepada EXCO lah nak membuat keputusan, tetapi biarlah rakyat tidak rasa seperti yang saya sebutkan tadi. Ini antaranya, begitu juga dengan program khairat kematian yang telah dimulakan oleh zaman Barisan Nasional lagi diteruskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan selepas itu. Ini kebenaran tidak boleh dinafikan, tetapi selepas itu-tup-tup ini sekarang sudah tidak ada. Cuba bayangkan kalau ibu tunggal yang kehilangan suami, bagaimana dia hendak menyara kehidupan anak-anak yang ada sementara mendapat bantuan daripada mana-mana. Ini tidak boleh orang

29 JULAI 2019 (ISNIN)

kata dipandang mudah oleh Kerajaan Negeri. Saya harapkan banyak lagi lah tentang Skim Mesra Usia Warga Emas ini dan sebagainya, pun perlu dilihat juga. Mereka kadang kala anak-anak tidak peduli, mereka berdua mengharapkan contoh bantuan ini. Kita Wakil Rakyat, Kita Kerajaan yang orang kata cukup *reserved*, cukup kewangan dan semuanya berilah bantuan sepenuh-penuhnya kepada rakyat yang memerlukan di bawah sana. Inilah harapan saya, Tuan Speaker, saya pun tidak ingin mengulas lebih panjang, apa pun terima kasih banyak-banyak kerana memberi ruang kepada saya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kenapa pendek sahaja, bagi peluang lebih. Nanti mengeluh Tuan Speaker tidak bagi.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tuan Speaker, sebab petang ni saya sejuk sikit, saya jawab dengan baik lah. Pagi tadi, kita gamat sikit. Sebab kita *cool* saya bagi gamat sikit. Baru ada umph. Terima kasih Tuan Speaker.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Saya nak mencelah sikit pun tidak bagi, cepat-cepat dia duduk.

TUAN SPEAKER : Baik Yang Berhormat Ulu Bernam, kalau panas baru boleh panjang sikit ye, baik. Saya silakan Yang Berhormat Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih, kepada Tuan Speaker. Berkaitan dengan usul yang dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor sebentar tadi, saya menyokong usul yang dibentangkan cuma sedikit pemerhatian dan juga pembaikan yang perlu kita fikirkan bersama-sama untuk dilaksanakan berkaitan dengan penerimaan Kad KISS khususnya yang ramai yang mengadu kad mereka ini tidak aktif dan juga peringkat kami ADUN-ADUN banyak yang tidak dapat maklumat yang jelas tentang perubahan-perubahan yang berlaku, tahu-tahu benda itu jadi begitu sahaja, yang menyebabkan pihak pejabat PKM pegawai-pegawai kami sendiri sukar untuk memberi penjelasan kepada rakyat tentang perubahan dan penambahbaikan yang sedang berlaku. Cuma sedikit penambahan yang mungkin boleh kita fikirkan bersama-sama tentang kelayakan yang boleh kita fikirkan bersama, mungkin pada ketika ini kita melihat tentang garis gaji dan sebagainya. Tetapi kalau kita lihat gaji ini satu *indicator* yang boleh kita lihat tapi kita kena melihat realiti kehidupan orang itu sendiri, individu atau keluarga itu sendiri. Mungkin ada orang gaji RM10,000.00 tapi sebenarnya dia layak terima bantuan. Ada orang gaji RM2,000.00 tapi kena bayar zakat. Kadang-kadang boleh berlaku begitu. Contohnya kalau orang gaji RM10,000.00 ada 4 bini. Empat-empat bini pula sakit buah pinggang. Ini contoh. Seorang isteri kena tanggung kos perubatan RM2,500.00 sebulan jadi empat orang RM10,000.00. Jadi dia kategori miskin. Ada orang gaji RM2,000.00 dia boleh kena bayar zakat pula sebab apa RM2,000.00 tu cukup syarat untuk keluar zakat. Duit dia tak usik pun. Contohnya begitulah. Jadi kita kena lihat realiti keadaan sebenar orang yang kita nak bagi bantuan itu sendiri. Jika kita lihat perkara ini perlu dilibatkan ADUN-ADUN untuk menilai sebab ada ADUN lebih dapat melihat apa yang berlaku di bawah tentang realiti, tentang kehidupan rakyat mereka di tempat mereka. Dan juga sebenarnya RM123 juta yang dipohon oleh Kerajaan Negeri ini bagi saya sebenarnya sedikit walaupun pihak pembangkang ada yang kata tak sepatutnya dan sebagainya. Sebenarnya patut ditambahkan lagi supaya penerima bantuan sebelum ini kita boleh kekalkan.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Saya ambil pendekatan bagaimana pentadbiran yang pernah diuruskan oleh Nabi Yusuf a.s. sebagai renungan selama 7 tahun waktu ketika susah kerajaan susah pada ketika itulah dia mengeluarkan segala simpanan-simpanan kerajaan untuk membantu mereka yang memerlukan. Waktu kaya dia banyakkkan simpanan dan sebagainya. Ini contoh yang boleh kita ambil bagaimana kita nak membantu rakyat yang susah. Jadi realitinya pada ketika ini memang rakyat tengah susah. Bukan kita kurangkan penerima tapi sepatutnya dengan kekayaan hasil daripada Kerajaan Negeri yang ada pada hari ini, inilah yang kita gunakan ruang dan kewangan yang ada untuk benar-benar kita membantu golongan yang benar-benar memerlukan. Dan kita perlu perkasakan lagi perkara ini. Kalau kita lihat perkara yang berlaku apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri sejak Pakatan Rakyat dulu mengambil alih pada tahun 2008 dan kalau kita lihat apa yang disebutkan oleh pembangkang tadi mereka tanpa mereka sedar mereka sendiri mempersetujui bahawa apa yang dibuat oleh Kerajaan Pakatan Rakyat sebelum ini dan Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini adalah perkara yang baik. Cuma apabila sedikit pengurangan itu berlaku atas sebab tekanan ekonomi yang berlaku bukan sahaja dalam negara kita tetapi seluruh dunia. Tapi Alhamdulillah sehingga ke hari ini kita dapat melihat Kerajaan Negeri Selangor masih berjaya mengekalkan kebajikan kepada rakyat. Cuma kita nak faham pihak pembangkang kena faham situasi itu sendiri. Dan kita bukanlah kerajaan langit, kerajaan tuhan yang sentiasa boleh menjamin kebaikan. Jadi kita perlu ada perubahan penambahbaikan dan sebagainya untuk memastikan kebajikan dan juga rakyat yang patut kita utamakan dan kita bela.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI : Saya nak sentuh berkaitan dengan ayat awal daripada Meru tadi tapi dia dah pergi jauh. Cuma saya nak sedikit penjelasan daripada Meru. Pagi tadi kita dengar daripada EXCO ada menyebutkan isu berkaitan dengan status pemegang-pemegang kad Peduli Sihat. Status ini boleh di *update* atau boleh dapat maklumat di Pusat Khidmat Masyarakat dan Meru ada menyebutkan kesukaran untuk memberikan status pemegang-pemegang kad Peduli Sihat itu. Sebenarnya apa statusnya sekarang ini?. Sama ada di Pusat Khidmat Masyarakat kerajaan pun tidak ada maklumat atau pun macam mana. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOHKTAR : Terima kasih. Nak menambah apa yang ditanyakan tentang status itu setakat ini kalau kita lihat untuk makluman Yang Berhormat sekalian bahawa status yang disampaikan terlampau umum. Jadi kita tidak maklumat secara *detail* apa yang berlaku dan sebagainya. Yang itu perlu penambahbaikan dan kalau kita lihat hari ini bagaimana bila melibatkan e-Kasih untuk pendaftaran KISS dan sebagainya ini kita lihat pengesahan sebagai isi rumah miskin B40 oleh e-Kasih itu sendiri lambat. Yang menyebabkan pihak kita sendiri lambat untuk bertindak dan juga menyebabkan kita sendiri lambat untuk menyampaikan maklumat kepada ADUN-ADUN. Itu saya nampak antara puncanya.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI : Bermakna Meru bersetuju bahawa di peringkat Pusat Khidmat Masyarakat kerajaan juga tidak ada untuk pengesahan status pemegang-pemegang kad ini sendiri.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOHKTAR : Saya tak setuju sebab sistem itu kita boleh semak *online*. Kita boleh semak. Tapi bila ada perubahan masa ketika berlaku *upgrade* itu yang sistem *hold* sekejap. Masa *upgrade* sistem ditutup dulu. Jadi dalam keadaan tempoh itu menyebabkan dalam sebulan dua kita tidak dapat maklumat itu

29 JULAI 2019 (ISNIN)

yang menyebabkan dalam masa yang sama pejabat kita diserang oleh rakyat untuk bertanyakan status. Untuk bertanyakan tentang perkembangan apatah lagi apabila mereka menggunakan kad KISS dan sebagainya dia tengok kad dia tak aktif dan kita tak boleh beri jawapan. Dalam keadaan kita sendiri tak dapat maklumat yang jelas tentang perkembangan ataupun status yang berlaku.

TUAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya mencelah. Saya tak menyentuh bab lain. Saya sentuh bab serang ini. Tak wajar seorang ADUN menyebut rakyat menyerang. Kita ni siapa. Kitalah sebenarnya yang menghulurkan tangan pada rakyat tempat mereka mengadu. Itu yang saya tak setuju. Minta tarik balik perkataan serang.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOHKTAR : Tak apalah saya tarik balik perkataan serang. Itu ayat teknikal saja. Kepada ibunda saya minta maaf. Kita tak ada masalah pindah Pakatan Harapan tak ada masalah membetulkan keadaan bila dah silap. Saya tarik balik perkataan menyerang tadi. Suka juga saya menjelaskan di sini bahawa apa yang dibangkitkan tadi oleh Sijangking tadi berkaitan tidak dapat maklumat itu tidak benar. Maklumat ada tapi kita perlukan maklumat yang lebih jelas supaya lebih mudah untuk kita bertindak kepada rakyat. Memberi servis kepada rakyat. Itu sahaja.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI : Sebab saya ingat soalan saya cukup jelas. Saya tanya status untuk pemegang kad Peduli Sihat. Itu sahaja. Maknanya tidak ada maklumat untuk pemegang kad Peduli Sihat masa ini.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOHKTAR : Maklumat ada. Saya dah sebutkan tadi sebab dalam sistem itu waktu ketika sistem di *upgrade* waktu ketika itu kita tak dapat buat semakan.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI : Kita dapat tahu status pemegang kad atau pun tidak pada hari ini melalui Pusat Khidmat Masyarakat.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOHKTAR : Buat masa ini boleh membuat semakan. Saya bangkitkan tadi suatu ketika masalah yang timbul itu bukan waktu ketika sekarang. Dan kita pun dalam keadaan sekarang ini kita berbahas untuk menambah baik sistem dan juga memberi teguran kepada kerajaan mana yang perlu kita menambah baik. Bukan isu kata sistem itu gagal dan sebagainya. Kita tidak kata sistem itu gagal ataupun sistem itu tidak gagal memberi maklumat pada kita. Cuma saya tegur di sini untuk menambah baik dan untuk memastikan pihak ADUN-ADUN dapat maklumat yang lebih jelas supaya kita lebih senang untuk memberikan penerangan kepada rakyat dan juga pegawai PKM sendiri lebih berinformasi untuk menyampaikan perkembangan terkini apa yang telah dibuat oleh pihak kerajaan. Penambahbaikan yang dibuat oleh pihak kerajaan itu sendiri. Itu saja dari saya dan saya menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

TUAN SPEAKER : Sila Kota Damansara.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Terima kasih Tuan Speaker kerana beri keizinan untuk saya terlibat dalam perbahasan pada petang ini. Bagi DUN Kota Damansara

29 JULAI 2019 (ISNIN)

kita ada menerima berbagai-bagai aduan antaranya yang sering kita dengar ialah apabila peserta KISS contohnya dia datang ke Speedmart dia tak dapat gunakan kad tersebut. Dan juga baru-baru ini untuk makluman Yang Berhormat juga ada satu keluarga India datang ke pejabat tunjuk resit kematian yang mana beliau telah membelanjakan hampir RM3,000.00 yang dijangkakan Program Skim Mesra Usia Emas dia akan dapat dari duit tersebut. Tapi tak ada. Jadi itu satu bebanan pada keluarga tersebut dan kita di Pusat Khidmat pun berdepan dengan masalah begini. Saya ingin sebut sedikit berkenaan dengan *share prosperity* iaitu perkongsian bersama. Saya rasa *share prosperity* bukan saja di peringkat kerajaan *share prosperity* juga atau perkongsian kemakmuran hendaklah juga dikongsi bersama di peringkat rakyat dan kita tahu contohnya selama ini KISS diberi peruntukan sebanyak RM200.00 sebulan. Jadi kita dapati bahawa apabila penurunan mendadak daripada 40,000 kepada 20,000 itu adalah satu kejutan yang amatlah kepada rakyat. Jadi mungkin saya mencadangkan kalaulah RM200.00 itu agak beban kepada kerajaan, mungkin atas konsep *share prosperity* tadi perkongsian kemakmuran bersama maknanya kerajaan kita ada masalah kewangan, begitu juga dengan rakyat. Dan mereka ini yang mula-mula telah menerima kad KISS ini kalau kita berhentikan terus, mungkin mereka ini akan menerima beban dan memang beban pun sebenarnya. Jadi saya mencadangkan supaya *share prosperity* itu kalau dulu dia dapat RM200.00 mungkin dikurangkan kepada RM150.00 atau RM100.00 tapi yang pentingnya ialah mereka pun menanggung beban yang bersama. Maknanya tak ada satu pun yang ditinggalkan daripada dulu dapat sekarang dah tak dapat.

Jadi saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan Negeri melihat semula daripada kita kurangkan terus 20,000 kita melihat tak kisahlah berapa amaun dia mungkin RM200.00 mungkin RM150.00 atau pun mungkin RM100.00 tapi kalau kita berhentikan terus itu satu perkara yang agak memang beban kepada mereka yang telah pun dapat perkara tersebut. Bak kata orang berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Yakni kerajaan pun atas dasar yang sama begitu juga rakyat. Kalau dulu dia kata saya dapat RM200.00 sekarang dah dikurangkan kepada RM100.00 dia pun faham. Saya pun nak berkongsi dengan rakyat yang sama-sama susah. Jadi saya mencadangkan supaya nilai tersebut dapat dikurangkan supaya lebih ramai ataupun yang dulu dapat pun dapat juga tapi dalam kadar yang rendah. Mungkin kita merasakan bahawa kelulusan dulu tidak telus atau tidak ada kejujuran sebab kita kadang-kadang berdepan dengan masyarakat yang kurang jujur. Jadi kadang-kadang mereka yang tidak ada slip gaji dia kata saya dapat RM2,000.00, saya dapat RM150.00, jadi kita atas budi bicara mungkin kita kata ok saja dan lulus. Tapi saya mencadangkan juga mungkin kita kena bagi satu metodologi atau satu cara yang boleh kita menilai masyarakat ini yang kurang jujur ataupun tidak jujur. Saya mencadangkan mungkin daripada kita pihak DUN hanya buat pengesahan mungkin kita buat surat sumpah mengatakan status tadi dia punya gaji RM1,000.00 supaya pengakuan tersebut adalah lebih legal daripada kita buat begitu sahaja. Begitu juga dengan Skim Peduli Sihat. Saya pun kaitkan juga dengan perkara yang sama tadi kerana turun

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Silakan Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Pertanyaan kepada Kota Damansara. Bukankah pernah salah satu cara yang paling berkesan untuk kita menjalankan tugas-tugas pengesahan ini adalah melalui lawatan ke rumah. Dan memang kalau kita nampak lawatan

29 JULAI 2019 (ISNIN)

ke rumah memang ada kekangan di situ kerana kalau kita nak buat lawatan ke rumah dari satu rumah untuk ratusan pemohon ia akan mengambil masa dan tenaga yang cukup. Jadi saya ingin bertanya adakah itu cara yang paling baik.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Saya bersetuju sebab kekangan daripada kakitangan tersebut kita pengesahan ini satu ujian yang sangat besar bagi Pusat Khidmat kerana ramai yang datang berdepan dengan kita kata dia susah. Jadi saya tak nak *question about this* rakyat kita sepatutnya melayan dengan baik tapi oleh sebab kita telah berdepan dengan peserta ini jadi prosesnya sekarang saya cadangkan supaya kita teruskan bila masa berjalan sedikit demi sedikit kita buat kepastian yang betul supaya mereka ini disahkan betul-betul susah baru dapat. Saya rasa mesej itu kita boleh sampaikan kepada rakyat memang Kerajaan Negeri ingin membantu, *the concept is very simple* dengan izin *we want to help the real genuine* orang yang betul-betul susah. Itu mesti mesej itu sampai dan mereka pun rakyat saya rasa kalau kita sudah buat perkara ini mereka pun akan jujur berdepan dengan kita orang yang betul – betul susah sahaja. Jadi saya mencadangkan perkara tadi kita melihat semula supaya pengurangan yang mendadak itu dapat dikurangkan. Jadi sekian sahaja dengan ini saya menyokong usul tambahan pembekalan pada tahun ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ye Yang Berhormat yang lain. Sungai Panjang dipersilakan.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : *Bismillahhirahmannirrahim.* Terima kasih Yang Berhormat kepada Tuan Speaker memberikan ruang kepada Sungai Panjang untuk berbahas tentang anggaran perbelanjaan pembekalan tambahan pertama bagi tahun 2019. Yang pertamanya, saya bersependapat dengan Yang Berhormat Sungai Air Tawar walau apa pun yang dirancang ataupun telah pun dibentangkan dalam bajet bekalan tambahan ini. Kerajaan tidak dapat menafikan dan lari bahawa pada pembentangan bajet yang lepas Kerajaan gagal sebenarnya merancang secara yang terperinci terutamanya penjajaran dan juga pemberian program-program IPR ini menyebabkan Kerajaan terpaksa membuat Perbelanjaan Bekalan Tambahan pada suku tahun ke-2. Dan saya yakin ini sebenarnya masih lagi awal kerana masih ada lagi beberapa...

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, saya ingin minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Boleh Sungai Panjang? Silakan Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tadi ada sebut Kerajaan Negeri gagal kerana ada bajet tambahan, belanjaan tambahan. Selama puluhan tahun saya nampak di Parlimen, Dewan Rakyat masa ini yang sepuluh dan dua puluh tahun ini selalu ada bajet tambahan bukan di pertengahan tahun ini tetapi di setiap sidang Dewan Rakyat so maksudnya Kerajaan Barisan Nasional lebih gagal daripada Kerajaan Pakatan Harapan kerana kita hanya minta sekali pada tahun ini. (Tepuk Meja)

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih pandangan dan pendapat. Apa yang skop cuba saya sampaikan Dewan Negeri Selangor pada hari ini. Mungkin saya pun tidak pernah berada di Parlimen dan saya pun sebelum ini ada juga mengikut perbahasan – perbahasan di Parlimen. Saya yakin dan percaya setiap kali Perbelanjaan Bekalan Tambahan ini dibuat ada insentif - insentif atau ada perkara-perkara

29 JULAI 2019 (ISNIN)

baru yang memerlukan peruntukkan yang baru yang ditambah. Tetapi berbeza dengan keadaan kita di Negeri Selangor yang mana banyak peruntukkan ataupun banyak program-program IPR ini yang telah ada wujud sejak dari tahun 2008 lagi yang mana telah dimaklumkan tadi oleh Yang Berhormat daripada...

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Yang Berhormat Tuan Speaker izinkan saya?

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Boleh tidak bagi saya habiskan dulu.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : *Point* yang diutarakan oleh Yang Berhormat, saya pernah berkhidmat dalam Dewan Rakyat oleh katakana rata-rata Belanjaan Tambahan ataupun *Supplementary Budget* ini sebenarnya adalah tambahan kepada program ataupun bajet yang sedia ada tidak ada bajet luar yang dinyatakan dalam VOT dan sebagainya. Jadi, saya rasa mungkin ada sedikit kesilapan yang disebut oleh Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER : Silakan Yang Berhormat Sungai Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Sekali lagi terima kasih Yang Berhormat Bukit Lanjan. Apa pun yang ingin saya sampaikan, kita sudah sedia maklum Kerajaan Pakatan Rakyat sebelum ini yang menjadikan Negeri Selangor ini asasnya adalah Negeri yang berkebijakan bermula dengan merakyatkan Ekonomi Selangor dan ditukarkan kepada Inisiatif Peduli Rakyat tetapi hari ini di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan. Inisiatif - Inisiatif Peduli Rakyat disasarkan atau dijajikan semula yang mana kita lihat ada banyak skim-skim dan program-program yang telah dimansuhkan dan diperkenalkan baru dan juga dijajikan semula. Jadi, bagi pihak rakyat di luar sana apabila Yang Amat Berhormat Sungai Tua, Menteri Besar pada awal pagi tadi ada menjawab soalan lisan yang menerangkan bahawa Negeri Selangor ini mempunyai kedudukan kewangan yang baik dan juga ada peningkatan dari segi perolehan dan juga nilai *reserved*. Sepatutnya segala program-program Inisiatif Peduli Rakyat ini perlulah ditambah baik dan juga ditambahkan bukannya semakin dikurangkan terutamanya Skim Seusia Emas yang hari ini kita sedia maklum tidak ada lagi diberikan Khairat Kematian berjumlah RM2,500.00 yang ditukarkan kepada Jom Shopping RM100.00 untuk perayaan-perayaan. Sedangkan Program Jom Shopping ini sendiri sudah ada programnya sendiri Skim Mesra Seusia Emas sudah pasti sudah ada kumpulan – kumpulan sasarannya perlu diberikan. Saya tidak benarkan. Saya mohon untuk saya habiskan dulu kemudian saya akan berikan peluang kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang lain kalau ada yang nak mencelah. Yang keduanya, Skim Peduli Sihat, kita sedia maklum bahawa untuk Skim Peduli Sihat, KISS, Program Kasih Ibu, Smart Selangor ini telah adapun program -program pemutihan yang dilakukan oleh pihak kerajaan. Sejauh mana program pemutihan tersebut memberikan impak dan implikasi pada perbelanjaan secara menyeluruh dalam Inisiatif – Inisiatif Peduli Rakyat yang kita lihat kesannya di luar sana di peringkat rakyat dan peringkat Negeri Selangor tidak kesahlah ianya di peringkat ADUN ataupun di peringkat Daerah sebab ada banyak rungutan, ada banyak aduan tentang Skim Peduli Sihat yang kad sudah lagi tidak aktif, tidak boleh lagi digunakan, tidak boleh *claim* dan sebagainya. Ini menjadi satu persoalan yang sangat kritikal kepada rakyat dan kita pun mengharapkan kita mencadangkan supaya Sistem Pemberian Kuota mengikut jumlah pengundi ataupun jumlah penduduk ini. Kita perlu Kerajaan mengkaji semula sebab kadangkala Sistem

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Pemberian Kuota ini menjadi masalah kepada rakyat di luar sana kerana kalau kita lihat sudah adapun kriteria dan juga syarat-syarat untuk mereka ataupun seseorang yang warganegara Malaysia yang tinggal di Negeri Selangor ataupun bermastautin dan sebagainya. Ada syarat-syaratnya dari segi pendapatan jadi pada khidmat kami sekiranya mereka itu menepati syarat-syarat dan kriteria yang telah ditetapkan maka berilah, tidak perlu mengadakan sistem kuota mengikut jumlah pengundi dan sebagainya. Kalau mereka layak, kita bagi tidak perlu dibezakan nanti ada pula isunya sampai ke Pusat Khidmat ADUN ataupun Pusat Khidmat Peduli Rakyat kata yang kuota untuk kawasan ini sudah pun habis terpaksa menggunakan kuota kawasan lain dan sebagainya. Jadi kita hapuskanlah sama sekali sistem kuota ini supaya semua rakyat dapat merasakan mereka yang layak dapat merasakan nikmat dan *shared prosperity* ini. Dan berkenaan dengan penjaja semula pemberian air percuma 20 meter padu ini, kita tidak dapat walaupun kita tadi Yang Berhormat Sungai Air Tawar berbahas ada bantahan daripada Yang Berhormat Bandar Baru Klang apabila Yang Berhormat Sungai Air Tawar bercerita dengan keadaan *facilities* dan juga infrastruktur air di Negeri Selangor tetapi pemberian air percuma ini sudah pasti kita tidak boleh elak daripada isu masalah air ini di Negeri Selangor kalau tidak air macam mana nak bagi air percuma kalau ada air itu tidak sampai ke meter individu macam mana air percuma berikan sedangkan air pun tidak ada. Macam mana nak bagi air percuma 20 meter padu kalau buka pili air pun tidak ada airnya.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya Yang Berhormat.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Sila.

TUAN SPEAKER : Silakan Bandar Baru Klang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Yang Berhormat juga seorang peguam tidak akan tidak boleh baca peraturan tetap Peraturan 67 itu jelas berkenaan dengan dasar yang asas dengan berkenaan yang dibentangkan dalam rang undang-undang memang boleh tetapi kualiti air, bekalan air tidak berkaitan. Rang undang-undang berkenaan dengan kebajikan jadi susah saya nak percaya pada pembangkang kadang-kadang. Hari ini cakap lain esok cakap lain, Pi mai pi mai tang tu, Yang nakal jangan baling batu, ini Zaman Malaysia Baru, Orang UMNO pun masuk Bersatu.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Nanti saya bagi borang. Sungai Panjang nak borang ke?

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih Bandar Baru Klang. Saya yakin dan percaya apa yang Sungai Air Tawar cuba sampaikan tadi mungkin kaedah dan penyampaiannya yang mungkin kita perlu diperkemas. Jadi, berkenaan dengan pemberian ataupun inisiatif Program Air Percuma 20 Meter Padu. Kita mencadangkan kepada pihak Kerajaan dalam penjaja air ini kita bersetuju mungkin ramai di kalangan rakyat di Negeri Selangor ini yang mungkin berpendapat tinggi ataupun mereka ini tidak layak menerima air. Jadi mungkin air daripada segi *policy statementnya* kerajaan mungkin boleh mengkaji semula. Kenapa tidak pihak Kerajaan mengambil pendekatan supaya seluruh rakyat Negeri Selangor ini secara asasnya atau secara dasarnya layak menerima air percuma kecuali mereka yang tidak layak maksudnya ianya boleh dilihat dari segi kedudukan, rumah kediaman mereka kalau mereka ini tinggal di kawasan *elite*, mewah dan sebagainya. Mungkin mereka ini boleh dikecualikan terus daripada mendapat air percuma

29 JULAI 2019 (ISNIN)

tetapi kalau mereka ini tinggal di kawasan luar bandar di DUN Sungai Panjang secara khususnya yang mana majoritinya mereka ini bukanlah berpendapatan tinggi dan sudah pasti dan *confirm* di bawah B40 kalau yang ada lebih daripada B40 itu hanya yang segelintir sahaja. Jadi, mereka inilah yang perlu hadir sendiri berjumpa dengan Air Selangor ataupun Kerajaan yang mengatakan dia tidak layak dan dia tidak mahu air percuma tetapi secara asasnya yang lebih mudah dan memudahkan rakyat di luar sana tidak perlu orang yang tidak layak ini pula yang kena pergi nak menghadap kaunter-kaunter kerajaan, nak kena daftar itu ini kerana untuk mendapatkan air percuma bagi sahaja semua air percuma yang mana mereka ini tidak layak ini mereka kena tampil ke hadapan dengan penuh integriti untuk bagi tahu saya tidak layak terima air percuma dan Kerajaan tidak perlu bagi air percuma pada saya. Ini cadangan saya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER : Nak bagi atau tidak? Banting.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Silakan.

TUAN SPEAKER : Silakan Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat adakah Yang Berhormat benar-benar jujur percaya akan ada rakyat Pusat Khidmat berkata Yang Berhormat saya tidak perlukan air percuma jangan bagi air percuma kepada saya. Yang Berhormat memang percaya macam itu ke? Yang Berhormat percaya? Saya tidak perlukan air percuma, jangan bagi. Baik tidak mengapa tidak ada masalah. *No problem, take it I do not need* akan ada ke? Yang Berhormat percaya tidak?

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Ini cadangan saya. Ini cadangan saya. Dan kita berikan kepercayaan sepenuhnya kepada rakyat di luar sana dengan penuh integriti. Tidak akan Ahli - Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor ini kita sendiri tidak boleh tampil mengata yang kita tidak layak terima air percuma. Hari ini kita masih lagi menerima air percuma jadi kenapa tidak *policy statementnya* diubah kita bagi semua orang. Semua rakyat di Negeri Selangor layak menerima air percuma kecuali mereka yang tidak layak. Salah satu *mekanisme* yang boleh difikirkan oleh pihak Kerajaan yang boleh *eliminate* dengan izin kawasan – kawasan perumahan *elite* ini tadi yang mungkin berada di kawasan bandar Shah Alam, Puchong, Sepang dan sebagainya. Kawasan *elite* yang rumahnya nilai dan harganya lebih dari RM500 ribu ,RM600 ribu dan RM700 ribu sudah tentu mereka nak bayar *loan* rumah ini pun sudah lebih daripada RM2,000.00. Jadi, mereka ini kita *eliminate* jadi yang tinggal di kampung khususnya di kawasan DUN Sungai Panjang ini kita bagi semua dulu percuma kecuali yang tidak layak sahaja kita tidak perlu beri.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat, saya masih ingat lagi mantan Sungai Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Saya tidak benarkan.

TUAN SPEAKER : Benar ke tidak benarkan? Banting.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Mantan Sungai Panjang, ingatan saya masih lagi ingat. Saya ingin bertanya masa itu Sungai Panjang Mantan itu yang *previous* dia duduk dekat situ kalau kita bagi air percuma macam itu Kerajaan akan *bankrupt*. Masih ingat lagi....

TUAN SPEAKER : Yang berhormat Banting. Yang berhormat Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang kedua, yang kedua.

TUAN SPEAKER : Yang berhormat Banting, Sungai Panjang tidak bagilah.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Saya tidak bagi.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ini ada perpatahan ada kata lagi Kerajaan perlu...

TUAN SPEAKER : Yang berhormat Banting, Banting, Banting. Sila duduk. Sungai Panjang tidak bagilah. Dia tidak bagi. Sila duduk.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Bagilah Yang Berhormat.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Saya tidak benarkan.

TUAN SPEAKER : Minta duduklah Banting.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Bagi saya habis dulu...

TUAN SPEAKER : Bagi dia habis. Kalau dia bagi lain cerita. Budi bicara. Baik silakan Sungai Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Bagi saya habiskan dahulu. Lepas ini Banting nak mengulas, itu isu lain. Jangan lah ungkit cerita Sungai Panjang yang dah lama, sekarang kita berada di Malaysia Baru. Jadi.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Bagi Borang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Malaysia Baru orang UMNO pun masuk Bersatu.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Kuang bagi borang yuran saya bayarkan.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Bersatu kita tolong bayarkan yuran.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Sungai Panjang dahulu pun kawan saya juga. Jangan lah hina dia dekat dalam ini.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Yang penting hari ini tidak kira siapa yang menjadi Kerajaan. Kita pun sedia maklum di peringkat bukan Kerajaan ini pun bermula pada tahun 2008 kami masih ada dua puluh orang lebih lepas itu kurang belas-belas orang, hari ini tinggal 6 orang tapi tidak mustahil yang akan datang kami pula akan

29 JULAI 2019 (ISNIN)

pergi ke sebelah sana tapi yang paling mustahak adalah kebajikan yang kita hendak maklumkan. Banting boleh tak duduk dahulu.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Sekejap sahaja.

TUAN SPEAKER : Baru bangun dah boleh duduk. Hendak bagi atau tidak?

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Tidak bagi.

TUAN SPEAKER : Tidak bagi Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Bagi saya berdiri sekali lagi.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Sekali lagi apa yang ingin tegaskan sebenarnya kita perlu sampaikan adalah perkhidmatan dan juga kita punya dengan izin servis kepada rakyat tidak kira dalam program-program berbentuk kebajikan mahupun projek-projek ataupun program-program berbentuk pembangunan. Jadi ini perlu diteruskan dan juga diperkasakan dan apabila kita melihat kepada Malaysia Baru yang sering dilaungkan pada hari ini Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri hari ini ditadbir oleh parti politik yang sama tetapi kita lihat dulu Negeri Selangor ini menjadi Negeri contoh kononnya yang lebih terkehadapan di dalam menjaga kebajikan rakyat tetapi selepas peralihan kuasa Pos PRU yang Ke-14, kita lihat semua peruntukan dipotong. Sudah lah di Peringkat Persekutuan di potong, Negeri pun di potong. Jadi kita pun sebagai rakyat pun terkesan.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Saya mohon boleh beri laluan.

TUAN SPEAKER : Kuang minta laluan, sahabat lama.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Saya beri laluan kepada Kuang.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Bagi lah Banting. Banting belum lagi. Parti Demokrasi bagi Banting bersuara.

TUAN SPEAKER : Banting tidak dapat. Sila kan Kuang.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Saya bukan nak kata apa tapi bila dia menyentuh tentang Pakatan Harapan, saya agak sensitif walaupun dia Sungai Panjang ini kampung-kampung saya juga. Pasal Pakatan Harapan ini disentuh dia melibatkan Kerajaan Negeri Selangor dan juga Kerajaan Pusat. Kita melakukan penjajaran ini kerana Kerajaan Persekutuan itu telah kita miliki dan beberapa inisiatif yang dibuat oleh Kerajaan Tempatan atau Kerajaan Pusat akhirnya limpahan itu dirasai di seluruh negara termasuk di Selangor. Jika kita Kerajaan Persekutuan memberikan sesuatu kepada rakyatnya kita pun memberikan yang sama maka itu tidak adil dan saya percaya penjajaran yang dilakukan oleh kita di Peringkat Negeri pada hari ini menepati semangat *federalism* itu. Yang penting sekali rakyat di bawah B40 masih lagi merasai imbuhan ataupun faedah daripada IPR yang kita perkenalkan lebih dari tahun-tahun yang lalu. Terima kasih.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih Yang Berhormat Kuang. Orang kampung saya.

TUAN SPEAKER : Orang kampung boleh bagi peluang ya.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Tapi kalau nak ajak bersatu memang tidak lah. Yang mustahak ini sekarang, yang saya sampaikan hari ini adalah berkenaan dengan program-program IPR di Negeri Selangor. Kalau kita hendak bandingkan program-program bantuan di Peringkat Persekutuan yang mana tidak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Sebagai contoh, kawasan Parlimen Sungai Besar dalamnya ada DUN Sungai Panjang, ada DUN Sekinchan, ada DUN Sungai Air Tawar dan ada DUN Sabak. Kita kawasan persisiran pantai barat ini kawasan nelayan. Nelayan hari ini daripada RM300.00 telah dipotong kepada RM200.00. Kalau mereka ini layak mereka yang menerima Skim Peduli Sihat pun buat pemutihan dah tidak dapat. Kalau mereka ini di kalangan keluarga yang mempunyai Skim Mesra Usia Emas ini pun dah tidak dapat. Program Air Percuma lagi kalau akan datang dijajarkan semula mungkin mereka juga tidak dapat. Jadi semuanya berkurang tidak ada yang bertambah. Jadi saya hendak menutup perbincangan berkenaan dengan perbelanjaan pertambahan pertama ini jadi.

TUAN SPEAKER : Banting bangun lagi. Sebab dan nak tutup dia bangun lagi takut tertinggal. Banting takut tertinggal. Silakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat Sungai Panjang bukannya kita pada pendapat kita bukan lah kerana Kerajaan hendak memotong ke apa tapi yang dahulu bila Yang Berhormat dari Barisan Nasional dan ada membahar mana sahaja Program IPR ataupun MES ataupun apa sahaja akan pasti akan diungkit satu *point* iaitu Kerajaan bersifat populis. Kerajaan menggunakan wang kerajaan dengan tidak mensasarkan golongan yang memerlukan. Saya memetik Yang Berhormat Tuan Speaker kenyataan akhbar daripada Ahli Mantan ADUN Permatang, YBhg. Dato' Sulaiman Razak, Tarikh 21 Januari 2018. Yang Berhormat Dato' Sulaiman Razak menampelak Menteri Besar Selangor, Y.B. Dato' Mohamad Azmin Ali kerana menyediakan bantuan kebajikan bersifat populis dan tidak menyeluruh kepada golongan sasar. Jadi apa yang kita lakukan sekarang adalah kebetulan memastikan ia digunakan sebaik mungkin oleh golongan sasar. Itu adalah pendirian daripada YBhg. Dato Sulaiman Razak, rakan seperjuangan daripada Parti UMNO saya kira masih lagi aktif di kawasan Tanjung Karang. Jadi sebenarnya apa yang dicadangkan Yang Berhormat di sini dan apa yang dicadangkan oleh YBhg. Dato' Sulaiman Razak berbeza. Mana satu pendirian UMNO. Pada pendapat saya yang penting golongan sasar dijaga. Pada masa dahulu mungkin ada yang tersasar, yang tercicir tapi sekarang kita perbetulkan apa silapnya, apa salahnya kalau kita peruntukan tambahan ini dari pembekalan tambahan untuk melakukan apa yang boleh, apa yang sebaik mungkin dan kita tidak potong atau batalkan projek. Yang Berhormat sekalian kena perhatikan antara mengurangkan dan menghapuskan kita tidak menghapuskan, kita hanya kurangkan sana sini kita cuba pastikan wang itu digunakan wang itu di tempat yang betul. Mungkin akan dikurangkan tetapi kalau keadaan diizinkan mungkin kita akan tambah. Mungkin bukan kita akan tambah di tepat yang sama tetapi tambah tempat lain kita akan tambah di PTIS jangan kata sekarang PTIS dihapuskan tetapi kita kan tambah lagi. Jadi apa pendapat Yang Berhormat.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih Yang Berhormat Banting. Saya hendak tutup tadi tapi oleh kerana di tanya pendapat saya jelaskan. Daripada segi asas pendiriannya memang kita kata sebelum ini Kerajaan Pakatan ini sebelum Pakatan Harapan mengambil dasar populis dengan pemberian bentuk-bentuk program-program kebajikan ini tetapi pada hari ini apabila ia hendak disasarkan dan penjajaran semula yang kita lihat apa yang berlaku adalah keciciran bukannya penjajaran ataupun penyasaran semula. Jadi ini yang kita lihat supaya ia dilihat semula dan digunakan *metalogi-metalogi* dengan izin ataupun kaedah-kaedah yang terbaik supaya ia sampai tepat kepada mereka yang memerlukan dan kita dalam penyampaian kita tidak mahu ada yang tercicir. Hari ini ramai yang tercicir daripada yang dapat jadi ini yang menjadi masalah yang membelenggu rakyat khususnya rakyat di Negeri Selangor pada hari ini. Jadi ini yang saya ingin sampaikan di dalam perbahasan kali ini dan sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker memberikan ruang dan peluang untuk menyampaikan perbahasan dalam pembekalan ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Baik Sungai Panjang. Dipersilakan Gombak Setia.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ucap terima kasih di atas kesempatan untuk saya turut terlibat perbahasan Enakmen Perbekalan Tambahan 2019 dan hari ini kita dibentangkan dengan cadangan Pembekalan Tambahan sebanyak RM123 juta ringgit dan mukadimah bagi perbahasan saya pada hari ini ingin saya mulakan dengan seruan untuk mengajak setiap daripada Ahli Dewan Negeri melihat dan menilai semula prestasi kewangan Negeri Selangor. Yang Berhormat Speaker kita tidak mahu mengulangi sikap amalan boros, tidak berhemah serta tata kelola yang buruk seperti yang mana pernah membarah dalam Kerajaan-kerajaan sebelum ini sehingga kerap kali membentangkan, kerap kali kembali kepada Dewan membentangkan Pembekalan Tambahan pada setiap tahun dan budaya membentangkan Belanjawan Tambahan ini tersebut bermaksud wujud kelemahan dari sudut perancangan dan unjuran yang tidak tepat dan meleset. Ini kerana secara prinsipnya pembekalan tambahan hanya dibentangkan sekiranya Negeri atau Negara dilanda oleh kegawatan ekonomi yang benar-benar mendesak atau berlakunya bencana besar sehingga mengakibatkan unjuran asal yang dibentangkan tersasar jauh dan memaksa kita untuk menyediakan perbelanjaan di luar jangka. Namun Kerajaan boleh memohon satu pembekalan tambahan sekiranya cadangan tersebut secara prinsipnya bertujuan untuk membina kapasiti dan kemampuan ekonomi berdasarkan usaha pemerdayaan rakyat di mana kita akan mampu mengoptimumkan potensi tenaga kerja dan meningkat produktiviti Negeri. Ini bermakna cadangan pembekalan tambahan yang dibentangkan haruslah merupakan *stimulus package* sebagai pemangkin kepada pertumbuhan Ekonomi Negeri. Sebab itu sebagai pencerahan kepada rakan-rakan pembangkang yang jarang-jarang ada di Dewan dia ada pagi dia bahas kemudian dan dia hilang tanpa mendengar pandangan-pandangan Ahli-Ahli Dewan yang lain. Suka untuk saya mengajak kembali kita semua mengimbuai beberapa peringatan atau apa yang telah pun sekian lama menjadi dasar Kerajaan Negeri Selangor di mana kita senantiasa memelihara tiga cabang utama prinsip kebertanggungjawaban iaitu *Exanti Accountability*, *Concurrent Accountability* dan *Ex Post Accountability* di mana melalui prinsip ini, *Exanti Accountability* misalnya ianya akan mendorong kita dapat merencana perbelanjaan dengan rapi berdasarkan keutamaan kepada dasar dan unjuran yang bertanggungjawab. Begitu juga dengan soal pemantauan proses pelaksanaan Belanjawan yang telah pun di bentang oleh Kerajaan melalui *Concurrent Accountability* dan setiap di antara kita sebagai Ahli Dewan Negeri sebenarnya mempunyai peranan yang terpenting

29 JULAI 2019 (ISNIN)

dalam *Ex Post Accountability* sebagai ejen semak dan imbang kepada eksekutif supaya pelaksanaan kepada belanjawan yang berhemah dan pencapaian yang produktif dapat dicapai.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Pentadbiran yang telus dan bertanggungjawab dan proaktif sebenarnya merupakan keutamaan bagi urus tadbir Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini. Kita yakin dan percaya bahawa pengurusan yang baik, efisien serta perbelanjaan yang berhemah mampu mempertingkatkan hasil kapasiti serta meningkatkan atau melonjakkan potensi Ekonomi Negeri. Keupayaan Kerajaan Negeri untuk terus mempertingkatkan dan mengurus nilai simpanan tetap dengan berhemah serta keberadaan infrastruktur dalam keadaan baik akan menarik lebih banyak lagi pelabur-pelabur sama ada pelabur asing mahupun pelabur-pelabur domestik untuk terlibat dalam sektor ekonomi di Negeri Selangor. Saya gembira kerana pagi ini, tadi kita baru sahaja mendengar di mana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor telah mengumumkan bahawa terdapat peningkatan rizab Kerajaan Negeri daripada 2.13 bilion ringgit kepada 2.38 bilion ringgit sehingga 30 Jun baru-baru ini. Tahniah kepada Kerajaan Negeri di atas kejayaan ini namun kita juga harus meneliti semula di mana saya berasa amat bersyukur kerana setelah saya meneliti perincian Peruntukan Tambahan yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Pembekalan Tambahan yang dibentangkan ini amatlah memenuhi dan menepati prinsip yang saya nyatakan di awal tadi di mana ia akan memangkin kepada penjana ekonomi. Pada masa yang sama Pembekalan Tambahan ini juga membuktikan sikap tuntas Kerajaan Negeri untuk melaksanakan kebijakan yang peduli rakyat melalui empat Program Inisiatif Peduli Rakyat yang mempunyai impak yang tinggi sehingga ia menjadi buah mulut dan juga menjadi kepedulian buat rakan-rakan pembangkang sendiri iaitu Program SMUE, Program Peduli Sihat, Program Kasih Ibu Smart Selangor atau KISS dan juga Program Pemberian Air Percuma.

Yang Berhormat Speaker, saya percaya program-program ini juga sebenarnya adakah selari dengan dasar Kerajaan Persekutuan yang ada pada hari ini khususnya untuk kita menyemarakkan konsep ataupun agenda kemakmuran bersama ataupun *prosperity*. Dalam ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada rakan-rakan pembangkang yang saya lihat daripada awal pagi tadi, Yang Berhormat Sungai Air Tawar, Yang Berhormat Hulu Bernam, Yang Berhormat Sijangking juga sebelum ini Yang Berhormat Sungai Panjang. Yang saya kira amat prihatin untuk mempertahankan program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Saya setuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Banting misalnya, kalau dulu mereka antara orang yang mengeluarkan kritik yang cukup keras apabila kita memperkenalkan program-program seperti ini. Tetapi alhamdulillah hari ini mereka sedar, dan mereka menjadi orang yang cukup kuat untuk mempertahankan program-program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Ini kerana saya yakin ini kerana mungkin mereka memahami betapa kita sedang kita berusaha membaiki kerosakan-kerosakan ekonomi, yang sebenarnya dibinasakan oleh penyangak-penyangak demokrasi sebelum ini. Biar pun Yang Berhormat Sungai Air Tawar misalnya menyatakan peruntukan tambahan yang kita bentangkan ini semata-mata subsidi untuk kita menyogok rakyat misalnya. Akan tetapi saya yakin sebenarnya ia merupakan tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk menyuntik dinamisme baru kepada rakyat. Supaya kuasa beli rakyat dan juga taraf ekonomi mereka dapat terus ditingkatkan, sekaligus mampu meningkatkan ekonomi yang muram atau *to stimulate the economy* dengan izin Tuan Speaker.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Selain daripada itu, kita juga harus sedar bahawa cadangan Pembekalan Tambahan yang dibentangkan pada hari ini adalah semata-mata atau 100% merupakan peruntukan pembangunan. Maka, walaupun ada bahagian yang menganggap ianya kadar melebarkan kadar defisit negeri daripada RM360 Juta kepada RM480 Juta akan tetapi ia sebenarnya merupakan defisit yang berhemah untuk melonjakkan lagi usaha-usaha pembangunan demi rakyat. Penting untuk saya tegaskan bahawa defisit untuk pembangunan adalah amat berbeza dengan defisit seperti mana yang pernah dibentangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sama ada di peringkat persekutuan ataupun di negeri-negeri yang lain. Kerana mereka membentangkan suatu belanjawan tambahan defisit yang sebenarnya mengemukakan perbelanjaan untuk mengurus. Tapi ia berbeza dengan kita kerana kita kerajaan yang memfokuskan kepada perbelanjaan yang mementingkan rakyat, yang peduli rakyat, maka kita bentangkan sebuah Belanjawan Tambahan untuk menyara pembangunan demi rakyat dan membiayai perbelanjaan-perbelanjaan khususnya program-program yang peduli kepada nasib rakyat di bawah. Pengalaman Kerajaan Negeri dalam...

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Tuan Speaker, boleh saya mencelah?

TUAN SPEAKER: Silakan Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Terima Kasih Yang Berhormat Gombak Setia. Bagaimana boleh dikatakan kerajaan peduli rakyat ini sedangkan Kerajaan Negeri menyasarkan Skim Peduli Sihat daripada 392 ribu kepada 65 ribu? Bagaimana boleh dikatakan seperti itu? sedangkan sepatutnya dikekalkan atau ditambah lagi? Tapi sudah jauh tersasar. Saya hendak soal.

Y.B. TUAN HILMAN BIN IDHAM : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Bernam. Memang itu merupakan matlamat ataupun apa yang saya kira ideal untuk sebuah kerajaan peduli rakyat untuk lakukan. Tetapi kita harus sedar juga, dalam soal kita memberi atau memperdayakan rakyat itu ia haruslah benar-benar menepati kumpulan sasaran sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Banting sebelum ini tadi. Kerana kita mahu setiap mereka mendapat manfaat daripada program-program yang kita laksanakan ini benar-benar mereka yang berada dalam kumpulan sasaran tersebut dan ia nya tidak akhirnya memberi keuntungan mereka yang terangkum dalam kumpulan sasaran yang dimaksudkan. Kerana dalam banyak-banyak program ini, kerana kita bukan ada 1 program, 2 program, kita ada lebih dari 42 program. Baru-baru ini sahaja, Dato' Menteri Besar bentangkan ataupun memperkenalkan satu lagi program untuk anak-anak kurang upaya iaitu Program ANIS. Yang saya kira ia nya merupakan satu program yang cukup baik yang dapat membantu rakyat ini semua. Jadi kita mahu memastikan jangan sampai manfaat ada apa yang ingin kita serahkan kepada rakyat ini ia nya ia sampai ke tangan-tangan yang hanya sebenarnya telah mengambil kesempatan di atas keprihatinan atau kepedulian Kerajaan Negeri pada hari ini. Dan sebab itu, saya kira dalam hal ini pada hari ini saya fikir penting walaupun kita membentangkan ataupun mengemukakan perbelanjaan tambahan tetapi yang penting ialah bagaimana akhirnya kita menguruskan ekonomi dan kewangan Kerajaan Negeri. Dan berdasarkan pengalaman Kerajaan Negeri khususnya dalam beberapa Belanjawan beberapa tahun yang lalu ia membuktikan bahawa perbelanjaan yang berhemah, memperkukuh budaya kerja yang cekap, berintegriti serta keprihatinan kita untuk menutup setiap ruang pembaziran serta ketirisan telah berjaya mengubah Belanjawan yang defisit kepada belanjawan akhirnya merupakan

29 JULAI 2019 (ISNIN)

mengurangkan belanjawan berimbang dan akhirnya mengurangkan Belanjawan Defisit kepada satu jumlah belanjawan defisit yang munasabah.

Saya kira itu sebenarnya memberikan keyakinan kepada kita, Kerajaan Negeri pada hari ini dan juga rakyat di negeri Selangor. Bertapa setiap usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri pada hari ini sebenarnya merupakan usaha yang benar-benar untuk menyantuni setiap rakyat yang memerlukan. Sebab itu, Yang Berhormat Speaker saya mempunyai keyakinan yang amat tinggi kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan yang terbaik untuk rakyat. Saya yakin Yang Berhormat - Yang Berhormat daripada barisan Pembangkang juga faham dan sedar perkara ini sebab itu mereka juga berbahas untuk memastikan kepentingan rakyat itu dapat dipertahankan. Sebab itu kita juga perlu *comment interest* atau tujuan yang utama untuk memastikan rakyat itu dapat kita bela dan saya yakin oleh kerana ataupun atas kepentingan yang sama itu, kita mampu memastikan politik di negeri Selangor ini begitu stabil. Dan insyaallah dengan kestabilan itu kita mampu melaksanakan lebih banyak lagi Program-Program Peduli Rakyat untuk membela rakyat di dalam negeri Selangor ini. Dan akhirnya Tuan Speaker, berdasarkan potensi Perbekalan Tambahan yang mana dibentangkan ini saya amat yakin Kerajaan Negeri Selangor akan mendapat banyak lagi manfaat daripada Kerajaan Negeri khususnya melalui usaha penjana ekonomi Rakyat hasil daripada kepimpinan yang kuat dan muafakat rakyat yang begitu. Yang Berhormat Speaker saya akhiri ucapan saya / perbahasan saya dengan menyatakan bahawa saya menyokong cadangan yang dibentangkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Silakan Yang Berhormat Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih kerana membenarkan Bandar Utama untuk membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini. Di sini saya cuma ingin memberikan sedikit pendapat dan pandangan tentang penjajaran semula inisiatif-inisiatif atau Program Peduli Rakyat di dalam Kerajaan Negeri Selangor. Di sini saya ingin tegaskan bahawa sekiranya dahulu Kerajaan Negeri Selangor merupakan kerajaan contoh kerana mendahulukan rakyat, saya percaya sehingga kini kita masih menjadi kerajaan contoh di seluruh di negara Malaysia. Tepuklah! sikit. Kerana saya. Kerana apa? Kerana kami sehingga kini merupakan Kerajaan Negeri yang masih memperuntukkan begitu banyak jenis skim-skim dan Program Peduli Rakyat di bawah Kerajaan Negeri Selangor sekiranya dibandingkan dengan negeri-negeri lain yang sedang mentadbir. Betul? Atau anda boleh bangkitlah jika ada negeri lain mungkin ada negeri lain yang dapat berikan yang lebih baik berbanding daripada dengan Kerajaan Negeri Selangor. Di sini juga saya membetulkan sedikit bahawa pada pandangan saya penambahbaikan untuk program-program ataupun Skim Peduli Rakyat ini bukan sahaja bermaksud untuk menambahkan peruntukan ataupun dana. Pada saya penambahbaikan telah diperkatakan tadi kita sepatutnya melihat kepada keseluruhan penambahbaikan program ataupun skim tersebut. Sama ada kita benar-benar memberikan bantuan kepada golongan yang benar-benar memerlukan bantuan iaitu golongan B40 dan golongan-golongan yang tidak berkemampuan. Oleh itu, begitu banyak Inisiatif Peduli Rakyat di Selangor kita telah melakukan penjajaran semula tetapi penjajaran semula itu bukan bermaksud berlaku tidak adil terhadap rakyat kita mahu berlaku adil terhadap rakyat untuk pastikan golongan yang betul-betul perlu bantuan ini dibantu bukan sahaja memberikan duit sesuka hati seperti-seperti kerajaan-kerajaan yang lain yang sebelum ini. Jadi, pada saya kita telah melakukan perkara yang sepatutnya di mana kita menyalurkan bantuan kepada orang yang lebih memerlukan. Dan kini fokus kita bukan sahaja kepada

29 JULAI 2019 (ISNIN)

menghulurkan bantuan malahan seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat EXCO tadi kita juga fokus kepada pemerksaan rakyat ataupun warga Selangor. Di sini kita rasa kerajaan kita sepatutnya mendapat pujian kerana pandangan Kerajaan Negeri Selangor adalah berpandangan jauh dan bukannya menggunakan guna sahaja duit rakyat tanpa menilai sama ada Kerajaan Negeri boleh menanggung atau tidak pada masa hadapan. Jadi di sini mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri Selangor cuma saya juga agak bersetuju dengan begitu banyak perubahan tetapi saya juga merasakan Skim Mesra Usia Emas ini boleh sekiranya kita boleh mempertimbangkan semula kerana saya rasa khairat kematian itu seharusnya dinilai semula kerana mungkin ada keluarga-keluarga miskin yang benar-benar memerlukannya. Oleh itu, sekiranya jika dahulu kita memperuntukkan sebanyak RM2500.00 kepada setiap keluarga warga emas, mungkin kini kita boleh kurangkan sedikit dan pastikan orang yang memohon adalah orang yang berkelayakan. Tapi saya rasa Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan skim ini.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAW KHEW : Boleh mencelah sedikit Tuan Speaker?

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Dipersilakan.

TUAN SPEAKER : Silakan Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAW KHEW : Apakah pandangan kalau dari RM2500.00 itu dijadikan, kurangkan jadi lebih kurang jadi, katakan RM1000.00, apa pandangan Yang Berhormat?

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Itu merupakan cadangan saya, dan saya rasa juga cadangan beberapa kawan-kawan yang lain tetapi akhirnya juga terpulanglah kepada Kerajaan Negeri kerana akhirnya perbincangan ini juga seharusnya berdasarkan kemampuan Kerajaan Negeri. Yang itu saya memang setuju cuma saya rasa pada saat-saat sekarang masih ada lagi keluarga yang benar-benar memerlukan bantuan. Ok. Saya rasa ada yang bersetuju. Secara keseluruhannya saya merasakan perubahan ataupun penajaran pada kali ini, penajaran pada kali ini, semestinya secara keseluruhan adalah demi rakyat. Dan kita seperti biasa Kerajaan Negeri Selangor mendahulukan kebajikan rakyat lebih dari segala-galanya. Jadi di sini, saya ingin juga menyatakan bahawa sepatutnya Pembangkang seharusnya juga menilai tentang masa hadapan Kerajaan Negeri Selangor yang ingin memastikan *result* Kerajaan Negeri ini mencapai satu status yang memuaskan sebelum kita memberikan banyak bantuan kepada rakyat-rakyat atau warga di Selangor ini. Oleh ini, saya di sini...

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Mohon mencelah Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Dipersilakan.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Saya mencelah kerana saya amat bersetuju dengan Bandar Utama, tetapi saya juga hendak bertanya dengan Bandar Utama tadi ada menyentuh Pembangkang sepatutnya bersetuju dengan tindakan-tindakan jajaran ini. Adakah Bandar Utama bersetuju ketika pembangkang menyatakan bahawa ramai yang tercicir daripada program kebajikan Kerajaan Negeri ini, dalam mereka susah dan sebagainya. Tapi sebenarnya Pembangkang sendiri tidak tahu ada cara memberi meratifikasikan sama ada yang tercicir itu betul-betul layak ataupun tidak? Atau mereka

29 JULAI 2019 (ISNIN)

membuat serkap jarang, hanya sekadar bercakap tanpa ada asas yang kukuh. Setuju atau tidak?

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Yang Berhormat. Saya merasakan kita tidak boleh menafikan ada juga ADUN-ADUN ataupun Yang Berhormat di sini apabila ada penduduk ataupun ada para pengundi yang pergi kepada PKM mereka, mereka akan terus 'sign' sahaja tanpa memastikan sama ada maklumat itu benar-benar seperti yang dinyatakan ataupun tidak. Saya tidak cakap semua, tapi saya rasa...

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya mencelah boleh ? Tak apa, habiskan dulu.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Tetapi saya rasa bukan semua juga ADUN ataupun Yang Berhormat yang betul-betul melawat setiap rumah ataupun memahami apa yang terjadi kepada keseluruhan keluarga tersebut jadi saya rasa memang Kerajaan Negeri seharusnya mempunyai cara-cara penilaian mereka yang tersendiri berdasarkan kriteria-kriteria tertentu.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Ya. Saya mencelah ya terima kasih.

TUAN SPEAKER : Silakan Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya ingin menjawab sedikit daripada curahan perasaan Dusun Tua tadi yang tak sewajarnya. Bagi saya bagaimana? Kita ni buat serkap jarang ke? Maksudnya apa? Dia punya tuduhan menyatakan pembangkang ini buat serkap jarang, itu salah sama sekali sebab perkara ini kita sebagai wakil rakyat kita kena tahu rakyat kita berapa ramai rumah yang susah macam di Hulu Bernam saya tahu, saya kenal pasti mereka, saya tahu mereka, sebab itu saya bercakap hari ini, kita tak bercakap atas dasar bercakap tak tengok ke bawah, tak pergi turun ke rumah, ini yang kita perkatakan, sebab itu saya tak terima perkataan serkap jarang sebab semua ADUN-ADUN tak kira Pembangkang pun dan Kerajaan buat kerja. Jadi tak usahlah menuding jari, elok-eloklah sikit ya. Jadi sama-sama, sebab kita ni bekerja untuk rakyat, tak payah kita ni nak tuding jari orang lain orang lain kita je betul, tak ada, sama-sama kita perbaharui langkah kita, kalau yang dah tersilap tak pergi tengok rakyat, pergi rumah rakyat, jadi jangan tuduh menuduh seperti ini, jadi kita nak perbetulkan apa cara supaya apa bajet yang digunakan rakyat dapat manfaat ini yang sebenarnya yang kita bincangkan dalam dewan ini. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, silakan Bandar Utama, curahan daripada Hulu Bernam ya.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Saya percaya banyak juga Yang Berhormat di sini memang rajin turun ke rumah melawat dan sebagainya tapi saya rasa ADUN ataupun apa tu wakil rakyat seperti rakyat biasa, kita semua cuma mempunyai masa 24 jam sehari, mungkin juga ada yang tak mampu melakukan semua tu, sebab tu ada juga yang jarang datang ke Dewan, ada juga hanya melakukan lawatan di rumah sahaja kan. Sebab itu apabila kita mahu mengambil sesuatu atau melaksanakan sesuatu polisi, polisi itu seharusnya polisi yang praktikal, kita tak boleh suruh segala ADUN atau pun Yang Berhormat untuk turun ke rumah untuk melawat rakyat, okay, perkara itu boleh dilakukan

29 JULAI 2019 (ISNIN)

sekali sekala, sebab itu, saya juga amat bersetuju untuk dengan Yang Berhormat Banting yang mengatakan sekiranya kita mampu untuk melawat rumah, kita boleh melawat rumah, sekiranya kita tidak mampu untuk melawat setiap rumah, mungkin ada, banyaknya celah. Dipersilakan.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Mencelah.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Banyaknya celah, dipersilakan.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Bandar Utama, setuju tak kalau saya katakan, bahawa tadi e-Kasih ini tak cukup orang nak buat pengesahan, setuju tak kalau kita saya katakan bahawa kita perlu tambah lagi kakitangan di e-Kasih itu supaya pengesahan dapat dibuat secepat mungkin. (dewan bertepuk).

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Kota Damansara, seperti yang diperkatakan saya memang bersetuju secara dasarnya tentang penambahbaikanlah, Kerajaan Negeri Selangor terhadap program-program Kerajaan Negeri Selangor, tetapi sekiranya saya setuju dengan Kota Damansara, sekiranya kita mahu mengambil tindakan ataupun melaksanakan program tersebut, apa yang paling penting, adalah kita mempunyai apa tu, kita mempunyai sistem pelaksanaan yang boleh melaksanakan program-program tersebut, termasuklah memastikan sistem e-Kasih itu boleh dijalankan dengan lancar. Jadi saya amat bersetujulah ini adalah salah satu. Dipersilakan.

TUAN SPEAKER : Bandar Utama, Bukit Lanjan ada pencerahan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : (Ketawa) Saya ada soalan untuk Bandar Utama, selain daripada sistem e-Kasih dan juga BSH, bolehkah Kerajaan Negeri buat satu sistem sendiri di mana kita tidak perlu bergantung kepada e-Kasih bergantung kepada Kerajaan Pusat, bergantung kepada Hasil Dalam Negeri dan sebagainya.

TUAN SPEAKER : Silakan, Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Saya rasa kita pada asasnya kita memang perlu mempunyai sistem la, sekiranya tanpa sistem nanti jadi terganggu kerana, setiap permohonan itu seharusnya apa tu, disemak secara adil dan terperinci, tetapi seperti juga yang diadakan oleh banyak Yang Berhormat di sini, ada juga kes-kes yang luar biasa, tadi tak tahulah siapa yang kata ada yang isteri empatlah, inilah, itulah kan, so.. mungkin ada kes-kes yang luar biasa, so saya rasa bila kita seharusnya mempunyai sistem-sistem yang asas tetapi pada waktu yang sama, sekiranya mempunyai kes-kes yang sangat luar biasa itu, sepatutnya ADUN mempunyai kuasa untuk memberikan maklum balas, dan juga pendapat ADUN untuk kawasan masing-masing, supaya pastikan sekiranya contoh mungkin ada warga emas yang tidak mencapai syarat atau pun terma dan syarat tersebut, tapi sekiranya mereka betul-betul memerlukan bantuan untuk program-program tertentu, ADUN boleh apa tu memberikan pendapat mereka dan mendapatkan persetujuan kerajaan negeri untuk membantu.

TUAN SPEAKER : Ya, Yang Berhormat Bukit Lanjan lagilah.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Soalan saya untuk Bandar Utama juga, soalan tambahan, saya mendapati bahawa ada banyak warga emas yang tidak duduk bersama keluarga ataupun duduk bersendirian sebahagian besar masih ada pasangannya, sebahagian besar juga seorang sahaja, mungkin sudah meninggal dan sebagainya jadi untuk kes-kes seperti ini, kebanyakan kes ini berlaku di kawasan bandar, setuju tak Bandar Utama Kerajaan Negeri Selangor harus pergi cari warga emas ini, kerana mereka tidak ada keupayaan untuk pergi ke Pejabat Daerah, pergi jumpa Pegawai e-Kasih atau pergi isi borang BSH.

TUAN SPEAKER : Silakan Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Speaker, terima kasih Bukit Lanjan. Saya rasa soalan itu merupakan soalan yang cukup bagus, daripada peringkat pusat khidmat, saya rasa banyak ADUN yang sebenarnya menghabiskan ataupun meluangkan masa untuk membantu golongan-golongan seperti ini, tapi saya setuju dengan pandangan Bukit Lanjan, sekiranya Kerajaan Negeri sendiri mempunyai sistem yang lebih terperinci untuk memastikan golongan ini terjaga, perkara ini amatlah digalakkan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Mohon mencelah, Bandar Utama.

TUAN SPEAKER : Taman Medan, boleh.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak minta pendapat daripada Yang Berhormat Bandar Utama, untuk ADUN memainkan peranan bagi mencari golongan sasaran yang untuk dibantu, saya fikir apa salahnya kalau kita menggunakan juga akses kita kepada lantikan-lantikan di peringkat akar umbi seperti Ahli Majlis Kerajaan Tempatan, Ketua Kampung, Ketua Komuniti, dan Ketua Penduduk sebagainya, jadi saya fikir apakah pendekatan itu, pendekatan yang diberikan berkesan untuk kita mencapai sasaran tersebut.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Yang Berhormat. Saya merasakan setiap sebarang jenis pendekatan pun sangat diperlukan kerana sehingga kini golongan seperti ini memang masih ramai di antara mereka tidak ditemui oleh Kerajaan Negeri lagi, tapi walau bagaimanapun, sekiranya kita mahukan golongan ini terjamin ertinya nasib golongan ini terjamin, kita tidak boleh berdasarkan bantuan daripada Ahli Majlis dan Ketua Kampung dan sebagainya sahaja kerana bantuan sejenis seperti itu tidak sistematik. Sekiranya kita mahu memastikan kebanyakan golongan seperti ini terjaga '*at the end of the day*' dengan izin kita harus melaksanakan satu sistem yang khususnya untuk membantu golongan-golongan seperti ini.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Mohon mencelah.

TUAN SPEAKER : Silakan, silakan Dusun Tua.

29 JULAI 2019 (ISNIN)

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Bandar Utama saya ingin bertanya, saya tekankan Bandar Utama, sebab saya khuatir ada yang tidak faham beza kenyataan dan pertanyaan saya ingin bertanya kepada Bandar Utama, dalam kerangka kita sedang melakukan pemutihan ini tadi pembersihan senarai-senarai dalam penjajaran ini adakah setuju Bandar Utama ini pertanyaan adakah setuju Bandar Utama bahawa kita jangan sekat dahulu pemberian itu, tapi kita dalam rangka pemutihan ini, terus memberikan pemberian itu, kebajikan ini dan kemudian apabila kita dapati mereka tidak layak barulah kita keluarkan mereka daripada sistem kita. Ini satu pertanyaan ya Bandar Utama.

TUAN SPEAKER : Silakan Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Saya terasa macam EXCO pula hari ni ya (dewan riuh) Sebab..

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Tahniah, tahniah Yang Berhormat. Ini asuhan, asuhan, didikan dan latihan.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Saya setuju sekiranya kita dapat menjaga kebajikan rakyat dengan cara terbaik memang saya setuju tapi kenapa saya cakap seperti tadi kerana ini sepatutnya soalan ini dijawab oleh EXCO kita (ketawa dan dewan riuh), soalan ini saya tak mampu nak jawab kerana saya tak tahu situasi dalaman macam mana, tapi sekiranya kita berkemampuan saya pun mohonlah kalau EXCO boleh laksanakan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dusun Tua okay. Ada soalan lagi tak, kalau tak ada saya teruskan, (dewan riuh) kalau tak saya teruskan jelah, saya pun terlupa saya dah cakup sampai ke mana, tapi akhirnya sekali saya ingin katakan di sini bukan sahaja kita mempunyai penjajaran, tapi banyak program yang baru ditambah oleh Kerajaan Negeri Selangor, demi kebajikan seperti apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat oleh Program Khas Anis ya, Program Khas Anis program yang begitu bagus bila kita tidak memikirkan golongan OKU, dan sebenarnya di bawah DUN Bandar Utama hanya ada seorang penerima sahaja tapi Bandar Utama tak akan bising kerana ada seorang penerima sahaja, kerana bantuan seperti ini, bila kita, bila kita.

TUAN SPEAKER : Minta gulung ya minta gulung ya, masa.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Bila kita melihat diri kita sebagai wakil rakyat, seharusnya kita melihat bantuan untuk warga Selangor ini secara keseluruhan dan bukan di kawasan DUN sahaja, oleh itu, akhirnya Bandar Utama hanya ingin menyokong Rang Undang-Undang yang dibentangkan. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Baik, baik saya minta pihak kerajaan bawa usul ya.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut :-

“Bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini, mengikut peraturan 11(2) dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, hendaklah ditangguhkan sehingga hari Rabu, 31 Julai 2019 memandangkan 30hb Julai, 2019 merupakan hari melepaskan am tambahan bagi

29 JULAI 2019 (ISNIN)

seluruh negara sempena hari pertabalan Yang Dipertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUANSPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

DEWAN : Ya.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul dipersetujui, dan dewan ditangguhkan dan akan bersambung pada 31hb. Julai, hari Rabu jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 4.30 PETANG)